

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA (BAJET)

Shah Alam, Jumaat , 24 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959)

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS., AMS
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Shukri bin Mohamad Hamin
Setiausaha

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi
Penolong Pegawai Tadbir

BENTARA

Encik Md. Saref bin Salleh

PELAPOR PERBAHASAN

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Sit Salina bt. Muftar

(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Selamat bahagia dan selamat pagi. Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Bajet Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua Belas di sambung semula dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker, Soalan No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : TINDAKAN KE ATAS GERAI-GERAI ATAU PREMIS PERNIAGAAN HARAM

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Tuan Speaker bagi mengatasi masalah gerai-gerai tanpa lesen di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :

- i) Memberi permit sementara kepada penggerai yang berminat untuk berniaga di lokasi yang sesuai dan tidak menimbulkan masalah.
- ii) Menempatkan peniaga-peniaga di *kiosk-kiosk* yang dibina di dalam kawasan Majlis.
- iii) Mendirikan gerai-gerai yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri ataupun UPEN untuk menempatkan peniaga-peniaga sedia ada bagi mengatasi masalah gerai haram.

Pada masa ini belum ada sebarang Pelan Induk yang dirangka untuk mengatasi atau menyusun semula gerai-gerai haram. Walau bagaimanapun, bagi kilang-kilang haram satu program telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor iaitu Program Pemutihan Kilang-Kilang Haram di Negeri Selangor. Selain itu, kerajaan negeri juga turut membina 634 gerai di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Sabak Bernam bagi menyelesaikan sebahagian gerai-gerai tanpa izin yang wujud. Gerai-gerai tersebut telah pun siap dan proses penempatan penggerai sedang dijalankan secara berperingkat. Tuan Speaker, setakat ini, kerajaan negeri tidak mendapat sebarang maklumat berhubung pembinaan gerai

separuh siap di mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, pembinaan gerai yang menggunakan peruntukan kerajaan negeri telah siap dibina dan sedang di dalam proses kemasukan penggerai. Terima kasih.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Di dapati berapa kawasan contohnya di Paya Jaras, Kota Damansara di bawah PBT-PBT yang lepas kerajaan Barisan Nasional telah membina gerai-gerai yang saya maksudkan kemudian apabila kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih gerai-gerai tersebut hingga hari ini tidak dapat disiapkan. Kita tahu bahawa memang sama ada tender ataupun penganugerahan tender yang dibuat sebelum ini cuma saya berharap supaya ianya tidak menjadi Gajah Putih di kawasan-kawasan tersebut. Ini adalah untuk penggerai-penggerai yang telah dibanci oleh Majlis Tempatan ataupun bandar raya dan perlu diberi ataupun disiapkan dalam masa-masa tertentu untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Cuma saya bertanya kalaulah dapat ataupun bilakah dapat gerai-gerai tersebutnya contohnya di kawasan Paya Jaras ada dua, di Kota Damansara pun ada dua di bawah Majlis Bandar Raya Shah Alam. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras. Sebenarnya kita tidak dapat kita belum menerima mana-mana maklumat bahawa ada gerai yang tidak disiapkan. Jadi kalau Yang Berhormat ada maklumat itu, sila tujukan kepada saya ataupun PBT yang berkenaan. Selain daripada itu, PBT telah diarahkan kita akan menjamin semua peniaga-peniaga kecil yang ingin ataupun penjaja-penjaja kalau mereka perlukan permit kita telah mengambil langkah-langkah untuk memberi permit sementara selagi dia tidak menimbulkan masalah dan kita sedang ada usaha membolehkan lebih ramai penjaja-penjaja untuk berniaga. Kita sediakan tapak-tapak yang baru dan satu polisi baru iaitu sebelum kita mendapatkan alternatif ataupun tapak alternatif kita tidak akan halau siapa-siapa. Jadi dengan cara ini kita rasalah kita dapat memberi bantuan kepada semua peniaga-peniaga kecil. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Terima kasih apa yang telah ditimbulkan oleh Y.B. Saya merasakan memang bermasalah premis yang sudah siap pernah juga kami berbincang dengan PBT dan juga PKNS di mana harga gerai terlalu mahal diturun pun masih terlalu mahal dan masih kita berharap agar itu diturunkan ini di kawasan Kota Damansara yang telah disebutkan. Kami berharap ada sesuatu yang boleh berlaku hingga yang peniaga itu dapat menduduki tempat tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Kalau ada gerai-gerai yang dibina oleh PKNS saya bercadanglah Yang Berhormat boleh mengadakan rundingan teruslah dengan PKNS tetapi kalau perlukan bantuan daripada PBT bolehlah juga *contact* ataupun berhubung dengan saya dan ataupun PBT. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ialah apa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi mengenai permit ataupun lesen sementara. Apakah kaedah ataupun kriteria untuk memohon permit ataupun lesen semendera, soalan No. 1. Soalan yang No.

2, saya difahamkan sebentar tadi Majlis Perbandaran Sepang tidak ada gerai yang baru dibina, kenapa? Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Kriterianya sangat senang. Selagi orang itu warga Malaysia yang dengan badan yang sihat dia boleh dapat tapi syarat-syaratnya sebeginilah tidak boleh menimbulkan apa-apa masalah termasuk 'traffic' ke dan sebagainya. Dan untuk kawasan Sepang saya rasa belum ada gerai-gerai ataupun kiosk-kiosk yang baru dibina mungkin kerana keperluannya belum ada. Kalau ada, selagi ada keperluan kita akan buat, tidak jadi masalah. Sebab memanglah kerajaan Pakatan Rakyat ingin memberi bantuan kepada semua peniaga-peniaga kecil ataupun usahawan-usahawan kecil. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan No. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENYERAHAN PUTRAJAYA

29. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah keluasan tanah Negeri Selangor yang diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk pembinaan pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah pampasan yang diterima oleh Negeri Selangor dan bagaimanakah cara pembayaran yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak ?
- c) Apakah kesan dan manfaat jangka pendek dan jangka panjang yang diterima oleh rakyat Negeri Selangor selepas penyerahan tanah tersebut ?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismilahir Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, respons terhadap pertanyaan Sekinchan tentang penyerahan Putrajaya.

- i) Berapakah jumlah keluasan tanah Negeri Selangor yang diserahkan kepada Kerajaan Pusat bagi pembinaan pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya?
- ii) Nyatakan berapakah jumlah pampasan yang diterima oleh Negeri Selangor dan bagaimanakah pembayaran dipersetujui oleh dua pihak berkaitan?
- iii) Apakah kesan dan manfaat jangka pendek dan jangka panjang diterima oleh rakyat Selangor selepas penyerahan tanah tersebut ?

Suatu perjanjian penyerahan Putrajaya oleh Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan dimeterai pada 20 Julai 1995. Perjanjian tersebut memperuntukkan suatu pemberian untuk selama-lamanya tanpa sekatan kepentingan kepada Persekutuan berkenaan dengan satu kawasan dalam Daerah Sepang di Negeri Selangor yang semenjak itu dinamakan Putrajaya bagi maksud menubuhkan

satu Pusat Pentadbiran Persekutuan dan bagi maksud tambahan-tambahan lain. Pada 7 November 2000, suatu persetujuan dicapai antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kawasan yang dipanggil Putrajaya itu diletak hak kepada Kerajaan Persekutuan sebagai suatu Wilayah Persekutuan yang dikenali sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya. Wilayah Persekutuan Putrajaya meliputi kawasan seluas 4931 hektar.

Melalui perjanjian tersebut Kerajaan Persekutuan memberikan sejumlah RM200 juta dan RM7.5 juta setiap tahun untuk selama-lamanya.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju memberikan dan memperuntukkan sebanyak RM800 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi tujuan pembangunan kawasan-kawasan yang terletak dalam Daerah Sepang, khususnya pembangunan di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sekiranya keseluruhan atau mana-mana bahagian jumlah wang tersebut tidak digunakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, jumlah wang itu dan mana-mana bahagian hendaklah diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, pihak negeri sudah memulakan kajian awal untuk menentukan pembangunan yang diperuntukkan itu dilaksanakan dan kos-kos untuk membangunkan itu bersesuaian supaya Negeri Selangor mendapat peruntukan yang sepatutnya sebagaimana yang dijanjikan. Kedua, kita hendak mengkaji perjanjian tersebut supaya mendapat *key* tentang cara kita melaksanakan seterusnya kerana kita juga mempunyai perjanjian untuk Bandar Raya Kuala Lumpur, di samping Putrajaya. Walaupun sudah di persetujuan tetapi ada beberapa perkara tentang pengurusan frasarana seperti sungai dan jalan raya yang perlu dikemaskinikan kerana tindakan ini bakal melibatkan kos pentadbiran. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Pada tahun 2001 apabila penyerahan ini hendak dilakukan, kita telah mencadangkan supaya penyerahan tidak dilakukan secara selama-lamanya selagi ada bulan dan bintang. Kita telah mencadangkan masa itu supaya penyerahan ini dibuat secara pajakan supaya ertinya cukai atau pun bayaran pampasan akan dinilai setiap secara pajakan supaya sesuai sekarang kalau kita tengok RM 7.5 juta amat kecil yang dibayar oleh pihak Persekutuan kepada Selangor. Akhirnya ia akan menjadi macam perjanjian penyerahan Pulau Pinang oleh Kedah yang sekarang harga ratusan ringgit sahaja tidak ada nilainya. Pada masa jangka panjang juga nilai RM 7.5 juta ni seolah-olah RM 7.50 akan datang bila seribu dua ribu tahun akan datang.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, soalnya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalnya apakah tidak mungkin kita '*review*' balik perjanjian ini penyerahan itu hendaklah bersifat pajakan dan kita akan boleh nilai dari masa ke semasa dari segi harga tahunan yang dibayar ah... apa ni.. kepada Selangor, saya ingat sekarang sepatutnya dibayar seratus juta satu tahun untuk nilai sekarang akan datang mungkin seribu juta kalau dengan 7.5 juta akan datang tidak ada maknanya ya. So, saya ingat kita perlu '*review*' balik buat secara pajakan yang kita boleh naikkan bayaran tu mengikut kesesuaian harga semasa dan kalau kita rasa tidak adil kita sekarang memerintah kita boleh ambil balik kerana masa itu apa ni.. Dato' Mohamad Khir Toyo dia pihak kerajaan mudah sahaja dia serah, kita sekarang bukan pihak kerajaan Persekutuan, kita adalah kuasa pemerintah kita. Kalau rasa '*review*' apa ni.. penilaian itu tidak bagus kita boleh angkat, kalau dia tak mahu ikut kita tarik balik, ambil balik Putrajaya tu, Tuan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bukan. Perjanjian bukan boleh diselesaikan sesenang itu tetapi saya berpendapat semua Ahli Dewan termasuk daripada Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional kalau ada kesempatan boleh berunding, dan sudah tentu agak sukar untuk mengadakan rundingan terhadap perjanjian yang sudah dimaterai. Oleh sebab itu perkara yang hanya boleh dilakukan berbentuk '*moral situation*' ataupun '*political situation*'. Tetapi daripada segi perjanjian, kita mesti terima hakikat yang perjanjian sudah ditandatangani. Walau bagaimanapun, tanggungjawab kita untuk bersama-sama mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan termasuk juga meminta nasihat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan supaya kita sama-sama cuba bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan untuk menyatakan kepada mereka yang pembangunan Negeri Selangor penting demikian juga pembangunan Wilayah Persekutuan dan Bandar Raya Kuala Lumpur. Oleh sebab itu, dengan cara itu kita mungkin dapat pertimbangan sebab saya tahu dalam perundingan, strategi perundingan mestilah kemas. Boleh jadi pada masa itu Kerajaan Persekutuan agak 'dominan' sedikit dan oleh sebab itu, nampaknya mereka dapat meneruskan pengambilalihan itu dengan cara cepat dan boleh jadi baru sekarang kita kira kesukarannya. Jadi serupa juga macam penswastaan baru sekarang kita sedar tentang berlakunya kesilapan. Tetapi ini saya agak boleh dicuba, walaupun sudah agak terlambat.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya soalan baru daripada Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, masih soalan 30.

TUAN SPEAKER : Soalan 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOI)

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri akan mengemukakan satu enakmen kebebasan maklumat dalam penggal ini untuk memastikan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor?
- b) Apakah masalah teknikal yang bakal dihadapi oleh kerajaan negeri dan bagaimana masalah ini boleh diatasi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat '*The Freedom Of Information Act*': Adakah Kerajaan Negeri mengemukakan suatu enakmen kebebasan maklumat dalam penggal ini untuk memastikan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor? Walaupun Pakatan Rakyat mengumumkan kita perlu mengadakan satu prinsip kebebasan maklumat, namun Kerajaan Negeri perlu mengikut undang-undang yang perlu dihalusi di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Ada beberapa undang-undang yang hanya boleh diluluskan melalui Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ada beberapa usaha yang dilakukan oleh beberapa kumpulan untuk membentangkan suatu enakmen ataupun kalau di pihak Kerajaan Persekutuan, Rang Undang-Undang, yang boleh menjana usaha '*Freedom of Information*' ataupun Akta '*Official Secret Act*' ini dapat dimansuhkan ataupun dikurangkan

pelaksanaannya. Pada masa ini sebuah Jawatankuasa ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ahli EXCO kita Yang Berhormat Elizabeth Wong dan melibatkan golongan aktivis dan profesional, dan peguam bagi membincangkan cara Kerajaan Negeri dapat melaksanakan enakmen tersebut. Saya sebelum ini sudah menyediakan draf enakmen tersebut tetapi perlu disemak oleh beberapa perkara undang-undang yang perlu kita perhalusi sebelum perkara ini dapat dilaksanakan.

Kedua, apakah masalah teknikal, masalah yang mungkin dihadapi dalam percanggahan dan peruntukan undang-undang negeri seperti yang saya katakan tadi dengan undang-undang Persekutuan, misalnya Akta Rahsia Rasmi. Akta Rahsia Rasmi ini yang diwujudkan pada tahun 1972 dan dipinda pada tahun 1986 mengambil definisi yang terlalu luas mengenai Rahsia Rasmi sehinggakan menjejaskan ketulusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan dan bagi memastikan rakyat dapat menyelia prestasi Kerajaan. Maknanya, Akta '*Official Secret Act*' ini tidak dapat memberikan peluang untuk maklumat disebarikan oleh sebab tiap-tiap ahli terutama Ahli Eksko dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri mengambil tindakan persendirian untuk mengikuti undang-undang '*or Official Secret Act*'.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan Kerajaan Persekutuan di bawah BN ini begitu berani mencabar kuasa Kerajaan Negeri dalam pelantikan Ketua JKK. Adakah Yang Amat Berhormat juga akan bercadang menjadikan Kerajaan Negeri Selangor ini kerajaan negeri pertama yang mencabar kesahihan OSA di peringkat Mahkamah Persekutuan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat, berkaitan dengan soal-soal tersebut. Tuan Speaker, saya rasa sebelum kita membuat cabaran kita kena membuat persediaan yang cukup, cukup terperinci. Jadi saya dapati beberapa keputusan Mahkamah Tertinggi ada membaca undang-undang seperti yang diluluskan. Oleh sebab itu, harapan kita untuk menang dalam usaha ini agak tipis. Yang pertama ia mengambil banyak masa kita. Kedua, kosnya agak tinggi jika kita tahu hanya '*for public knowledge*' tetapi daripada segi kemenangan itu tidak. Saya perhatikan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi kita berbanding dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh '*Supreme Court*' di Amerika dan juga '*the house of lord*' agak ada ukuran daripada statistik yang saya baca, lebih kurang '*sixty to forty*', maknanya 60 peratus memihak undang-undang yang sedia 40 peratus ini untuk '*The Supreme Court*'. Tetapi kajian yang dibuat oleh beberapa rakan kita mendapati Mahkamah Persekutuan sana '*the probability is less one percent*', kita menang. Maknanya '*there is the high probability*' jika kita boleh buat bisnes tetapi hasilnya boleh jadi tidak dapat memberikan kita peluang. Oleh itu, saya tidak selalu agresif untuk meneruskan tetapi usaha untuk menentukan enakmen kesahihan maklumat ini merupakan usaha Pakatan Rakyat dan ia perlu diteruskan, bukan sahaja secara undang-undang tetapi juga secara politik dan secara sosial.

TUAN SPEAKER : Sijangkang

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima Kasih Tuan Speaker Soalan daripada Sijangkang Soalan 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL

31. Gelanggang futsal yang menelan kos yang tinggi di daerah-daerah Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status gelanggang futsal dan tanah tempat pembinaan gelanggang tersebut.
- b) Gelanggang tersebut tidak menepati spesifikasi contohnya pagar yang rendah. Siapakah yang bertanggungjawab kepada penyelenggaraan projek seperti gajah putih ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sijangkang mempersoalkan tentang Gelanggang Futsal. (a) Apakah status gelanggang futsal dan tanah tempat pembinaan gelanggang tersebut dan? (b) Gelanggang tersebut tidak menepati spesifikasi, contohnya pagar rendah dan siapa yang bertanggungjawab? Pada 2006, dan sehingga 2008 kerajaan negeri membina sebanyak 152 gelanggang futsal di sembilan daerah negeri iaitu Petaling 16, Gombak 16, Klang 13, Hulu Langat 10, Kuala Langat 12, Kuala Selangor 40, Sepang 13, Hulu Selangor 13, Sabak Bernam 19. Sejumlah 152 gelanggang futsal, gelanggang tersebut dibina di tanah milik kerajaan. Soalan yang kedua, Gelanggang-gelanggang futsal dibina oleh kerajaan negeri di kawasan-kawasan kampung tradisi dan dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah setiap daerah. Maka gelanggang futsal yang dibina di kawasan-kawasan tersebut diurus selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan daerah tersebut.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker Soalan Tambahan. Saya memandangkan serius pembinaan 152 gelanggang futsal ya.. dalam tempoh masa yang begitu singkat dan sila nyatakan apakah keperluan membina gelanggang futsal dalam tempoh masa yang begitu singkat 152 buah gelanggang dan berapakah belanja untuk setiap satu gelanggang futsal. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Yang Dipertua. Bagi pengetahuan Yang Berhormat Sekinchan, keputusan untuk membuat futsal ini dibuat sebelum kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi soalannya kita tidak boleh menyoal kenapa? Tetapi sekarang kita mesti mempersoalkan penggunaannya, bagaimana penggunaan itu dapat diusahakan dengan sebaik-baiknya dan bagaimana kos pembinaan itu dapat dilakukan?. Kalau tidak kita perlu berbincang di sini dan penggunaan itu supaya belia-belia ada masa dapat bersukan dan riadah. Jadi saya terima konsep tersebut. Keluasan gelanggang futsal ialah 80' x 140' dan purata harga antara RM50 ribu dan RM100 ribu. Masalah harga ni, 'range' nya tu terlalu besar tetapi tak boleh kita persoalkan sehingga kita buat kajian. Er.. dan itu bergantung pada keadaan muka bumi dan keadaan gelanggang tersebut.

TUAN SPEAKER : Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengemukakan soalan nombor 32.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : PEMBINAAN RUMAH-RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DI
NEGERI SELANGOR**

32. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah bentuk tindakan yang akan dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi rumah-rumah ibadat yang dibina secara haram dan tidak berdaftar?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memberikan kebenaran pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam melebihi keluasan 0.4 hektar?

Y.B. TUAN. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Permatang. Tuan Speaker, bagi rumah-rumah ibadat yang dibina secara haram dan tidak berdaftar, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2008 yang telah diadakan pada 9 Julai 2008 memaklumkan bahawa semua Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenakan kompaun bayaran kepada pemilik-pemilik rumah ibadat yang dibina secara haram dan bayaran kompaun itu perlu dijelaskan. Secara berterusan sehingga pemilik-pemilik rumah ibadat tersebut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan. Selain itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju semua PBT mengambil tindakan tegas di atas mana-mana struktur yang baru dibina lepas 8hb Mac tanpa kebenaran dan ini juga termasuk surau dan atau masjid juga tidak dikecualikan daripada tindakan ini. Walau bagaimanapun semua PBT tahu atau agensi-agensi kerajaan yang lain hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri bagi mengambil sebarang tindakan perobohan rumah –rumah ibadat ini. Kerajaan Negeri telah meluluskan dasar berhubungan hal ehwal selain Islam serta peranan jawatankuasa hal ehwal Islam di Negeri Selangor. Di dalam dasar ini telah dipersetujui bahawa keluasan bangunan keagamaan selain Islam ditapak baru sama ada disediakan kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan adalah ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun bagi kes-kes bangunan sedia ada yang melebihi 10,000 kaki persegi dan tanah-tanah yang disediakan oleh pemaju keluasannya boleh dipertimbangkan mengikut kes-kes tertentu. Masalah yang kita hadapi sekarang Yang Berhormat–Yang Berhormat, ialah di mana Kerajaan Barisan Nasional telah memberi beberapa kawasan-kawasan lapangan untuk membina tempat-tempat ibadat tanpa kelulusan dari PBT atau mana-mana pihak kerajaan. Sekarang kita di Pakatan Rakyat mencari jalan untuk kemaskinikan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan yang lepas. Bukan sahaja tempat-tempat permainan telah diambil tetapi banyak kawasan-kawasan perumahan di dalam kawasan *reserve* semua telah didirikan tempat-tempat ibadat. So saya mintalah isu ini memang sensitif kepada semua. Kita kena bekerja sama-sama untuk cari macam mana untuk kita nak selesaikan masalah –masalah berdepan dengan kita. Jangan kita main politik sangat atas isu keagamaan dalam negara kita. Kita di Pakatan Rakyat bersedia untuk berada, bertemu, berbincang dengan siapa-siapa pun untuk mengatasi masalah ini yang kita hadapi.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Sijangkang

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingin bertanya adakah pembinaan rumah ibadat ini sama ada kuil, tokong, ataupun surau dan masjid mengambil kira kepadatan penduduk

dan juga bilangan jarak rumah-rumah ibadat ini sekiranya syarat-syarat ini ada dan tidak dan telah dibina rumah-rumah ibadat ini apakah tindakan yang boleh kita boleh lakukan.

Y.B. TUAN. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Memang kita ada undang-undang yang kita telah ditetapkan tetapi malang sekali kita nampak sekarang tidak ada mana-mana pihak mengikut undang-undang yang sudah diadakan. Ini saya ingat adalah kuasa-kuasa dulu yang saja macam itu bagi mereka bina tanpa ikut undang-undangan yang dia ada. Lepas bina biarkan saja macam itu. Memang mereka anggarkan bahawa Barisan Nasional akan menerajui negara kita selama-lamanya. Tetapi sekarang, bagi saya jawab dulu. Tetapi sekarang, saya kita berhadapan dengan masalah yang dibangkit oleh Sijangkang. Ada beberapa kawasan begitu juga tetapi telah didirikan tempat – tempat ibadat. So kita kena tengoklah kalau masa depan kita akan bagi mana-mana tempat untuk mendirikan tempat-tempat ibadat memang kita akan ikut garis panduan yang telah disediakan oleh pihak-pihak kerajaan dan lepas tu saja baru boleh kita luluskan tempat-tempat ibadat yang untuk masa depan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan Speaker.

PUAN SPEAKER : Silakan Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Saya mengikut apa jawapan yang diberi oleh EXCO berhubung dengan masalah yang saya kemukakan. Saya nak bertanyakan 2 soalan tambahan ini. Yang pertama, apakah rasional di sebalik kes pencerobohan kuil Seri Kaliyaman di Ampang yang mana pegawai kita Timbalan kalau tak silap saya Timbalan YDP sehingga digantung tugas sebab saya percaya semua tindakan-tindakan yang diambil sudah tentu berdasarkan arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak majlis perbandaran berkenaan, satu. Kemudian yang ke dua saya juga mengikut sidang akhbar yang dibuat oleh Yang Berhormat Exco bersama dengan Yang Berhormat Pandamaran lebih kurang 2 bulan yang lalu yang menyatakan bahawa untuk pembinaan rumah-rumah ibadat tidak ada had boleh dibina. Seolah-olah menggambarkan bahawa, tadi dia rujuk bahawa hanya kes-kes tertentu. Jadi di dalam sidang akhbar tu boleh dibina tanpa had dan 2 hari selepas itu dalam sidang akhbar yang berlainan, Yang Amat Berhormat Ijok, Menteri Besar menafikan bahawa EXCO telah buat keputusan mengenai perkara-perkara berkenaan jadi saya mohon penjelasan untuk 2 perkara tadi.

Y.B. TUAN. DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Perkara yang pertama untuk Ampang Ampang Jaya kita mengaku bahawa kesilapan telah berlaku di mana pihak MPPJ telah merobohkan kuil tanpa mendapat apa-apa keputusan ataupun arahan dari EXCO dan lepas itu jawatankuasa melalui EXCO yang, yang, yang berkenaan kerajaan tempatan telah buat keputusan untuk menggantung kerja sementara pihak yang berkenaan yang telah melakukan *command of order* untuk membuat demikian. Yang katakan tidak ada had itu saya ingat tidak betullah. Sebab kita ada garis panduan. Mana-mana tempat ibadat yang kena dibina kena ikut garis panduan yang kita ada. Kita memang ada undang-undang. Saya faham semua Yang Berhormat faham isu ini. Bukan boleh dibina suka-suka mereka sahaja. Ini melalui semua PBT, melalui Perancang Bandar, melalui garis panduan yang kita ada, mereka kena ikut. Tetapi adalah kes-kes yang tertentu yang mereka nak minta keluasan yang lebih besar ataupun ketinggian yang lebih tinggi itu semua akan kita akan ambil pertimbangan itu semua dan kita tengok macam mana keadaan keseluruhan di kawasan itu boleh kah tidak kita bagi mereka apa itu *permission* untuk berbuat demikian. So memang ada garis panduan dan ada yang dia punya cara untuk mereka boleh melakukan sesuatu.

PUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KUTIPAN LETAK KERETA

33. Y.A.B Dato' Menteri Besar bersama beberapa orang Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melakukan sitaan terhadap mesin kutipan letak kereta di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Y.A.B bercadang memansuhkan kutipan letak kereta di semua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di Negeri Selangor?
- b) Jika ada, bilakah akan dilaksanakan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Kerajaan Negeri pada 1 April 1998 dengan izin Kerajaan Negeri terdahulu telah meluluskan pelaksanaan sistem kutipan hasil tempat letak kereta bersepadu bayar dan peraga *pay and display* dengan izin di seluruh Negeri Selangor kepada 2 syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd dan Syarikat Godel Parking Sdn. Bhd. Tempoh konsesi adalah selama 20 tahun bagi Godel dan 25 tahun bagi Suasa Efektif. Tiada perjanjian utama dengan kerajaan negeri. Perjanjian ditandatangani dengan PBT yang terlibat dengan kedua-dua syarikat konsesi. Syarikat Suasa Efektif Sdn. Bhd diberi konsesi bagi pihak berkuasa tempatan berikut :

- 1) Majlis Bandaraya Shah Alam
- 2) Majlis Perbandaran Klang
- 3) Majlis Perbandaran Selayang
- 4) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- 5) Majlis Perbandaran Kajang
- 6) Majlis Perbandaran Sepang .. yang belum beroperasi dan juga 8 Majlis Daerah Kuala Selangor juga belum beroperasi.

Syarikat Godel pula diberi konsesi bagi PBT berikut :-

1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
2. Majlis Perbandaran Subang Jaya
3. Majlis Daerah Kuala Langat

4. Majlis Daerah Hulu Selangor .. yang belum beroperasi dan juga Majlis Daerah Sabak Bernam juga belum beroperasi.

Pihak kerajaan negeri perlu menilai dan membuat kajian secara terperinci sekiranya ingin memansuhkan kutipan letak kereta di semua majlis perbandaran dan majlis daerah di Negeri Selangor. Ini adalah kerana kedua-dua syarikat konsesi telah pun menandatangani perjanjian dengan PBT yang berkaitan. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di sini hutang untuk letak kereta ini sangat-sangat tinggi. Ke dua-dua syarikat ini kalau kita jumlahkan sudah lebih daripada 200 juta. Mengapa begini? Saya rasa ini adalah kerana sistem yang sedia ada sekarang ini tidak berkesan, kompaunnya terlalu tinggi dan cara kutipannya kurang berkesan. Sebab itu kita telah bagi pihak saya bagi pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan telah mengadakan beberapa rundingan dengan Godel dan Suasa supaya mencari satu sistem yang lebih berkesan, yang lebih kemas supaya kita dapat mengatasi masalah begini. Saya bagi contoh, bagi MPK sahaja hutang letak kereta saman sudah lebih daripada 56 juta. Saya bayangkanlah kalau sistem ini berkesan perkara macam ini tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun kita tidak dapatlah membatalkan konsesi ini kerana, kerana perjanjian telah diadakan dan Tuan Speaker, pihak Kerajaan Negeri perlulah menilai dan membuat kajian secara terperinci untuk menilai kewajaran pemansuhan kutipan tempat letak kereta sebab kos yang terlibat terlalu tinggi. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Soalan Tambahan.

PUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin nak tau kenapa konsesi perjanjian letak kereta ini seperti di kawasan Daerah Sabak Bernam sekarang ini masih belum dikutip lagi tetapi perjanjian itu sudah diserahkan kepada syarikat tersebut. Kenapa begitu ghairah dan begitu awal diserahkan sedangkan itu masih belum lagi ..belum lagi dijalankan untuk kutip bayaran letak kereta dan seterusnya kenapa sistem kutipan letak kereta ini yang bukan *complicated* sangat untuk pihak majlis, PBT mengendalikan sendiri dan ini memang satu perniagaan yang menguntungkan, kenapa perlu kita swastakan kepada syarikat swasta. Kenapa perlu kita swastakan kepada syarikat swasta. Adakah kerajaan mengenal pasti apakah punca sebenarnya berlaku kenapa kita serahkan kepada swasta sedangkan kita mampu melakukannya sendiri. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Puan Speaker saya amat persetujuan dengan pendapat Sekinchan kerana kutipan letak kereta memang senang, memang mudah bukan satu roket sainslah dan apabila sebelum diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu kutipan atau sistem kutipan di PBT memang berkesan. Jadi saya percaya ini merupakan salah satu penswastan yang diadakan pada masa lampau yang tidak baik, tidak sihat dan berani saya katakan mungkin ada unsur-unsur rasuah, *corruptly* dan salah gunakan kuasa. Tetapi kerajaan baru ini terpaksa menerima hakikat ini kerana apa boleh buat konsesi telah ditandatangani selama 20 tahun, 25 tahun kita tidak dapat batalkan konsesi ini. Tapi walau bagaimanapun, kita akan cuba buat rundingan supaya kita menambah baik sistem yang sekarang ada tidak sihat dan tidak berkesan.

PUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Puan Speaker. Baru-baru saja minggu lepas saya pergi ke Kuala Lumpur, kereta saya kena saman. Jadi apabila sahaja saya baca dalam surat khabar yang lepas MB kita dan beberapa Ahli Parlimen yang berada di Kuala Lumpur itu

melakukan sitaan terhadap mesin kutipan letak kereta. Saya ingat balik apa yang saya terbaca dalam surat khabar. Jadi apa yang dijelaskan oleh EXCO tadi, bahawa kerana kontrak yang sudah ditandatangani pada kerajaan yang lepas maka saya nak tanya, jawapan yang dibagi oleh EXCO tadi tak boleh laku di Negeri Selangor, tak boleh laku di Negeri Selangor, maka adakah perkara ini akan boleh dimansuhkan di Wilayah Persekutuan, Soalan saya memang kita sudah tahu atau soalan EXCO bagi tadi, jawapan EXCO bagi tadi memang sudah tahu tak boleh tapi buat pula di Kuala Lumpur. Ini soalan saya.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Setahu saya apa yang berlaku di Kuala Lumpur tidak jauh berbeza dengan Negeri Selangor. Saya di dapati penduduk-penduduk di Bandar Raya Kuala Lumpur ni mereka tidak rasa puas kerana mereka diberitahu tempat letak kereta akan dikutip selama 24 jam sehari dan ini satu cara, satu proses, satu perjanjian yang baru jadi memang adalah tanggungjawab Ahli Parlimen di Kuala Lumpur yang terdiri daripada Pakatan Rakyat juga melepaskan perasaan tidak puas hati, jadi jauhlah berbeza. Tetapi di Selangor apa kita boleh buat konsesi telah dibuat oleh kerajaan yang you sendiri..... jadi kalau salah, salahkan kerajaan dululah apa pula salahkan kita. Apa yang berlaku di Kuala Lumpur saya hanya boleh mengatakan saya bersimpatilah. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Puan Speaker

PUAN SPEAKER : Seri Serdang

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Terima kasih Puan Speaker. Tahniah baru nampak mengendali hari ini.

PUAN SPEAKER : Saya dah kendali dua hari tetapi Seri Serdang tak hadir. (Dewan ketawa)

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM DIMAN : Tapi sekejap je, sekejap je. Tapi sekurang-kurangnya...

PUAN SPEAKER : Seri Serdang teruskan dengan pertanyaan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM DIMAN : Terima kasih. Sudah barang tentu dalam sesuatu konsesi yang nak dibagi atau pun *agreement* dalam sesuatu perkara itu mestilah ada terma-terma yang tertentu. Takkan lah sebuah kerajaan umpamanya yang bertindak baik, kalau dah syarikat itu ingkar ataupun tidak menjalankan tugas dengan baik takkan tak ada terma-terma macam mana cara nak menamatkan. Jadi, jangan asyik menyalahkan. Kalau betul-betul syarikat-syarikat berkenaan itu tidak sesuai dan tidak menjalankan tugas tamatkan sajalah dan pilihlah syarikat yang lain. Kenapa pula takut nak mengambil tindakan. Kalau benar-benar syarikat-syarikat berkenaan gagal melaksanakan kerja.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat inilah masalahnya. Ini adalah kerana saya rasa kenakan tanya Yang Amat Berhormat yang dahulu itu. Mengapa terma-terma yang disebutkan tadi itu berat sebelah, berat sebelah kepada syarikat. Jadi kalau kita meninjau terma-terma ataupun syarat-syarat itu memang berat sebelah kepada syarikat-syarikat sehingga PBT tidak dapat buat apa-apa. Tadi saya kata sistem itu tidak berkesan, sistem itu tidak sihat mungkin ada unsur rasuah. Tetapi terma-terma yang dalam perjanjian itu berat sebelah kita tidak boleh tukar sekarang. Jadi kita tidak boleh gunakan cara yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk membatalkan perjanjian itu. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Speaker soalan tambahan.

PUAN SPEAKER : Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan butir-butir terperinci projek flat rumah kos rendah mengikut PBT (lokasi, pemaju, jumlah unit)
- b) Apakah kadar sewa rumah dan kadar pengurusan (*maintenance fee*) flat kos rendah yang dikendalikan oleh PBT masing-masing dalam negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah kerajaan bagi membantu keluarga yang tidak mampu untuk membayar sewa rumah flat kos rendah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Puan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim*. Soalan yang ditanya adalah berapakah senaraikan projek rumah kos rendah yang masih mempunyai unit kosong untuk ditawarkan kepada orang awam adalah seperti berikut iaitu mengikut PBT dan jumlah unit yang masih ada. Yang pertama adalah di kawasan MPK iaitu Pangsapuri Rebana di Kapar mempunyai 212 unit, di Aman Perdana di Kapar juga ada lagi 600 unit, Pangsapuri Seri Perantau yang kosong ye ini telah siap tapi yang kosong ada 248 unit di Pelabuhan Klang. Seterusnya di kawasan MPKJ nama projeknya adalah Sunway Semenyih di Semenyih ada 379 unit, juga di MPKj Taman Kajang Impian di Kajang ada 180 unit yang kosong lagi dan ini masih dalam pembinaan dan kawasan MPSJ iaitu Taman Tasik Prima di Puchong ada 173 unit, di Taman Puchong Tekali di Puchong ada 192 unit, sementara di kawasan MPS di Taman Bayu Permai di Rawang ada 96 unit yang masih di dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2010. Dan seterusnya di MPSp di Sepang Taman Dahlia, Dahlia ada 500 unit yang masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2009. Dan seterusnya adalah di MDHS di Hulu Selangor iaitu Taman Bunga Raya yang ini telah siap tetapi kerana masalah yang dihadapi di kawasan Hulu Selangor itu ada lagi 2,724 unit yang masih kosong.

Dan seterusnya soalan tentang kadar sewa yang dikenakan. Kadar sewa ini pada asal ialah 124 ringgit tetapi telah dinaikkan ke 250 ringgit sejak bulan Jun yang lepas dan kadar sewanya adalah 250 ringgit untuk menampung di antara perkara-perkara lain adalah tentang kos-kos penyelenggaraan. Dan seterusnya apakah tindakan kerajaan untuk membantu keluarga yang tidak mampu untuk membayar sewa rumah flat kos rendah. Ini berkaitan dengan sewa rumah. Semalam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bangi tentang rumah atau unit-unit yang terpaksa membayar sehingga 400 ringgit. Sebenarnya di kawasan tersebut ada 4 blok, 2 blok adalah *council home* iaitu bayarannya adalah 250 ringgit tetapi yang kata terpaksa membayar 400, 500 ringgit sebenar itu bukannya *council home* itu rumah PKNS dan disewa kepada sesiapa. Kalau *council home* itu hanya.....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, boleh saya mengganggu. Ini yang 400 ringgit ini memang di blok yang 2 blok tu. Yang blok-blok lain tu memang sudah dijual. Itu tidak diganggu nak masuk 600 pun tak kira pun....

Y.B. PUAN SPEAKER : Saya minta Y.B. lain kali kalau nak bercakap minta izin dulu

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya dah mintak izin tadi.... saya ingin

PUAN SPEAKER : Belum sempat saya nak bercakap awak dah terus je. Biar EXCO jelaskan baru bertanya. (Dewan ketawa).

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Kalau benar di *council home* itu terdapat mereka yang di charge lebih daripada 250 ringgit kita perlu buat siasatan. Tapi di Bangi tu ada 2 blok yang 2 blok itu adalah *council home* dan 2 blok itu bukan *council home*. Kalau *council home* ini ataupun rumah-rumah yang disewa ini ada beberapa kriteria banyak kriteria kena ada syarat-syarat kelayakannya. Di antaranya adalah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan. Berpendapatan seisi keluarga kurang daripada 2,000, pemohon tinggal dan bekerja di Negeri Selangor, dan juga pemohon suami atau isteri tidak memiliki rumah dalam daerah atau mukim yang sama di mana PPR atau *council home* itu dibina.

Tentang apakah tindakan kerajaan membantu keluarga yang tidak mampu atau mereka yang tidak mampu untuk membayar sewa tersebut. Kerajaan Negeri prihatin terhadap masalah sebahagian penyewa yang tinggal di projek perumahan rakyat yang tidak mampu membayar sewa rumah pada setiap bulan namun demikian kutipan sewa perlu dibayar memandangkan ia akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan penyelenggaraan bangunan PPR tersebut. Oleh yang demikian untuk meringankan masalah tersebut kerajaan negeri memberi kelonggaran kepada penyewa berkenaan untuk membayar sewa bulanan secara beransur-ansur sehingga selesai bayaran sewa untuk bulan tersebut. Langkah ini dapat membantu mengurangkan tunggakan bayaran sewa penyewa untuk bulan seterusnya. *Commitment* penyewa membayar sewa tanpa henti amatlah penting dalam memastikan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan boleh dilakukan dengan lebih efisien. Penyewa yang layak juga boleh memohon bantuan sewa daripada pihak Majlis Agama Islam atau Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan membiayai bayaran sewa rumah setiap bulan. Selain dari itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah program kemiskinan bandar ada menyediakan skim bantuan bayaran sewa sebanyak 124 ringgit sebulan. Saya tak tahu daripada KPKT atau kementerian perkara ini diteruskan atau tidak sebab kita difahamkan kita mungkin dapat Menteri baru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab Menteri yang lama dah kalah.

Jadi, tapi walau bagaimana pun pihak kerajaan kita telah atau saya telah mengarahkan satu bancian dilakukan oleh PBT-PBT untuk mengenal pasti berapa ramai yang benar-benar menghadapi masalah. PBT-PBT telah diarahkan mengadakan bancian secara terperinci setiap orang. Butir-butir berikut akan dan telah dikumpulkan jumlah penduduk yang berpendapatan kurang daripada 1,000 ringgit, ibu bapa atau ibu atau bapa tunggal, orang tua berumur 60 tahun ke atas orang kurang upaya, mereka yang mempunyai lebih 3 orang anak yang bersekolah atau di IPT, mereka yang tinggal bersama ibu atau bapa yang berumur lebih dari 60 tahun. Ada PBT yang telah menghantar hasil bancian mereka dan kita akan merangka satu mekanisme khusus untuk membantu mereka ini tetapi supaya ia tidak bertindih dengan skim-skim bantuan yang lain. Kalau tak dapat 2 kali mungkin tidak adil. Tetapi kita akan pastikan supaya yang perlu dibantu. Ada satu cadangan bahawa kita nak menurunkan daripada 250 hingga 124. Tinjauan saya, saya telah turun pembangunan-pembangunan tersebut ke *council home* saya lihat ada yang mereka yang

mampu dan tidak adillah kita menurunkan ini kepada yang mampu. Jadi kita nak cuba membantu mereka yang tidak mampu. Kesemuanya ada lebih kurang 6,200 *council home* atau pun rumah kos rendah ini dan kalau kita nak membantu 1/3 ataupun 2,000 lebih saya telah menganggarkan kalau kita nak menurunkan sebanyak RM100 ringgit kita memerlukan lebih kurang RM 2.5 juta setahun.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Soalan tambahan

PUAN SPEAKER : Ya, Kota Damansara

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Sikit lagi, saya rasa saya tak beri laluan, sikit lagi nak habis. Saya rasa 2.5 juta setahun ini adalah satu jumlah yang mampu dikeluarkan oleh Kerajaan yang berkebakikan. Silakan.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Terima kasih. Soal projek perumahan rakyat, satu tu berkenaan dengan penyelenggaraan khususnya dari segi lif, ada 3 lif hanya satu yang bergerak, pernah kami utarakan kerana masalah lif ini amat teruk kerana ada yang sakit, susah nak turun, orang nak beranak, kanak-kanak nak pergi sekolah, dan ada *traffic jam* menggunakan satu lif. Siapa yang harus menguruskan, menyelenggarakannya kerana kami merasakan amat penting. Sekiranya harga lif mahal kami pohon agar Kerajaan Negeri mengambil kira mengadakan peruntukan untuk mengadakan lif yang istimewa. Yang satu lagi soalan, itu satu soalan, soalan kedua adalah berkenaan dengan sewa. Banyak yang masuk *council home* projek perumahan rakyat adalah bekas peneroka bandar memang mereka tidak mampu. Kami memang banyak permohonan dan kami hantarkan kepada EXCO untuk menyelesaikannya dan kita, kalau kita harapkan kepada Kebajikan ataupun Zakat kerana ini berulang-ulang tiap-tiap bulan, yang penting itu menurunkan harga ataupun sewa membantu mereka kerana dalam keadaan dia tertunggak-tunggak dan kami juga dah memohon agar diturunkan. Saya rasa kalau boleh lif ataupun penyelenggaraan, yang kedua tu sewa dapat diturunkan demi untuk penduduk kerana ada yang duduk di rumah begitu ada yang memungut tin-tin kosong untuk menampung hidup mereka dan kita tidak boleh menanggung-nangguhkan hingga menyebabkan mereka merasa tertekan apabila dapat surat yang tertunggak, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Boleh saya teruskan.

PUAN SPEAKER : Ringkaskan, sebab kita sudah hampir tamat sesi pertanyaan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Puan Speaker ni memang betul tak suka sayalah, semalam saya berucap pun dapat sepuluh minit sahaja, hari nak jawab pun

PUAN SPEAKER : Itu secara kebetulan sahaja, dah takdir kata Sekinchan, takdir menentukan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN SAMAD : Kos, kalau penyelenggaraan itu dijalankan oleh pihak PBT kalau ianya *council home* kalau PBT saya rasa tidak ada masalah, lain daripada rumah-rumah yang biasa ataupun rumah-rumah kos rendah biasa terdapat beberapa lapis sebelum pihak Lembaga atau PBT hendak pergi kepada syarikat yang mengendalikannya. Kalau terus di bawah PBT dan terus di bawah PBT dan ada syarikat di bawahnya bermakna sekarang ini adalah tugas PBT, sekarang ini kita hendak mewujudkan jabatan atau Unit COB di PBT dan kita harap bahawa ini akan melicinkan lagilah pengurusan-pengurusan di kediaman bertingkat dan kos untuk menyelenggarakan lif ialah lebih kurang RM4,500 sebulan satu lif itu kosnya adalah RM4,500 sebulan.

Berkenaan dengan pengurangan, memang betul, saya mengakui, dan saya tahu dan kita ada buat kira-kira yang gaji RM 700 sebulan jadi Pengawal Keselamatan, RM800 sebulan dan mereka terpaksa bayar RM250 itu tak lagi pengangkutan dan sebagainya. Akhirnya tak ada apa benda yang tinggal, jadi cadangan untuk mengurangkan, bukannya mengurangkan atau memberi bantuan kepada mereka-mereka yang benar-benar tidak mampu itu saya yakin dan saya memang bersetuju bahawa ianya perlu disegerakan, terima kasih.

PUAN SPEAKER : Sesi pertanyaan sudah tamat, silakan Setiausaha.

IV. RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009, 2008 (Sambungan)

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Perbekalan (2009 / 2008) sambungan.

PUAN SPEAKER : Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya ingin mengucapkan, Puan Speaker, saya ingin mengucapkan kepada, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang memberi pertanyaan mengenai Kerajaan Tempatan. Banyak isu telah dibangkitkan dan khasnya oleh Yang Berhormat dari Sungai Panjang. Puan Speaker, saya telah meneliti teguran-teguran dan kritikan-kritikan daripada pembangkang seolah-olahnya semua, semua benda yang tak baik sekarang ini langsung tidak ada berkenaan dengan mereka. Mereka tidak perlu bertanggungjawab terhadap apa-apa sistem, apa-apa proses yang diadakan sekarang yang dikatakan tidak berkesan ataupun kurang sihat. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasihlah kepada mereka kerana memberi peluang kepada kita untuk memberi penjelasan. Yang Berhormat dari Sungai Panjang katakan dia memperkecilkan peruntukan sebanyak 10,000 kepada PBT yang kurang mampu. Memanglah sebab pada masa mereka, mereka boleh membelanjakan setengah juta tak sampai 60 hari boleh membelanjakan setengah juta, memanglah sekarang memperkecilkan 10,000 itu, sebenarnya 10,000 peruntukan tahunan itu hanya merupakan satu bahagian sahaja untuk membantu, membantu Ahli Majlis untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Dalam sistem zon yang baru ini, selain daripada peruntukan tahunan kita Kerajaan Negeri melalui PBT memberi setiap zon satu pejabat urusan, tanpa dengan seorang kerani, tanpa dengan seorang pegawai di PBT yang berpengalaman untuk memberi bantuan kepada semua Ahli Majlis. Dan cara ini kita rasa adalah baik, jadi 10,000 itu atau pun 100,000 itu merupakan bantuan supaya Ahli Majlis dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Speaker, soalan tambahan, minta penjelasan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Adakah, apakah Yang Berhormat Pandamaran cukup mendapat bahawa pemberian peruntukan tahunan ini dan juga kerani pejabat atau untuk memperkasakan tugas mereka supaya Ahli-ahli Majlis kita *can bee seen more offen on the ground* dengan izin, tak seperti Ahli-ahli Majlis dahulu seperti di bawah zaman Barisan Nasional, Ahli Majlis tak payah turun ke padang, goyang kaki sahaja boleh dapat gaji buta, tetapi sekarang ini kita nak minta Ahli Majlis kita buat kerja, adakah Yang Berhormat setuju.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat Kampung Tunku, saya amat bersetujulah. Pada masa yang lampau semua Ahli Majlis mereka seolahnya tak ada muka. Mengapa saya katakan demikian, sebab mereka tidak ada zon yang tertentu, kalau tak ada zon yang tertentu, kawasannya sangat besar, saya beri contoh di MPK. MPK ini terdiri daripada, nanti dulu he... sabar, sabar

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Puan Speaker, minta laluan Puan Speaker,

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Sabar-sabar...

PUAN SPEAKER : Dia tak bagi, tunggu ye,

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Seperti MPK ada Klang, Parlimen Klang, ada Parlimen Kapar ada Parlimen Kota Raja, luas kawasannya. Tetapi pada masa dahulu Ahli Majlisnya macam mana mereka boleh berkesan, tak boleh sebab kawasan terlalu besar, lebih besar daripada untuk Ahli Parlimen untuk menjalankan tugas. Sebab itu kita adakan zon, kita beri peruntukan tahunan, kita beri pejabat, kita beri kerani, kita beri pegawai untuk memberi bantuan, terima kasih. Dan Yang Berhormat

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Puan Speaker, beri laluan

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Nanti dulu, nanti dulu sebab Sungai Panjang masih ada, saya tak mahu dia lari. Saya banyak hal mengenai Sungai Panjang ni. Sungai Panjang mengatakan kita tidak mengambil tindakan terhadap istana raja Klang itu. Macam mana kita boleh ambil tindakan, sedangkan pada masa itu Yang Amat Berhormat yang dahulu itu sendiri telah *legalize* dengan izin kedudukan istana itu. Nombor satu; dia bagi tanah yang jauh lebih rendah daripada pasaran nombor satu. Yang kedua; walaupun pelan tidak dikemukakan, hanya dikemukakan selepas pembinaan dibuat tetapi Yang Amat Berhormat dulu bagi *chance* bagi peluang meluluskan dan juga Raja Klang yang kemudian itu sudah membayar kompaun. Jadi ikut undang-undang, kalau sudah membayar kompaun 10 kali itu kita tak boleh buat apa-apalah. Sebab itu jangan salahkan kita, nanti dulu.....Sungai Panjang juga katakan sekarang ada banyaklah rumah urutlah, inilah, itulah, sedangkan saya menyemak, semua lesen rumah urut semua dikeluarkan oleh kerajaan dahulu (Dewan bertepuk) satu pun tak ada bagi kerajaan yang baru, satu lesen untuk rumah urut di semua ke 12 PBT satu pun tak ada, semua lesen adalah dulu punya, tetapi seolah-olahnya kita yang lesen kepada rumah urut itu dan mengenai penggantungan YDP

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Puan Speaker, beri laluan,

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Nanti dulu, sabar, sabar. Saya kena habiskan dulu sebelum Sungai Panjang lari dari sini,

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bagilah laluan,

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : You sabarlah, sabarlah, okey. Mengenai MPAJ memang jadi, tadi Y.B. Xavier, EXCO kita telah memberi penjelasan, sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat ada arahan yang sangat jelas bahawa sesiapa ingin membuat perobohan terhadap kuil ke, gereja ke, surau ke, tokong ke, kena tanya EXCO dahulu, terlebih dahulu kerana ini tidak dibuat dan tindakan ini dibuat oleh Timbalan YDP, sebab itu kita mengikut undang-undang, kita meminta YDP Ampang Jaya selaku Pengerusi Jawatankuasa Disiplin mengambil tindakan mengikut undang-undang. Jadi salahlah katakan kita buat undang-undang tanpa mengikut undang-undang dan juga Sungai

Panjang katakan sekarang longkang tersumbatlah, apa ni lampu di jalan-jalan tidak nyalalah, sampah tidak dikutip dan sebagainya.

PUAN SPEAKER : Pandamaran, ada Sungai Burong nak bertanya, Sungai Burong

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Jangan-jangan, nanti-nanti, sebab Sungai Panjang masih ada di sini lagi

Y.B. DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS : nak minta penjelasanlah

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Selagi Sungai Panjang ada di sini, nanti dulu ha. Seolah-olahnya sistem sekarang ini sudah jadi rosak kerana kita mengambil alih, sebenarnya apa yang kita adakan sistem sekarang ini, semua sistem yang ditetapkan oleh kerajaan yang lama, memang sistem dulu tidak berkesan, cara pelantikan kontraktor pun tidak sihat dan macam-macam, tak payah saya terangkanlah jadi sekarang kita ambil masa untuk membetulkan perkara ini. Jadi jangan cakap seolah-olahnya semua sekarang ini adalah kerana kerajaan yang baru yang menjadikan begini, janganlah, kita jangan jadi hipokrit.

Puan Speaker, saya ingin memberitahu semua Ahli Yang Berhormat di sini, ada satu isu mat rempit yang sangat merunsingkan kita ini. Tahukah semua, dulu kita ada satu Batu Tiga ada *racing track* dengan izin, tetapi mengapa, mengapa Yang Amat Berhormat dahulu memberi menjadikan memberikan *racing track* di Batu Tiga kepada syarikat swasta, Lebar Daun, mengapa? Ini sudah memaksakan pemuda kita pergi ke jalan raya adakah saudara Yang Amat Berhormat yang dahulu itu merasa apa tu mengakui perkara ini adalah tidak baik, tidak sihat, jadi janganlah sekarang cakap seolah-olahnya semua masalah yang kita hadapi sekarang ini adalah kesalahan kerajaan yang baru. Okey saya beri peluang

Y.B. DATO' SERI MOHMAD KHIR BIN TOYO : Terima kasih kepada Pandamaran. Mengenai zon ini bukanlah Pandamaran yang buat. *Zoning* yang dibuat ni sejak 2003 lagi dah dijalankan. Itu adalah satu saya anggap perkara yang mengatakan baru dibuat tu tak betul. Yang keduanya tu saya timbulkan istana rumah Dato' Zakaria. Saya rasa Yang Berhormat tak memeriksa apa yang sebenarnya berlaku, ada masalah tak selesai lagi, janganlah buat kenyataan dalam Dewan tanpa usul periksa, dapatkan maklumat daripada Pejabat Tanah baru bercakap di sini. Saya tak nak bercakap benda-benda yang tak faham, jawab dalam Dewan ini bukan kerana ada aturan *assumption check* dulu ini. Yang keduanya tentang gantung tugas kerajaan. Saya difahamkan keputusan dibuat oleh surat khabar, kita tak boleh buat gantung tugas pegawai-pegawai kerajaan begitu sahaja, yang berhak menggantung tugas kerajaan adalah SUK bukannya EXCO dan sebagainya, ini penting. Yang ketiganya tentang longkang sumbat dan sebagainya saya mengatakan bahawa, saya mengatakan bahawa

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Peraturan Mesyuarat Puan Speaker,

PUAN SPEAKER : Ye, ada Peraturan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Peraturan Mesyuarat 24 (44). Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas, kalau Yang Berhormat Sungai Panjang ingin bertanya soalan, tanya soalan betul-betul.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Izinkan saya jelaskan baru tanya soalan.

PUAN SPEAKER : Sungai Panjang minta nyatakan penjelasan yang diperlukan. ...

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Takut ni kenapa?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kena ikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat, 20 (4) Yang Berhormat merupakan...

PUAN SPEAKER : Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat cuba bersopan santun ya. Kalau hendak penjelasan nyatakan perkara yang diperjelaskan bukan untuk berbahas ataupun menghurai ataupun memberi penjelasan pula.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Saya perlu memberi penjelasan kerana dia....

PUAN SPEAKER : Ketua Pembangkang perlu ingat, sekarang ini berada di tempat duduk pembangkang bukan Kerajaan Negeri memberi penjelasan.

Y.B. DATO' MOHO. SHAMSUDDIN BIN LIAS : Ini lah kebebasan Ahli Dewan Rakyat.

PUAN SPEAKER : Teruskan kepada perkara yang perlu diperjelaskan.

Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO : Jadi saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Pandamaran tahu masih lagi ada masalah-masalah tanah yang tidak... ahli-ahli Majlis yang dilantik itu juga adalah ahli-ahli politik. Adakah Yang Berhormat Pandamaran sendiri berkeyakinan bahawa Ahli-ahli Majlis yang terdiri daripada Ahli-ahli Politik itu tidak boleh mempengaruhi Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Sebut harga. Sebagai contoh kawan kita tadi, daripada Perak sebagai contoh sehinggalah berlaku dalam masa enam (6) bulan pun rasuah. Di kalangan ahli-ahli EXCO nya sendiri dan yang lebih

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Bukan rasuah tapi sedekah- sedekah.

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Yang lebih mengaibkan lagi adalah rasuah seks, yang dianggap sebagai sedekah.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih, janganlah tadi saya sudah kata jangan buat dakwaan yang tidak berasas....

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Saya tidak ada dakwaan yang tidak berasas.

PUAN SPEAKER : Tenang-tenang, duduk. tenang. Bila bagi peluang untuk tanya, dengarlah jawapan, kalau tidak puas hati nanti boleh bangkitkan lagi. Jangan buat huru hara. Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker, sekarang kita bersidang di *State Assembly Of Selangor* (dengan izin) ok, apa yang saya katakan tadi kalaulah ada bukti-bukti yang kukuh mengenai rasuah ke, salah guna kuasa ke, berilah kepada kita. Kita tidak akan beri tindakan teragak-agak tetapi janganlah buat dakwaan yang tidak berasas di Selangor ini. Apa yang you sebut tadi itu bukan yang berlaku di negeri Selangor tetapi di tempat yang lain. dan itu pun, jadi janganlah, ambil peluang itu buat dakwaan yang tidak berasas.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan...

PUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Yang Berhormat untuk PBT, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sikap kerajaan Pakatan Rakyat dalam menangani kes-kes rasuah ataupun tuduhan rasuah ini kalau kita dapati siapa yang bersalah, kita serah kepada sistem Mahkamah yang sedia ada untuk diambil tindakan, sedangkan ada pemimpin Barisan Nasional yang kita buat laporan polis tetapi tiada tindakan yang diambil, seperti kes Altantuya.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya amat bersetuju ok. Tuan Speaker, sebenarnya untuk memastikan semua Ahli-ahli majlis dan juga pegawai kanan di PBT memahami apa itu rasuah, apa itu penyelewengan kuasa dan salah guna kuasa, PBT telah bercadang untuk mengadakan satu forum yang khas di mana semua ahli majlis, Ketua-ketua Pengarah dan juga PBT itu sendiri akan berhimpun dan kita telah menjemput Pengarah ACA dan juga Pengerusi Jawatankuasa Integriti untuk memberi bersama-sama kita ada berhimpun, kita akan membuat perbincangan apakah itu rasuah dan bagaimana kita mencegah rasuah. Ini menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor memang berhasrat mencegah rasuah di semua peringkat kuasa di Negeri Selangor. Tuan Speaker, berhubung dengan bajet PBT....

TUAN SPEAKER : Ya Pandamaran, Damansara Utama minta laluan

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Silakan.

Y.B. TUAN DR CHEAH WING YIN : Adakah Pandamaran bermaksud bahawa pemberian kontrak-kontrak berat sebelah ini sungguhpun *legal* dengan izin merupakan bahawa kerajaan pada masa itu telah mungkir dalam tanggungjawab mereka dalam tugas membela dana Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya setuju. Kalau Yang Berhormat ada masa, silalah semak Audit, Laporan Audit yang diberikan kepada semua Yang Berhormat untuk Tahun 2006 yang telah diberikan, sila semak, dalam masa itu kalau *you* semak betul-betul ia akan nampak macam mana masa yang dulu satu kontrak yang sama mendapat bayaran sehingga dua kali atau pun tiga kali, ataupun satu kontrak yang sama hanya kos nya tak sampai 20,000 tapi 60,000 telah digunakan untuk kontrak itu dan sebagainya. Banyaklah saya pun tak nak ulang di sini. Memang, memang pada masa dulu Kerajaan Negeri tidak mengawal. Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat yang dulu itu tidak mengawal keadaan di PBT. Sebab itu banyak PBT mengalami belanjawan seperti MPK dan sebagainya...

TUAN SPEAKER : Dengkil minta laluan

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Dengkil, diberi.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Pandamaran sedar bahawa sekarang ini berpusu-pusu, berkumpul-kumpulan dan ramai orang kumpul-kumpul lesen daripada Pakatan Rakyat mengasak PBT-PBT dan Pejabat-Pejabat Daerah, yang pertama. Yang keduanya saya nak tanya kalaulah cakap semuanya kepada golongan UMNO yang dapat dan sekarang adakah Pandamaran mempunyai senarai golongan kontraktor UMNO atau golongan kontraktor PAS. Sudah adakah dalam senarai ini? Kerana kita merasakan yang lama semuanya

mendapat sama ada ianya UMNO atau PAS, semuanya mendapat projek dan kita tak pernah dengar pun keluhan orang PAS dipinggirkan sejak dahulu lagi. Terima kasih. Mohon jawab.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat, tadi saya dah kata, senarai penuh akan diberikan bukan sahaja akan diberikan akan dipaparkan dalam laman web PBT masing-masing. Sebab sekarang PBT ada laman web tersendiri dan pada masa itu barulah Yang Berhormat akan tahulah siapa ini UMNO dan siapa bukan UMNO. Saya kata setakat ini apa yang saya tahu kebanyakan majoriti kontrak ini masih dipegang oleh orang UMNO. Jadi *you* tunggulah, sabarlah, senarai akan dipaparkan.

TUAN SPEAKER : Ya, Pandamaran, Kuala Kubu Baharu minta laluan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ya, diberikan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker. Selama ini kontrak hanya UMNO sahaja, bagaimana MCA. Soalan saya, selepas Pakatan Rakyat mengambil kerajaan Negeri Selangor

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : MCA ada, tapi kuranglah...

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Disebut-sebutkan akan mengadakan tender lebih terbuka. Kalau tender terbuka ini, adakah peluang tender ini diberikan kepada golongan kaum Cina atau kaum India. Saya difahamkan kalau nak menenderkan satu projek di Majlis dia perlukan lesen daripada bumi. Sama ada kerajaan baru akan berhasrat untuk mengubah supaya tender terbuka ini untuk semua masyarakat, untuk semua kaum di Negeri Selangor ini. Sekian.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Memang benarlah hasrat atau pun tujuan Pakatan Rakyat yang baru ini akan mengambil sikap terbuka, kita tidak akan memberi kontrak mengikut kulitnya dan agamanya ataupun pegangan politiknya. Kita tidak akan buat sebegini. Tetapi ini akan mengambil masa. Ada lagi, ada lagi....

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Boleh saya buat tambahan. Oleh kerana lesen kalau lesen Kelas 'F' diberikan kepada Bumiputera, kalau Bukan Bumiputera tidak boleh milik lesen kelas F. Itu hasrat nak tukar sistem, sistem tender itu atau tidak, saya tanya.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, ini sistem Kelas F itu satu sistem Persekutuan, kalau Yang Berhormat berhasrat nak tukar itu, silalah buat usaha, boleh! Buat usaha beritahu kepada pemimpin-pemimpin Pusat Chua Soi Lek ke Ong Tee Kiat ke beritahulah mereka supaya menukar. Kita amat mempersetujui.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Awak silap ni, Chua Soi Lek dan Ong Tee Kiat dia bukan di jabatan ini.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ketua ...Tak faham itu, tak apa. Perhubungan dengan CCTV yang tidak efektif yang dibangkitkan oleh Kg Tunku itu, memang kalaulah 60,000 CCTV di London pun tidak cekap, tidak berkesan, macam mana 414 CCTV di seluruh Negeri Selangor akan cekap, akan berkesan. Sebab itu Kerajaan Tempatan telah mengambil langkah untuk meninjau balik. Kita telah mengadakan beberapa rundingan dengan pembekal CCTV itu untuk memastikan kalaulah kita akan teruskan rancangan itu kita akan pastikan kualitinya akan baik dan juga kosnya akan berbaloi. Kalau tidak, kita tidak akan teruskan rancangan itu, tetapi masih dalam tinjauan. Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Ya, Pandamaran, Kota Damansara minta laluan.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Mohon. Tuan Speaker, satu soalan berkenaan CCTV walaupun ia berkaitan dengan jenayah, adakah kemungkinan CCTV itu digunakan untuk menyekat hak aktivis ataupun digunakan untuk politik, mengawal keadaan ataupun musuh dan seterusnya. Kerana di London itu memang cekap sangat, masuk keluar mana-mana pun mereka tahu. Saya mohon penjelasan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat, saya rasa kita tak perlu bimbanglah kerana CCTV yang ada itu kalau kita luluskan pun hanya 414 sahaja. Kalau kita ada sistem yang lebih baik, memang kalau sistem itu memang baik dia boleh membawa akan mengadakan sekatan kepada semua orang termasuk aktivis. Tetapi mahu ambil tindakan atau tidak terpulung kepada pemimpin. Jadi kalau aktivis menjalankan aktiviti yang baik yang khas untuk kepentingan rakyat saya rasa tak perlu bimbanglah.

TUAN SPEAKER : Pandamaran, Taman Templer minta laluan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ok

TUAN SPEAKER : Tapi sebelum ini, boleh saya tahu berapa lagi EXCO yang nak jawab. Ada dua orang lagi, jadi saya berharap ringkaskan kerana Rang Undang-undang ini perlu diputuskan sebelum pukul 12.00, jadi tolong ringkaskan, supaya semua jawapan yang dibentangkan dalam dua tiga hari yang lalu dapat dijawab sepenuhnya oleh semua EXCO. Jadi kalau soalan yang tak perlu, soalan yang berpolitik sangat, yang itu tak perlulah, kita bincangkan Rang Undang-undang ini. Dipersilakan Taman Templer.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ya, Tuan Speaker, minta maaf lah fasal Tuan Speaker maklumkan jangan politikkan tapi saya dah terbangun jadi terpaksa lah. Lepas ini, jangan politikkan lah ya. Saya nak bertanya Tuan Speaker, sebenarnya saya memang kagum lah kerajaan Pakatan Rakyat dengan beberapa EXCO memberi cadangan itu cukup bernas, kita nampak memang bersama-sama berganding untuk menjadikan kerajaan negeri Selangor kerajaan yang baik. Tapi saya rasa soalan saya rasa Yang Berhormat Pandamaran ini keliru sikit kerana saya rasa yang ditanya adalah sekiranya kontrak-kontrak dikatakan diberikan kepada orang-orang UMNO itu sahaja kita mohon supaya senaraikan mereka, tunjukkan kepada bukan di *web site* maksud saya bukan yang akan datang yang telah diberi dan berikan kita satu senarai dan ambillah tindakan yang sewajarnya, pertama. Yang kedua, Kerajaan Pakatan Rakyat balik-balik mengatakan bahawa mereka tidak politikkan pemilihan ahli-ahli Majlis. Saya tidak berani untuk bercakap untuk kawasan lain. Tetapi kawasan saya di Selayang, YDP sendiri ada, saya nak tanya bukankah semua Ahli Majlis yang dilantik itu, orang yang berpolitikkan kepada Pakatan Rakyat? Jadi kalau nak bercakap, cakap yang ikhlas. Jangan main hentam sahaja, kalau nak cakap, cakap dengan jujur, kerana kita berada di dewan yang mulia, jadi jangan nak politik kan sahaja. Saya cadangkan lah Tuan Speaker kalau boleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, tak usahlah pilih EXCO yang lain, bagi lah EXCO Sekinchan ini dah lama duduk, bagi dia duduk situ, saya rasa yakin, dia boleh buat kerja lebih baik daripada Yang Berhormat Pandamaran. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ketawa ...Tuan Speaker, kita tidak pernah kata semua kontrak kepada UMNO, kita kata kebanyakan majoriti, tak faham ke itu perkataan, dan kita tak pernah kata, kita tak pernah kata semuanya. Tetapi kita katakan majoriti setakat ini majoriti ok, dan juga orang politik, kita tak pernah kata semua ahli majlis adalah bukan orang politik, kita tak pernah. Kita

sudah beritahu dewan ini, hanya 25% daripada NGO dan yang lain itu daripada orang politik. Apa salahnya orang politik, pada masa dahulu 100% daripada orang politik, bukan ke tidak. Lagi mahu bising-bising di sini. Berhubung dengan

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Penjelasan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : *Sorry ...*

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Ini soalan tidak berkaitan dengan politik khusus kepada Taman Medan. Banyak kes-kes kehilangan anak-anak berlaku di kawasan Taman Medan dan berlaku di kawasan perumahan. Adakah kerajaan negeri akan memasang CCTV di kawasan-kawasan perumahan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat, kita meninjau dengan lebih teliti, adakah CCTV itu berkesan. Sebab itu masih dalam peninjauan kerana kerja ini bukan senang, sebab pembekal CCTV itu pun mengalami kerumitan untuk membekalkan dokumen-dokumen ataupun bukti-bukti yang boleh meyakinkan kita. Setakat ini belum ada, sebab itu kita boleh katakan kita akan teruskan program itu ataupun kita batalkan. Kita belum buat keputusan. Merujuk kepada kemudahan pelekat khas kepada orang kurang upaya yang dibangkitkan oleh Y.B. Teratai, kejaplah, Majlis Perbandaran Ampang Jaya masih belum mempunyai perancangan untuk melaksanakan rancangan tersebut buat masa ini. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan dibawa dan dibincangkan di dalam mesyuarat penuh Majlis. Berhubung dengan

TUAN SPEAKER : Pandamaran, Pandamaran, Dusun Tua minta laluan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ok

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih. Terima kasih. Tuan Speaker, Yang Berhormat Pandamaran dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada hari ini, kita rasa dalam tempoh lima hari kita berada di sini, kita dah dengar banyak kali. Bahawa kerajaan Pakatan Rakyat menyatakan mereka takkan letak orang politik dalam tender *board*, mereka tak letak orang politik dalam jawatankuasa sebut harga, saya sokong dan saya setuju. Cuma hari ini saya nak dapatkan penjelasan apakah pendirian Yang Berhormat Pandamaran dan juga kerajaan negeri terhadap jawatan Yang Dipertua dan Datuk Bandar bagi semua PBT dalam Selangor ini. Adakah kita juga tidak meletakkan pengaruh politik ataupun kita akan meletakkan orang politik menjadi Yang Dipertua dan Datuk Bandar ini. Saya mohon penjelasan itu yang pertama. Yang keduanya, ini berbalik ke kawasan saya, kita beberapa hari ini menyatakan tentang kewangan kerajaan negeri khususnya Pihak Berkuasa Tempatan pun ada. Jadi saya mohon bahawa di kawasan saya ada kes tanah runtuh di Taman Mudun, Jalan Semalu. Dah hampir tiga bulan, kita tidak dapat lagi apa-apa tindakan daripada kerajaan negeri. Saya difahamkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bahawa perkara ini telah dibawa kepada kerajaan negeri, jadi saya mohon penjelasan apakah tindakan kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat ini yang begitu prihatin terhadap rakyat kerana rakyat di sana dah gelisah, tanah ini makin hari makin runtuh, di Jalan Semalu, Taman Mudun di kawasan saya Dusun Tua. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Soalan yang kedua, tak perlu. Soalan yang kedua itu, kawasan sepatutnya dibangkitkan semasa perbahasan bukan semasa ini. Sekarang ini untuk menjawab soalan yang dibahaskan telah pun di bawa ke dewan ini pada masa perbahasan. Jadi jawab soalan yang pertama sahaja.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Memanglah adalah hak kerajaan negeri untuk mengadakan sesiapa termasuk orang politik jadi YDP tetapi kerajaan negeri setakat ini belum mengambil keputusanlah. Tidak, tidak. Er.... Berhubung dengan tindakan yang diambil oleh MPAJ atas restoran yang dikatakan meletakkan kerusi meja di laluan pejalan kaki, tindakan Penguatkuasaan terhadap Restoran Yok Hock Hwa telah di ambil berikutan aduan daripada orang ramai berhubung isu meletakkan kerusi meja. Permohonan pihak restoran untuk meletakkan kerusi meja di kawasan kaki lima restoran telah diluluskan, tetapi ia tidak diperbaharui untuk tahun 2007. Lanjutan daripada itu perkara ini telah di bangkitkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan surat amaran telah dikeluarkan pada 5 September dan memberi tempoh selama tiga hari untuk pemilik restoran mengalihkan halangan kerusi meja yang diletakan di kawasan kaki lima tanpa kebenaran pihak Majlis. Walau bagaimana pun pemilik restoran gagal mematuhi surat amaran tersebut dan tindakan sitaan telah dijalankan pada 10 Oktober 2008. Merujuk kepada masalah sampah haram yang telah dibangkitkan, pihak penduduk di Jalan Teratai telah membuat aduan mengenai pembuangan sampah haram di penghujung Jalan Teratai. Pihak Majlis telah membuat pemantauan berkala demi memastikan ia tidak berlaku. Walau bagaimana pun ia tetap dilakukan. Oleh sebab itu pihak majlis telah mengambil langkah pro aktif dengan mengenal pasti pihak yang terlibat dan akan mengadakan tindakan bersepadu bersama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat dan pihak pemilik tanah bagi mengatasi masalah tersebut. Hasil siasatan yang dilakukan lokasi tersebut dimiliki oleh sebuah syarikat yang telah menjadikannya sebagai tapak pembuangan sampah haram. Pihak pemilikan tanah akan diminta untuk memastikan pembuangan sampah haram ini tidak akan berlaku lagi, jika gagal majlis akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas pemilik tanah berikut.....

Tuan Speaker, sedikit saja lagi. Yang Berhormat Bangi nak tau mengapa ahli Dewan Undangan Negeri tidak dilantik menjadi Ahli Majlis. Kita telah memberi penjelasan bahawa mereka tidak dilantik menjadi Ahli Majlis adalah kerana kerajaan negeri telah bersetuju menetapkan dasar mengenai perkara tersebut bagi mengelakkan isu-isu yang melibatkan perundangan. Contohnya seperti rasuah dan juga menggunakan politik untuk kepentingan ini pada masa dahulu. Pada masa dulu memang perkara ini berlaku, khususnya di MPK dan sebagainya. Ahli Majlis, Ahli Majlis nanti-nanti ya, ADUN-ADUN juga merupakan Ahli Majlis memang menyalahgunakan kuasa mereka sehingga lebih seratus juta dalam simpanan itu hangus dalam tahun dalam lima tahun. Sebab itu kita ambil tindakan ini.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker sedikit. Saya bukanlah nak memohon kita menjadi.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bangi, kalau nak tanya berdiri dulu dan tunggu saya panggil ya. Supaya tidak mengganggu dia menjawab. Dipersilakan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, terima kasih. Saya nak bangkitkan kita bukanlah hendak mendesak menjadi Ahli Majlis, kita memohon supaya kita diberi peluang untuk memberi fikiran dalam perbahasan itu dan juga mendapat semua dokumen yang didapati oleh semua Ahli- Ahli Majlis untuk kita memahami dan juga bahan itu boleh kita guna untuk bawa ke peringkat DUN kalau perkara itu penting ataupun kepada masyarakat. Kita tidak mahu kita pergi saja menghabiskan masa duduk mendengar dan tidak boleh bercakap. Itu sahaja yang

kita minta. Saya berharap dewan ini akan mengizinkan kalau pun Pandamaran tak nak izin. Saya harap dewan mengizinkan kita diberi dokumen dan berhak mengeluarkan pendapat.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya semua ADUN dan juga Ahli Parlimen dibenarkan, dibenarkan memasuki menyertai semua, semua jawatankuasa, semua mesyuarat jawatankuasa termasuk majlis penuh. Tetapi hanya di majlis penuh hanya menjadi *observer* saja lah. Tetapi di semua jawatankuasa yang lain Ahli Parlimen dan juga ADUN ada hak dan telah pun, surat telah dikirimkan kepada semua ADUN dan juga Ahli Parlimen boleh mengambil bahagian dalam semua mesyuarat jawatankuasa. Ada.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya ingat masa mesyuarat penuh itulah yang paling penting untuk kita memberi pendapat, bertukar fikiran dan mendapat dokumen. Ini dokumen pun tidak diberi, kita sebaris dengan semacam orang dari luar, duduk di tepi sahaja. Yang penting kita dapat mengeluarkan pendapat dan mendapatkan dokumen untuk kita guna bagi kepentingan setempat dan juga bahan-bahan itu boleh kita boleh bawa ke DUN kalau penting. Ini kita tidak dibenarkan mendapatkan dokumen.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, sebenarnya ADUN ke , Ahli Parlimen ke, dan sesiapa Ahli Majlis mereka ada hak yang sepenuhnya untuk mendapati dokumen apa- apa pun. Kalau Ahli Yang Berhormat daripada Bangi tidak dapat, silalah beritahu kita, mungkin, mungkin ke ada salah faham apa ke saya tak tahu. Memang , memang Yang Berhormat ada hak untuk tetapi cuma tak boleh bawa dokumen itu balik ke rumah ke apa-apa, tak boleh. Tetapi kalau mahu semak boleh. Kebebasan ini telah diberikan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Pelek minta laluan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Saya dengar penjelasan tadi bahawa semua ADUN di benar masuk ke dalam mesyuarat Ahli Jawatankuasa atau Jawatankuasa Kecil. Saya nak tanya nombor satu. Semua ADUN ke, ADUN Pakatan Rakyat, satu. Kedua, memang kita ada terima surat bahawa Mesyuarat Penuh pihak pembangkang ADUN ini boleh masuk sebagai *observer*, dan tidak pernah kami ini terima surat dalam untuk duduk dalam mesyuarat jawatankuasa kecil.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya pun tak faham macam manalah. Tapi memang betul, memang benar semua ADUN baik ke dari Pakatan Rakyat ataupun daripada Barisan Nasional kita mengamalkan demokrasi, kita bagi peluang kepada semua ADUN termasuk Sungai Pelek pergi menyertai di semua mesyuarat Jawatankuasa dan juga Majlis Penuh. Semua, memang sama, haknya diberikan sama.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat saya berikan dua minit. Sebab ada dua EXCO lagi. Silakan Yang Berhormat Pandamaran, tak Yang Berhormat Pandamaran. Saya bagi dua minit sahaja untuk habiskan ini. Kalau nak bagi laluan boleh, tapi tinggal dua minit. Saya serah kepada Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ok. Berhubung dengan Ahli Majlis juga, dan bukan sahaja Ahli Parlimen ADUN diberikan hak untuk menyertai semua mesyuarat, mereka juga boleh ada hak menyemak semua dokumen. Ini telah, keputusan ini telah di ambil oleh EXCO, boleh, tak ada orang kata tak boleh. Jadi silalah gunakan kesempatan ini ataupun hak ini untuk bersama-sama memastikan semua urusan di PBT adalah dilaksanakan dengan secara adil dan demokrasi. Saya

akhirnya nak ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker, saya ingin mengakhirlah penggolongan hari ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dipersilakan Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : *Bismillahi rahman rahim*. Assalamualaikum WBT dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang dikasihi sekalian. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor di atas pembentangan bajet yang bukan sahaja mesra rakyat, tetapi seluruh inti patinya adalah berpaksikan Masalah atau kepentingan rakyat dan mencegah Masalah atau kerosakan yang boleh mengganggu ketenteraman rakyat. Sekiranya kita meneliti hala tuju perancangan pembangunan dan pelan strategik yang dibentangkan untuk mencapai wawasan Selangor, kita akan lihat usaha jelas kerajaan untuk melestarikan kehidupan rakyat agar mendapat kesejahteraan hubungan dengan tuhan sesama manusia dan alam sekitarnya. Ini hanya dapat dilakukan dengan menggerakkan seluruh kakitangan kerajaan dan agensi kerajaan, anak-anak syarikat milik kerajaan, badan-badan NGO pimpinan-pimpinan masyarakat, warga dewasa termasuk pesara dan belia, ilmuwan-ilmuan serta warga pendidik serta seluruh rakyat bersama-sama berganding bahu, bekerja keras *bersynergy* agar visi Selangor negeri idaman, maju dan sejahtera tercapai. Dasar pendidikan di negeri Selangor sekarang ini menekankan pendidikan manusia secara total melalui kaedah formal dan tidak formal. Adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang menjadi modal terbaik sebagai elemen penyumbang utama kepada pencapaian visi dan misi Selangor. Adalah masih tidak cukup sekiranya seorang anak berbangga dengan gred A dalam semua bidang subjek akademiknya tetapi tercorot daripada segi akhlak dan moralnya. Tidak menghormati dan menyayangi ibu bapa, kejam terhadap binatang, kaki pengotor alam sekitar dan gemar menimbulkan ketegangan dan kekecohan dalam keluarga, jiran tetangga atau masyarakat sekelilingnya. Bahkan ada yang biadab terhadap guru-guru yang menurunkan ilmu kepadanya. Ada juga yang menghabiskan belanja sekolah untuk membeli rokok, dadah, arak atau berpelesen. Sebab itu kita mahu bakal ibu bapa mendalami konsep *SPIES*. *SPIES* pada Dengkil bukan *Speeds*. *SPIES*. Maksudnya kalau kita tengok bahasa Inggerisnyalah daripada perkataan *spy* maknanya kalau orang UMNO Barisan Nasional nak dapat maklumat tentang mungkin mesyuarat apa ke dia letak orang di situ supaya adalah dapat-dapat dengar – dengar sikit. Itu *spy* itu, itu konsepnya. Bukan *Speech*. Yakni model pembangunan modal insan negeri Selangor supaya mereka bersedia memastikan anak yang bakal lahir telah tersedia persekitaran yang akan merangsangkan pembangunan rohani, elemen S atau *spiritual*. Pertumbuhan fizikal P yang bakal menjadikan ia individu yang sihat dan kuat sentiasa terangsang intelegnya dan membudayakan pembelajaran dan pengajaran sepanjang hayat. Kalau kita biasa dengar pembelajaran sepanjang hayat ini saya nak perkenalkan pengajaran sepanjang hayat pula yang bermaksud selagi kita tidak meninggalkan dunia, dan tidak nyanyuk semua warga Selangor perlu memastikan ilmu dan kemahirannya di turunkan kepada orang lain. Ibu dan bapa harus bersetuju supaya sama-sama belajar mengawal emosi dan saling bantu-membantu supaya ledakan emosi tidak diajar atau didedahkan kepada si anak. Modal ketenteraman, moga ketenteraman dan tindakan rasional ibu dan bapa akan dengan sendiri menjadi asam garam kepada si anak kelak. Akhir sekali S. Sosial. Atas kepedulian sosial atau kewajipan kemasyarakatan dan pemuliharaan alam sekitar perlu dipamerkan oleh ibu bapa. Makna nya ibu bapa tak boleh buang sampah atau pun tin apa ya, tin minuman di luar kereta dan sebagainya. Ataupun bila pergi berkelah mencemarkan segala kertas surat khabar, beg-beg plastik, bungkusan-bungkusan plastik di tepi sungai dan laut. Sifat prihatin, bersimpati mahu menolong dan ringan tulang, membantu tanpa mengharap balasan. Menghulurkan bantuan walaupun menerima cemuhan. Celik alam sekitar seperti keadaan sungai bagaimana, udara, bukit bukau, awan dan laut serta flora dan fauna

supaya menimbulkan kesedaran. Impak dan hubung kait keadaan alam sekitar dengan dirinya serta manusia sejagat. Insya-Allah langkah-langkah awal seperti ini akan benar-benar melahirkan seorang insan yang berjiwa mulia,sihat dan kuat, cerdas dan pintar, mesra, sabar, pemaaf dan mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi di samping menjadi manusia yang akan menjadi rujukan dan orang harapan sesuatu komuniti dan modal insan terbaik negeri Selangor. Persediaan awal bayi-bayi yang dilahirkan dan di *SPIES*kan ini membuka ruang yang seluas-luasnya bagi memungkinkan si anak ini menjadi insan cemerlang yang teramat produktif dan mahu menjadi aset terpenting bagi Selangor.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, Taman Templer minta laluan.

Y.B. PUN DR. HALIMAH BINTI ALI : Belum habis, mukadimah baru. Seandainya kita boleh menjanakan seramai mungkin benih-benih cemerlang ini Insya-Allah kelak akan tercipta sejarah tamadun terunggul di Selangor. Perjalanan masih jauh tetapi tidak mustahil. Peringkat bayi adalah terbaik untuk mendedahkan kepada konsep pembangunan SPIES. Namun kita juga harus mempunyai kempen besar-besaran untuk memperkenalkan model holistik ini kepada seluruh pemimpin peringkat negeri, daerah, mukim dan kampung di mana saja mereka berada. Kita perlu perelaskan kepada guru-guru, warga masjid, surau dan rumah ibadat, kepada pekerja-pekerja kilang, swasta dan kerajaan, petani dan nelayan, ilmuan dan wartawan serta editor, NGO, belia dan remaja, IPT, sekolah Tadika dan *nursery*, bahkan kepada pihak polis, bomba, pemandu dan sukarelawan. Penerimaan kepada hakikat bahawa seorang manusia biasa memerlukan penekanan kepada lima elemen teras dalam model SPIES ini akan menjadi batu asas kepada pencapaian matlamat dan wawasan negeri Selangor yang mahu menjadi negeri idaman semua orang. Ok. Saya bukalah kepada siapa-siapa nak bertanya tadi ada lagi.

TUAN SPEAKER : Ya Sekarang Bangi nak bertanya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tahu adakah dalam bidang pendidikan ini kita mempunyai *think tank* yang dapat memberi fikiran bagi kita memandu arah pendidikan negeri Selangor. Saya merasakan kita banyak *teori tikal* tapi yang turun pada praktikal, amali di Selangor ini dari segi pelajaran tak berapa nampaklah *sorry*. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih. Yang saya sebutkan ini kuasa kerajaan negeri Selangor adalah di bidang pendidikan tidak formal. Yang bidang formal tu, tunggulah sabar-sabar Yang Berhormat kita menguasai menteri Kementerian Pelajaran Malaysia. Tapi kita Insya-Allah, Insya-Allah apa yang *think tank* itu Insya-Allah kita ada ujud Jawatankuasa Tetap Pendidikan-Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan memang ada *think tank* yang di mana melalui *think tank* inilah kita memikirkan, kita melahirkan *SPIES* ini. Bahkan *bridged* amal Selangor yang telah dikemukakan dibangkitkan oleh Dengkil dan juga projek jejak ilmuan yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pada 7 hari bulan Jun yang lepas supaya kita benar-benar akan melahirkan menciptakan sejarah di negeri Selangor ini menjadikan Selangor ini hub ilmuan, hub pendidikan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Kajang dia minta laluan.

YB. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Kajang ingin ambil kesempatan ini untuk bertanya berkaitan dengan program-program pendidikan secara tidak formal dan juga formal yang ujud dalam negeri Selangor, iaitu formal seperti UNISEL dan juga Institusi-Institusi pendidikan kepunyaan negeri, dan dari segi yang tidak formal apakah Rancangan ataupun

institusi-institusi yang akan ditubuhkan dan yang dikatakan tidak formal pun ada yang separa formal seperti tadika-tadika, pusat-pusat bimbingan dan sebagainya, mungkin minta jelaskan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Pertamanya kita baru bermula, memulakan perancangan kita dan dalam proses baru memulakan pelaksanaan, insya-Allah kita akan menyerapkan konsep *SPIES* ini kedalam modul di UNISEL dari segi tenaga pengajar kepada pengasuh dan tenaga pengajar, pra sekolah atau tadika di mana mereka akan mengajarkan bagaimana untuk membangunkan manusia secara holistik iaitu *SPIES* itu,

Dan yang keduanya di antara yang kita telah jalankan melalui pilot projek kita ialah kursus-kursus *SPIES* yang melibatkan semua golongan masyarakat seperti yang saya katakan tadi daripada pimpinan-pimpinan dan insya-Allah kita telah menjadualkan ketua-ketua jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan, NGO-NGO, pemimpin-pemimpin daripada kalangan daerah di peringkat daerah, kampung dan sebagainya termasuk belia, siswazah remaja dan belia, jadi ini di antara yang sebutkan, insya-Allah kita akan perincikan itu, so memang kita sudah pun menyediakan satu program khas besar-besaran sebab itulah kita menyediakan bajet 10 juta itu, walaupun Dengkil kata besar, tapi Sungai Panjang sangat bersetuju pula, bahawa mengatakan cukup kecil, jadi oleh kerana YAB. Dato' Menteri Besar kerana Sungai Panjang adalah Ketua Pembangkang, saya lebih bersetuju la dengan Sungai Panjang untuk menambahkan lagi la, dia kata 10 juta itu kecil, walaupun Dengkil kata itu besar jadi boleh kita sebab Ketua Pembangkang sendiri mengatakan bersetuju dengan program *SPIES*.

Saya banyak lagi nak cakap so apa ni, itu Insya-Allah program secara *detailnya* Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh kita jawatankuasa kita akan mengemukakan kepada semua Yang Berhormat. Kita mahu melahirkan seramai genius berbagai bidang seperti '*Albert Einstein*'. Kalau kita soroti sejarah dengan teliti dan adil kita akan dapati cerdik pandai terbilang yang menjadi rujukan seluruh dunia hingga ke saat ini di bidang sains dan matematik, astronomi, perubatan, *aviation* dan sebagainya jelas terkumpul sewaktu zaman kegemilangan pemerintahan Islam satu masa dahulu. Ini jelas kerana Islam tidak bercanggah dengan sains dan duniawi dan apabila khalifah atau pemimpin Islam adalah orang yang bijak, beramal kerana Allah bukan kerana diri dan kroni dengan menjaga kebajikan rakyatnya maka usahanya diberkati dan seluruh umat sama ada Muslim ataupun bukan Muslim mendapat rahmat daripada kepimpinan yang adil dan pintar itu. Inilah yang ingin kita lahirkan di Selangor ini.

Sungai Panjang ada membuat satu komen di mana ia mengatakan INPENS (Institut Pendidikan Negeri Selangor) dikatakan selama ini tidak ada tambah kursus tak tambah pelajar, saya nak nyatakan bahawa INPENS ini dalam proses menambahkan dua kursus lagi iaitu Kursus-kursus yang sangat popular sekarang ini. Kimpalan dan baik pulih motosikal, dan kita Kerajaan tengah meneliti membina asrama yang boleh menampung 500 pelajar lagi untuk INPENS ini. Kenapa agaknya selama ini INPENS tidak mampu menambah kursus tidak mampu memfokuskan untuk menambah pelajar menambah baik lagi prestasi mereka, kerana saya difahamkan oleh INPENS semasa UMNO Barisan Nasional memerintah mereka terpaksa berpindah 6 kali, kali terakhir 7 kali, kalau orang Melayu kata 7 kali pindah jadi papa, nasib baiklah Pakatan Rakyat yang memerintah tak payahlah nak pindah lagi, Insya-Allah.

Bangi, berminat dengan konsep untuk wawasan Selangor untuk menjadi HUB Pendidikan di mana yang bermaksud Selangor akan menjadi pusat tumpuan di Malaysia dan negara serantau kerana pendidikan yang kita nak jadikan ia sebagai pendidikan HUB ini ialah supaya ia dikenali sebagai satu tempat satu negeri di mana pendidikan berkualiti yang mampu menghasilkan insan-insan holistik yang mempunyai daya tahan dan daya saing yang mampu menjadi penggerak-penggerak

masyarakat dan negeri ke arah mencapai tamadun gemilang sama ada di negeri Selangor, Malaysia mahupun di luar negara.

Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, dalam sebulan dua ini, kelmarin pun ada saintis-saintis daripada Bandung, Indonesia telah berminat untuk menjalinkan satu *network* bersama kita khususnya dengan UNISEL supaya kita ada *ex-change, student* dan *research* dan tenaga-tenaga pelajar di dalam bidang bio teknologi. Begitu juga Qatar, dan Khazan State Universiti, Tatarsthan Universiti, di Russia juga berminat untuk bekerjasama dengan kita. Jadi *target* kita ialah produk semua institusi pengajian di Selangor adalah insan yang cemerlang yang akan menjadi *key player* atau pemain utama dalam proses pembangunan masyarakat ini.

Ada yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak pembangkang di mana mengatakan kita sebut aje, kita rancang aje tak sebut apa yang kita nak lakukan dengan sebenarnya. Seperti yang saya sebutkan tadi, program *SPIES* ini kita akan membawa kepada seluruh lapisan masyarakat khususnya kepada pemimpin-pemimpin masyarakat.

Pertamanya kepada Institusi-Institusi agama, bagi agama Islam, institusi agama Islam seperti Jawatankuasa masjid, imam-imam, nazir dan sebagainya, kita tidak mahu orang Islam dikatakan paling tidak berhati perut, kerana yang melakukan gejala sosial melakukan jenayah dikaitkan dengan orang Islam, jadi oleh sebab kita mahu bajet yang kita peruntukan daripada rakyat ini diberikan, dipergunakan dengan sebaik mungkin supaya ianya kos efektif maka kita mahu mempertingkatkan keupayaan kemampuan mereka-mereka yang diamanahkan menjaga institusi agama ini supaya mereka ini diberi pendedahan supaya mereka ini diberi kemampuan untuk mengendalikan institusi-institusi agama ini.

Begitu juga dengan rumah-rumah ibadat yang lain, supaya kerana kita mahu penjaga-penjaga hal ehwal agama ini sama ada dari kalangan orang Islam mahupun orang bukan Islam sepatutnya adalah orang yang paling sabar, paling ikhlas, paling bersifat mementing orang lain bukan diri mereka sendiri, dan merekalah orang yang mempunyai peranan orang yang paling utama untuk mendamai di antara kaum.

Inilah satu cara kita untuk memastikan perpaduan antara kaum diperhebatkan di Selangor ini. Insya-Allah kita akan melakukan kursus-kursus *SPIES* ini kita akan anjurkan berperingkat demi peringkat. *SPIES* ketua kampung telah bermula, spies PBT dalam perancangan *SPIES* kakitangan kerajaan sebagai mereka sebagai pelaksana dasar kerajaan sebagai kaki dan tangan yang akan membawa dasar-dasar arahan-arahan kerajaan supaya memastikan sistem *delivery* segala rancangan yang akan memberi kebaikan kepada rakyat ini akan memang sampai kepada rakyat jelata, bukan rancangannya baik, kertas cadangannya baik tetapi rakyat masih tidak merasainya. Jadi Insya-Allah kakitangan kerajaan di semua peringkat akan diberi kursus *SPIES* ini.

SPIES warga pendidik, guru-guru kenapa? kerana dia adalah agen penyampai ilmu, dan *role modul* yang sepatutnya menzahirkan kefahaman dan keyakinan kepada ilmu dan manfaat ilmunya dan kita tidak mahu pendidik adalah orang yang melalui tekanan-tekanan emosi yang begitu tinggi dan mereka tidak mempamerkan akhlak yang baik menjadi mereka sebagai contoh yang tidak baik kepada anak murid mereka.

Jadi kita mahu semua *role model*, *role model* ini *key players* ini akan diberikan kefahaman tentang perlunya mereka menjadikan insan yang holistik yang cemerlang kerana mereka adalah agen bagi negeri Selangor untuk memastikan kesejahteraan, kemajuan dan kelestarian Negeri Selangor. *SPIES* warga keselamatan supaya mereka boleh dipastikan tidak menerima rasuah tidak tergodanya dengan gametan-gametan rasuah ini dan benar-benar tertumpu pada *core-business* menjaga keselamatan.

Konsep *SPIES* ini juga, menuntutkan GLC atau anak-anak syarikat kepunyaan Kerajaan dan swasta supaya mereka mempergiatkan memperhebatkan *CSR* atau *Corporate Sosial Responsibilities* as daripada *SPIES* itu tadi adalah kepedulian sosialnya supaya mereka boleh bekerjasama dengan kerajaan untuk mempromosikan budaya ilmu konsep pembelajaran sepanjang hayat, cinta dan nilai ilmu dan ilmunya, merencanakan sistem pendidikan dan keberkesanan pendidikan ini melalui mungkin daripada sumbangan-sumbangan mereka supaya mereka adalah menjadi penyumbang kepada tamadun yang akan datang. Sekarang ini ilmunya-ilmunya...

YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh tolong saya celah,

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Ok. Ok.

YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Barangkali dalam bidang pendidikan di antara aspek-aspek yang penting ini yang perlu diberi tumpuan oleh Negeri Selangor umpamanya peruntukan kewangan bagi biasiswa untuk mendidik pelajar-pelajar kita. Penerbitan, apakah? Penerbitan-penerbitan utama yang telah dihasilkan oleh tenaga-tenaga intelek dari Selangor, pakar-pakar hasil penyelidikan, bahkan disebutkan tentang jejak ilmuwan, berapa orangkah? yang kita dapat *trace* tentang jejak ilmuwan yang kita dapati di Selangor setakat ini?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Terima kasih Bangi. Untuk senarai *research* dan penerbitan-penerbitan dan sebagainya ini adalah dalam proses. Sebenarnya dalam projek jejak ilmuwan kita telah berjaya menjejaki 80 orang ilmuwan-ilmuwan di Selangor ini tapi ini hanyalah masih dalam satu proses kita untuk mengadakan *database* atau pengkalan data ilmuwan-ilmuwan. Kita masih menjejaki ilmuwan-ilmuwan kerananya kita faham bahawa ilmuwan-ilmuwan seolah-olah di pinggir atau di *cold storage* dengan izin. Dipanggil bila terdesak dan diperlukan semasa krisis. Masa lain mereka tidak dibenarkan dan dibiarkan, tidak dibenarkan untuk memberikan pendapat mereka dengan adil. Jadi sekarang ini projek jejak ilmuwan ini adalah satu proses untuk memberikan satu kefahaman, satu pendedahan kepada ilmuwan-ilmuwan yang berada di Selangor. Inilah masanya, inilah peluang mereka di mana Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini memberikan satu peluang untuk mereka menaikkan memartabatkan mereka ini, menjadi *icon*, pemimpin masyarakat di Selangor ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, boleh gulung? Ada seorang lagi EXCO.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Ha, ia. Minta sikit, minta sikit-sikit apa, ada, ada ni daripada Dengkil ya. Dengkil agaknya...

TUAN SPEAKER : Masalahnya kita hendaklah membuat keputusan pada pukul 12.00 tidak boleh dilanjutkan masa lagi mengikut Peraturan Tetap.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Ok. Jadi saya nak sebutkan kepada Dengkil. Dengkil seolah-olah tidak faham apa beza 6 M dengan *SPIES*. Kalau kita baca 6 M ini dasar pembangunan modal insan dahulunya, 6 M bagi Kerajaan Negeri Selangor ini, sekarang ini, ini dah disebutkan dia tu apa, Musyaratah, Muraqabah, Muhasabah dan sebagainya. Saya tak tahulah Sekinchan faham ke tidak sebab itu kerajaan dulu punya tetapi kita bagi kita kerajaan sekarang ini, 6 M adalah sebahagian daripada *SPIES*. Hanya masuk dan kita tak buang, yang baik kita tak buang. Hanya masuk dalam komponen S atau *Spiritual SPIES* itu. Tidak memadai 6 M ini untuk membangunkan semua rakyat di Negeri Selangor ini supaya boleh bangun, mahu bangun dan mahu menjadi orang yang produktif, memberikan kesan yang terbaik kepada rakyat jelata. Saya bawa yang terakhir, Tuan Speaker. Tolong berikan masa sedikit kepada saya.

Dalam, dalam ringkasnya, saya bagi yang ringkasannya. Keperluan untuk Kerajaan Selangor membuat satu dasar yang mewajibkan setiap peringkat pemimpin daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai pembuat dasar, Wakil-Wakil Rakyat, ADUN dan MP, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan dan kakitangan, sekolah-sekolah dan IPT di bawah Kerajaan Negeri Selangor serta pengusaha Tadika yang ingin berdaftar dengan Negeri Selangor mengikuti Kursus *SPIES* supaya kempen keperluan untuk membangunkan insan secara holistik ini diterima pakai dan disebar luas ke seluruh lapisan masyarakat. Bahkan UNISEL seperti yang saya katakan tadi telah menyerapkan konsep *SPIES* ke dalam modul mereka. Pihak Kerajaan Tempatan, pihak Ketua Kampung, JKK juga di antara yang awal kita *SPIES* kan. Adalah diharapkan dengan kefahaman dan penghayatan atau mendarah dagingkan model pembangunan modal insan ini, yang menyeluruh ini akan membangkit norma-norma atau budaya-budaya baru di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan sekejap saja.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Tak, tak, tak cukup masalah, tak apa. Norma rajin dan tekun belajar dan bekerja, malas dan mengharap bantuan bukan norma di Negeri Selangor. Norma di Negeri Selangor adalah hormat-menghormati, tidak menghormati hak dan keperluan orang lain bukan norma. Norma sayang-menyayangi, benci-membenci bukan norma di Negeri Selangor. Kita mahu melahirkan norma prihatin, kepedulian sosial dan alam sekitar yang tinggi. Meminggir orang susah, OKU, orang daif, fakir miskin dan sebagainya adalah bukan norma. Kita mahu melahirkan norma tidak mementingkan diri, keluarga dan kroni yang terbaliknyalah adalah bukan norma bagi Negeri Selangor. Kita mahu norma berdiskusi dan berdialog dengan tenang, bukan norma di Negeri Selangor, angkat keris, parang dan kerusi. Hasilnya Selangor kurang tegang. Selangor menjadi negeri yang selamat, Selangor menjadi negeri yang damai dan sejahtera. Selangor yang maju kerana rakyatnya sihat dan rajin bekerja. Selangor yang kaya dan berkat kerana pemimpinnya bijak meneroka sumber-sumber kekayaan dan menghalanya ke arah yang paling wajar. Selangor yang melestarikan kehidupan rakyat dan menggabungkan semua faktor komposit manusia yang memungkinkannya mencapai piawaian ISO dunia dan akhirat.

Akhirnya apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan ucapan bajetnya yang menyatakan hasrat untuk menjadikan Selangor sebagai *Baldatun Toiyibatun Warabbun Ghaffur*. Negeri yang baik, maju, berkat dan mendapat keampunan Allah akan menjadikan Selangor negeri idaman semua orang. Akhir sekali,

Usahawan cacing memancing seluang,
Udang ketam di Selat Klang,
Insan di Selangor terbuka peluang,
Mencipta sejarah tamadun gemilang.

Jejak ilmuwan, lahir ilmuwan,
Wawasan Selangor mencipta sejarah.
Semua golongan, swasta, Kerajaan
Ayuh proaktif, rebut tuah, memimpin ummah

Kalau ada jarum yang patah
Jangan disimpan di dalam jerami
Kalau ada silap dan salah
Beritahu kami sama-sama kita perbaiki.

Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu berkenaan beberapa persoalan yang ditanyakan oleh beliau. Nombor satu adalah, apakah tindakan kerajaan untuk menarik pelaburan baru? ini saya sudah pun sebut dalam jawapan saya dalam sesi soal jawab beberapa hari yang lepas tapi saya akan ulangkan secara ringkas. Bagi usaha yang kita akan laksanakan untuk menarik pelabur yang baru termasuk kita mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh industri dan pelabur di Selangor. Kita juga mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan kita mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan sijil layak menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh pihak industri ataupun pelabur menerusi *One Stop Centre* yang ditubuhkan di setiap PBT.

Kita juga cuba mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Kita juga menyertai dan menganjurkan misi penggalakan pelaburan dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan kita sebagai Kerajaan Negeri Selangor, kita juga menganjurkan misi galakan pelaburan yang sama di negara asing.

Tuan Yang Dipertua, Tuan Speaker, Tuan Speaker. Bagi isu kenapakah sesetengah pelabur mengambil sikap tunggu dan lihat serta berhasrat untuk memindahkan operasi mereka keluar negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa para pelabur mengambil sikap sedemikian bukanlah disebabkan oleh pertukaran kerajaan baru tetapi lebih didorong oleh faktor ekonomi global pada masa ini.

Sebagai makluman, momentum minat pelabur baru untuk melabur di Selangor masih kekal dan pada minggu ini sahaja terdapat 3 kumpulan pelabur berpotensi telah bertemu dengan saya dan SSIC, iaitu pelabur dari Italy dalam bidang logistik dan *machinery*, pelabur dari Switzerland dalam bidang bio-teknologi dan perubatan, dan juga pelabur dari Germany yang menghasilkan, ingin mengeluarkan *crystal line product*. Manakala

pada minggu hadapan, terdapat 3 lagi pelabur berpotensi akan bertemu dengan kita iaitu pelabur dari United Kingdom dalam bidang pendidikan, pelabur dari Korea dalam bidang perabot dan juga pelabur dari Germany dalam industri solar.

Tuan Speaker, mengenai masalah yang dihadapi oleh pelabur iaitu dalam birokrasi dan juga kelewatan dalam mendapatkan kelulusan. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, sekiranya Yang Berhormat menemui sesiapa pelabur yang menghadapi masalah sedemikian, mereka boleh terus merujuk kepada SSIC Berhad bagi membolehkan tindakan penyelarasan bersama jabatan-jabatan yang berkaitan dibuat dan diambil tindakan segera. Masalah-masalah yang tidak boleh diselesaikan di peringkat jabatan, pihak SSIC akan mengangkat perkara ini ke Mesyuarat EXCO MTES untuk mempertimbangkan, untuk pertimbangan lanjut dari Kerajaan Negeri. Dari maklum balas yang kita terima pada 2 malam yang lalu dalam pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan sekumpulan lebih kurang 20 syarikat *multi national company* di Negeri Selangor, kebanyakan daripada mereka berpuas hati dengan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh SSIC dalam menyelesaikan masalah mereka.

Tuan Speaker, di sini saya ingin menjelaskan, memberi jawapan tentang soalan dikemukakan oleh Kuala Kubu Baharu mengenai kes yang diselesaikan oleh SSIC dan berapa lama tempoh yang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah dikemukakan. Pada tahun 2007 sebanyak 44 kes diterima dan 32 daripadanya telah diselesaikan. Manakala 12 kes lagi sedang di dalam tindakan iaitu 8 daripadanya di dalam tindakan pihak syarikat dan 4 dalam tindakan-tindakan jabatan berkaitan. Pada tahun ini pula sebanyak 39 kes telah diterima dan 16 telah diselesaikan. Manakala 25 di dalam, masih dalam tindakan. Dalam 25 kes dalam tindakan ini, 12 kes adalah di dalam tindakan pihak syarikat sendiri dan 13 dalam tindakan jabatan-jabatan berkaitan. Kebiasaannya, masalah yang dibawa ke SSIC tidak mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan. Masalah yang tidak melibatkan peruntukan yang besar seperti masalah infra atau masalah utiliti biasanya hanya mengambil masa 1 hingga 3 minggu untuk diselesaikan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Antara contoh-contoh permohonan yang dapat diselesaikan segera adalah seperti berikut:

1. Q-SEL (M) Sdn. Bhd. Yang berada di Selangor *Science Park 2*, tempoh yang permohonannya untuk, permohonan kebenaran perancang dan permohonan pelan bangunan. SSIC dapat membantu mereka dalam masa 3 hari untuk mendapat kesemua kebenaran ini. Mengenai *Morning Asia KL Rawang* di *Integrated Industrial Park*, Rawang yang projeknya adalah pembangunan kilang pengeluaran perasa minuman dan makanan. Pemohon, SSIC telah pun membantu mereka mendapat permohonan kebenaran merancang dan permohonan pelan pembangunan dalam tempoh 30 hari dalam Majlis Perbandaran Selayang. Mengenai *Orient*..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan Tuan Speaker.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Biar saya habiskan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sikit saja

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : kerana masa sudah...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ada, saya ada soalan berkenaan dengan TNB dan Gas Malaysia ini yang mana ia menjejaskan...

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Nanti, saya rasa Yang Berhormat nanti boleh bangkitkan kesemua masalah ini dalam peringkat jawatankuasa.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sudah bangkit tadi semasa perbahasan dasar. Minta jawapan. Ia. Masalah bekalan elektrik yang tidak stabil, bekalan gas Malaysia yang tidak ada.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUN SIM : Ya, ya, ok saya, saya biar saya habiskan saya jawab nanti. Tuan Speaker saya teruskan mengenai Syarikat *Orient NB* di Pulau Indah, *Industrial Park* di Pulau Indah. Kita membantu mereka dapat permohonan kebenaran merancang dalam tempoh 6 hari dan mengenai contoh seperti *Eker Cavienner* di Port Klang *Freezone*, kelayakan sijil layak menduduki ini, pihak MPK lulusnya dengan tempoh 1 hari sahaja. Okey, lagi satu syarikat Kontena Nasional di *North Port*, Pelabuhan Klang. Kelulusan sijil layak menduduki diperolehi daripada MPK dalam tempoh 1 hari sahaja. Jadi kes yang ...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Kinrara, masa sudah sampai.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Jadi?

TUAN SPEAKER : Ia, rang undang-undang ini perlu diputuskan pada pukul 12.00 selewat-lewatnya. Jadi sudah sampai masa pukul 12.00. Jadi sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER : Memandangkan jam sudah menunjukkan 12.00 tengah hari, maka saya menangguhkan Dewan ini ke-2, pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan di sambung semula pada jam 2.30 petang)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan menurut Peraturan Tetap 66 (3) bagi menimbangankan Rang Undang-Undang ini Fasa demi Fasa.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya menyokong.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.01 – Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan RM76,084,728.

TUAN PENGERUSI : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Pengerusi, Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Jadual B.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, muka surat 107 butiran 505000 kod 11000 – Gaji dan Upahan. Ada dua perkara ingin saya sampaikan kepada YAB. Tan Sri, satu saya nampak dalam kita nak melicinkan pentadbiran kerajaan negeri Selangor ini, maklumlah kita baru 8 bulan mengambil kerajaan ini, masih baru lagi, masih ada kelemahan-kelemahan yang patut kita perbaiki. Antara yang kita patut fokuskan, saya nak berikan satu ye, pejabat saya ada nampak pejabat EXCO terlalu sempit ruangnya terlalu sempit dan kadang-kadang dua tiga media atau pun orang awam yang buat aduan bagi dia duduk pun tak de tempat. Hah! Pembantu EXCO tak de bilik. Pejabat Pembantu EXCO dah berapa bulan tak ada. U ini Pembantu EXCO ke? Saya pun

TUAN PENGERUSI : Sekinchan sendiri ada sebagai Pembantu EXCO, ada pejabat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya sebagai Pembantu EXCO untuk portfolio Kampung Baru dan Kilang Haram.

TUAN PENGERUSI : Ada pejabat ke tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak de.

TUAN PENGERUSI : Tapi lain kali, kalau ada kepentingan sendiri kena isytiharkan dahulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Hah! Ye....ye... ye saya kena isytihar. Tadi saya ada...ada yang penting itu bab-bab Pembantu EXCO ini yang bilik itu lain cerita yang keseluruhan bilik Pejabat EXCO tu, hah! Itu yang saya fokuskan. Pembantu kalau tak de pun kita tunggu sekejap pun boleh, itu tak ada masalah. Itu saya minta perkara ini diambil perhatian. Yang Keduanya, hari itu kita sudah nampak kerajaan negeri telah

keluarkan satu poster untuk semua, untuk Menteri Besarnya, untuk semua EXCO-EXCONya untuk dikenali ditampal-tampal di semua Jabatan Kerajaan, Persatuan-persatuan dan sebagainya ditampal tetapi saya nampak sampai sekarang masih ada kekurangan di mana gambar-gambar Menteri Besar dengan Tuan Speakernya di sebelahnya dengan ADUN-ADUNnya termasuk dengan pembangkangnya tak ada. Tak dikeluarkan. Dan ini menyebabkan kita sebagai wakil sebagai ADUN masih tidak dikenali oleh orang ramai. Maklumlah kalau Sekinchan orang kenal sikit-sikit, maklumlah... oklah... saya terimalah. Tapi ADUN-ADUN yang baru macam yang Teratainya,

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Hah! Dah dua penggal dah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Damansaranya, hah! yang Sg. Peleknya, hah! yang Morib tak payahlah kan hah. Tak de. Pergi PBT kadang-kadang ni u sapa hah. Gambar tak de sebab potret tu tak de. Saya mintalah kalau boleh disegerakan untuk melicinkan pentadbiran dan sampai ada-ada yang Persatuan pun boleh diguna pakai JKKK, pejabat balai raya JKKK pun boleh ditampal di situ. Ini membantu melicinkan pentadbiran Pakatan Rakyat, ini sahaja perbahasan saya, sekian terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker.

TUAN Pengerusi : Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian, muka surat 107, masuk bekalan B.01 – Menteri Besar dan SUK, butiran 505000 – Pentadbiran dan Kewangan. Kod 11000 – Gaji dan Upahan. Jadi saya kena bincang sikit tentang kakitangan awam di bawah Pejabat Menteri Besar. Kita sudah tahu Pakatan Rakyat ini diterajui oleh DAP, PAS, Keadilan dan juga baru-baru ini PSM dan kita memperjuangkan prinsip-prinsip keadilan, demokratik, jujur, telus cekap berkeadilan dan kalau kita lihat kita perlu menilai sama ada atau ia perlu kita terus menghantar pegawai-pegawai kita ke latihan Biro Tatanegara yang sekarang ini terletak di bawah jawatan Perdana Menteri. Saya, apa yang saya lihat ialah kakitangan-kakitangan awam ini memerlukan atau pun dari semasa ke semasa dihantar untuk menerima latihan oleh BTN dan saya berpendapat memandangkan baru-baru ini kita telah menerima berbagai jenis aduan bertulis khususnya yang diterima daripada rakan-rakan kita di Parlimen tentang kursus-kursus BTN ini yang bercanggahan dengan konsep pentadbiran kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Jadi saya rasa kerajaan negeri supaya berhentilah daripada menghantar kakitangan awam kita ini ke kursus-kursus BTN. Maklumlah kita tidak perlu membiarkan kakitangan awam kita ini dicuci otak sebegini oleh kursus-kursus BTN. Ada yang saya bacakan di sini, antara aduan-aduan yang diterima seperti pensyarah-pensyarahnya mengeluarkan kenyataan seperti kalau ular dengan India dengan mata ketuk India dulu. Ini tidak betul dan ada juga kenyataan seperti menyangkan video menuduh, benar di sini ye aduan diterima, YB Kinrara dan bekas Ketua Angkatan Keadilan, Ezam Mohd Nor sebagai Penyokong Zionis, ini juga tidak benar. Kenyataan-kenyataan ini saya rasa adalah sangat berbahaya dan saya rasa kita tidak perlu menghantar kakitangan-kakitangan kita ke Biro Tatanegara ini dan saya juga sangat khuatir kerana mungkinkah, adakah ini kerana masalah yang berbangkit daripada kualiti kerja, penyampaian kerja kakitangan awam kerajaan negeri ini adalah disebabkan oleh kursus-kursus yang negatif sebegini. Jadi kita tidak salahkan semuanya kepada kakitangan awam tetapi kita kena perbetulkan persepsi yang ada. Saya juga ingin bertanya tentang di bawah kod ini sama ada SUK bercadang untuk

mengambil lebih ramai kakitangan awam yang fasih berbahasa Tamil, Mandarin dan juga bahasa-bahasa asing seperti bahasa German, Jepun dan Korea. Tadi kita dengar kita memerlukan pelaburan. Ada pelaburan dari German, Quesel. Ada pelabur dari Jepun, jadi saya rasa mungkin ada banyak kalau kita mengambil lebih ramai lagi kakitangan awam yang fasih berbahasa bukan sahaja Tamil, bukan sahaja Mandarin tetapi Jepun, Korea dan juga German supaya mereka boleh merasa mesra untuk urusan dengan kerajaan negeri dan kita juga boleh menggunakan kelebihan ini untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke Negeri Selangor ini dan kita boleh menjadikan kalau boleh negeri Selangor ini sebagai rumah kedua mereka di Malaysia ini. Bukan negeri-negeri lain tetapi negeri Selangor, jadi itulah apa yang saya ingin bangkitkan di bawah butiran ini. Terima kasih.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi.

TUAN PENERUSI : Ya, Hulu Kelang.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ambil bahagian, butiran 505000, muka surat 107, kod 42000 – pemberian dalam negeri. Memandangkan Negeri Selangor merupakan Kerajaan Negeri yang pertama mengusulkan dan meluluskan pemansuhan ISA dan selaras dengan usaha kita untuk menjadi sebuah negeri yang cukup prihatin dengan isu hak asasi manusia dan mengambil berat tentang hubungan dengan NGO. Saya ingin, sebagaimana yang saya ulas dalam ucapan perbahasan saya, saya ingin pendekatan ini dinampakkan dalam bajet di mana peruntukkan yang sewajarnya diberikan kepada NGO-NGO negeri Selangor sama ada yang berkaitan dengan hak asasi, alam sekitar dan lain-lain agar dinampakkan dan diadakan satu peruntukan yang menunjukkan bahawa kerajaan Negeri Selangor prihatin tentang hak asasi manusia dan *civil society* (dengan izin). Kemudian selaras dengan usul ISA diluluskan itu, program-program yang lebih semarak hendaklah diwujudkan dan dijalankan di bawah pentadbiran YAB. Menteri Besar dengan sokongan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat semoga semarak, maknanya kegiatan NGO di peringkat negeri, di peringkat kawasan dan di peringkat DUN berjalan dengan lancar dan baik dan selaras dengan itu juga peruntukan hendaklah dizahirkan dengan memberi bantuan, geran, pemberian khas kepada NGO yang memperjuangkan tentang isu ISA khususnya Gerakan Mansuhkan ISA GMI, itu satu perkara yang saya nampak perlu di samping bantuan-bantuan yang sudah disalurkan melalui kebajikan dan sebagainya kepada isteri-isteri tahanan ISA, keluarga yang melawat Kamunting. Cuma satu aspek lagi yang berkaitan dengan perjuangan menentang ISA, semasa saya di tahan di bawah ISA pada tahun 2001, rakan-rakan berjuang dan di antara mereka di tahan dan kes mereka di bawa ke Mahkamah pada 2001, sampai hari ini sudah 7 tahun kes mereka di bawa ke Mahkamah, mereka berulang alik dari Selangor setiap 3 bulan ke Mahkamah, kes ditangguhkan dan ini melibatkan kos, masa, tekanan emosi dan sebagainya. Kalaulah tidak ada halangan kerajaan negeri Selangor memberikan penghargaan kepada 5 atau 6 orang daripada mereka yang bukan hanya ditahan secara tidak adil pada masa itu, di tahan di dalam lokap kemudian dihadapkan ke Mahkamah yang tak selesai-selesai setiap kali perjalanan mereka mengambil masa dan keperluan wang. Jadi saya ingin mengesyorkan Tuan Pengerusi agar peruntukan ini dizahirkan dalam kod yang berkenaan. Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Bukit Antarabangsa.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi. Kita sedang membahaskan perkara B.01 yang meliputi satu peruntukan 76 juta ringgit. Bagi saya, ini saya peruntukan yang agak besar dan saya juga merujuk kepada butiran 505000 di bawah program 11000 iaitu gaji dan upahan. Perkara yang nak saya bangkitkan ialah dengan jumlah sebegini besar di manakah hasil kerja yang dilakukan oleh anggota pentadbir sama ada Menteri Besar mahu pun EXCO kerajaan negeri. Kalau kita bicara soal, kita bahaskan dalam perbahasan ucapan bajet yang dibentangkan oleh Menteri Besar. Y.A.B Dato' Menteri Besar menegaskan dengan agak panjang lebar untuk memperkasakan GLC ini maknanya ketua eksekutif, pihak pengurusan mesti bertanggungjawab, kerja kuat, berhemah telus dan ada sikap bertanggung jawapan maka persoalan yang berikutnya bagaimana pula sumbangan daripada EXCO Kerajaan Negeri dan juga pentadbir kerana rakyat akan menilai dari segi khidmat dan sumbangan kita. Ada 3 perkara yang hendak saya bangkitkan, pertama saya ingin menegaskan dalam Dewan ini dan mungkin boleh diteliti semula oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar, kalau kita lihat peraturan Dewan Undangan Negeri dalam sesi penggulungan saya rasa beberapa EXCO tidak menepati peraturan yang ditetapkan sebab bagi saya, pemahaman saya sesi penggulungan ini adalah satu sesi yang diperuntukkan khusus untuk EXCO kerajaan negeri menjawab setiap persoalan yang dibangkitkan dalam perbahasan dan bukannya memberikan satu "*Policy Speech*" sekali lagi dalam Dewan Undangan Negeri. Kalau ikut tradisi di Dewan Rakyat dan juga di dalam Dewan Undangan Negeri sesi ini secara khusus EXCO akan bangun memberitahu saya, berterima kasih, menyambut baik pandangan beberapa ahli yang berhormat dan ini jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri 1,2,3,4 tetapi saya kira banyak masa telah diluahkan, saya tidak kata apa yang dizahirkan itu tidak baik, ianya bagus tetapi tidak kena pada tempatnya kerana kita mengambil masa yang terlalu lama untuk menegaskan sekali lagi polisi-polisi Kerajaan Negeri, tetapi kita gagal menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya berharap benar kalau pandangan saya ini dapat diberikan pertimbangan oleh Dato' Menteri Besar supaya sesi penggulungan itu dapat kita khususkan kepada perkara-perkara pokok yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang.

Yang keduanya dalam usaha Dato' Menteri Besar menggunakan institusi Pejabat Menteri Besar itu sebanyak RM76 juta ringgit, sudah tentulah harapan Dato' Menteri Besar untuk melihat 1 pasukan yang kuat, yang mantap yang dapat diperkasakan dan dapat meyakinkan rakyat bahawa kita benar-benar bersungguh untuk bekerja dan berkhidmat untuk rakyat. Selaras dengan tema yang diperkenalkan oleh Dato' Menteri Besar iaitu untuk merakyatkan ekonomi negeri Selangor, cuma saya harapan saya ialah Pejabat Menteri Besar dan Institusi Menteri Besar itu dapat juga meneliti prestasi PBT dalam negeri Selangor mahu tidak mahu pegawai-pegawai di PBT ini Dato' Menteri Besar, walaupun mereka rajin, berkhidmat dengan baik, tapi sebahagiannya mentalitinya masih lagi berkiblatkan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Kita bukan nak bawak elemen politik dalam perkara ini tetapi saya kira penting anggota pentadbir termasuk di PBT, pegawai-pegawai ini memahami dasar Kerajaan baru iaitu Dasar Pakatan Rakyat. Ini penting soal ideologi mereka itu hak mereka tetapi bila berkhidmat di PBT berkhidmat di Jabatan Kerajaan mereka mesti mendukung dasar kerajaan yang dipilih melalui sistem demokrasi pada Bulan Mac yang lalu. Saya lihat sebagai contoh, masalah perumahan menjadi agenda utama Dato' Menteri Besar, Dato' Menteri Besar juga memperincikan bahawa 90% rakyat Selangor ini tinggal di kawasan-kawasan bandar dan sudah tentulah ia mendatangkan masalah baru iaitu *New of Poor* ataupun Miskin Baru ini di Negeri Selangor. Termasuk dalam kawasan Ampang, kawasan Bukit

Antarabangsa dan di Gombak. Ini isu peneroka bandar Kampung Berembang , Dato' Menteri Besar, bertahun-tahun tidak selesai. Nak harapkan Menteri Besar yang lalu sudah tentulah tidak ada penyelesaiannya, rakyat dipukul, dihalau dengan ganas dan keras, dengan zalim, tetapi rakyat mengharapkan Pakatan Rakyat kerajaan baru ini dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera. Saya dapat nota yang disiapkan oleh MPAJ dan 1 *Task Force* yang diketuai sendiri oleh EXCO Kerajaan Negeri ya.. di bawah Institusi Menteri Besar ini. *Task Force* ini telah ditubuhkan pada bulan Mei 2008. Sekarang sudah penghujung Oktober, sudah 5 bulan masih belum selesai Tuan Pengerusi, masih ada rakyat kita rakyat Negeri Selangor yang masih berkhemah di tapak tersebut, menunggu, meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada Dato' Menteri Besar dan kerajaan baru untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya tak faham, mengapa MPAJ baik ataupun Jabatan Kerajaan baik dan juga anak syarikat kerajaan Negeri Selangor yang terlibat tak dapat selesai masalah ini, sebab kalau kita tengok Tuan Pengerusi, 150 unit rumah kos rendah Kampung Berembang ini diperuntukkan kepada ADUN UMNO yang lalu, Saudara Azman Wahid, 150 unit diserahkan kepada UMNO bukan diserahkan kepada peneroka bandar di kampung tersebut, peneroka bandar dihalau keluar, rakyat dihalau keluar tetapi 150 unit rumah ini diserahkan kepada Wakil Rakyat UMNO untuk menentukan siapa yang patut ditawarkan rumah tersebut. Dan sudah tentulah tawaran diberikan kepada kroni-kroni ADUN pada ketika itu, di mana daripada 150 unit Tuan Pengerusi, 139 tawaran yang dikeluarkan tidak mengisi borang permohonan yang telah ditetapkan iaitu borang SPP 01. Sedangkan ini adalah prosedur penting dalam memohon rumah kos rendah supaya setiap unit hanya berhak diserahkan kepada orang yang berhak mendapat. Tetapi pentadbiran yang lalu, dengan kerjasama Menteri Besar yang lalu 139 dianugerahkan kepada kroni –kroni ADUN yang lalu. Apa tindakan kita? Apakah sukar sangat bagi kerajaan Pakatan Rakyat bagi pihak MPAJ, bagi pihak anak syarikat, mandat telah diberikan Dato' Menteri Besar gunakan mandat ini sebaik mungkin dan seadil mungkin, ambil semula semua unit-unit daripada UMNO ini dan serahkan segera kepada penduduk dan peneroka bandar di Kampung Berembang tersebut kerana mereka berkhemah sampai hari ini Tuan Pengerusi. Yang keduanya...ketiga dah.. yang ketiga yang terakhir. Speaker di depan bukan di sebelah kanan. Ini juga masalah perumahan Dato' Menteri Besar, di mana sekali lagi rakyat Selangor meletakkan harapan tinggi kepada Dato' Menteri Besar yang gagah, yang perkasa, yang hebat, yang berjiwa rakyat, nak tolong rakyat, nak merakyatkan ekonomi Selangor, sekali lagi penglibatan institusi Menteri Besar ini yang lalu, sebuah kawasan perumahan pembangunan di Casa Gemilang, Sungai Pusu, Gombak. Sudah 3 tahun pengerusi, projek ini terbengkalai. Rakyat Selangor yang membeli setiap unit rumah di sana, 3 tahun membayar pinjaman kepada bank, dengan *interest* yang tinggi, setiap bulan bayaran dibayar ke bank tetapi projek terbengkalai. Projek ini dimajukan oleh CAPITAL LAND, setelah saya rujuk perkara ini kepada Majlis Perbandaran Selayang, laporan awal yang saya terima Dato' Menteri Besar mengatakan tidak ada masalah dengan projek yang diusahakan oleh CAPITAL LAND ini. Tidak terlibat *slope* atau cerun, tidak terlibat hakisan tanah, tidak ada masalah teknikal, masalahnya satu saja, laporan awal yang saya terima kerana pihak pentadbiran MPS menerima arahan daripada Dato' Menteri Besar pada ketika itu 3 tahun yang lalu hentikan projek ini serta-merta kerana beliau tidak bersetuju CAPITAL LAND atas masalah peribadi.

Rakyat Selangor menderita, sudah melebihi 3 tahun bayar hutang kepada bank tetapi rumah tidak disiapkan. Saya nak merayu sekali lagi kepada Dato' Menteri Besar ketepikan masalah politik, kita tunjukkan contoh teladan yang baik, amanah telah

diberikan oleh rakyat, gunakan amanah dan mandat ini untuk membantu rakyat tetapi saya rayu dapat disegerakan masalah perumahan ini supaya MTES dapat keluarkan arahan segera kepada MPS supaya projek ini dapat diteruskan dan rakyat di kawasan itu, pembeli-pembelinya dapat menikmati rumah tersebut dalam kadar yang segera. Cuma Tuan Pengerusi saya berharap kita harus meletakkan satu tempoh yang sewajar dan seadilnya kepada pemaju tersebut sebab kalau tidak diletakkan tempoh projek ini akan terus terbengkalai dan hanyut begitu saja dan menimbulkan banyak masalah kepada pembeli-pembeli rumah di Casa Gemilang Sungai Pusu Gombak. Jadi Tuan Pengerusi saya berharap dengan 1 peruntukan yang besar maka institusi Menteri Besar dapat menunjukkan contoh teladan yang cukup baik kepada rakyat dan dapat dicontohi oleh semua pegawai-pegawai disemua peringkat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN PENERUSI : Morib.

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan usahawan, kerajaan negeri berhasrat melaksanakan beberapa program, antaranya membina....

TUAN PENERUSI : Mana, di bawah, vot mana ni..

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Di bawah P01 Menteri Besar dan SUK.

TUAN PENERUSI : Ya, mana.

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : 11001. Dan.. 11000, Pembangunan usahawan. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan yang diberikan sebanyak RM3.3 juta, yang mana kita melihat 11002, Industri dan Sederhana hanya RM500 ribu. Tapi, dan juga

TUAN PENERUSI : Ini muka surat mana ni yang terhormat?

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Muka surat 121.

TUAN PENERUSI : 121?

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Program Latihan Usahawan dan Penyelidikan yang hanya disediakan sebanyak RM100 ribu.

TUAN PENERUSI : Baik, terima kasih.

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Jadi keadaan ini, amat mendukacitakanlah.

TUAN PENERUSI : Yang Berhormat, silap tu, itu di bawah Pembangunan , jadi kena tunggu lagi 2 hari.

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Sekarang kita berada di B.

Y.B TUAN HASIMAN BIN SIDOM : Ya, terima kasih.

TUAN PENERUSI : Bangi.

Y. B TUAN DR. SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Bangi bangun bercakap.

TUAN Pengerusi : Sekarang kita berada di peringkat Jawatankuasa jadi Pengerusi.

Y. B TUAN DR. SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Tuan Pengerusi, Bangi bercakap tentang Jadual B1 Menteri Besar halaman 108 ya. Dan ingin mengaitkan dengan beberapa peruntukan yang lain..

TUAN Pengerusi : Di bawah mana ni, Bangi?

Y. B TUAN DR. SHAFIEE BIN ABU BAKAR : B01 Menteri Besar halaman 108.

TUAN Pengerusi : Ya, muka surat mana tu?

Y. B TUAN DR SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Muka surat 108.

TUAN Pengerusi : Ya.

Y. B TUAN DR. SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Muka surat 108.

TUAN Pengerusi : 108, di bawah kod?

Y. B TUAN DR SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Kod, P. Butiran 5001, Muka surat 107, 505000 Kod 11 000.

TUAN Pengerusi : Ya, berapa tu? Kod mana?

Y. B TUAN DR SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Kod.. 11 000.

TUAN Pengerusi : 11 000? Gaji dan upahan?

Y. B TUAN DR SHAFIEE BIN ABU BAKAR : Saya nak sentuh bahawa kita sekarang berada pada tahap kedua dari segi apa ni perjuangan kita untuk menegakkan dasar Pakatan Rakyat ni, kita telah melalui tahap pertama iaitu tahap politik, kita telah berjaya dari segi menguasai kerajaan negeri ya. Sekarang kita berada pada tahap kedua iaitu menjalankan polisi-polisi yang termasuk daripadanya peruntukan bajet yang kita telah bentangkan. Tahap ini adalah paling penting bagi kita untuk menunjukkan kejayaan kita kepada masyarakat, di atas bahu, terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kakitangannya lah yang apa dia ni akan menerajui kejayaan, kepimpinan negeri ini atau sebaliknya. Manakala kita adalah merupakan ertinya pendukung-pendukung kepada polisi ini. Kalau kita lihat dari segi pentadbiran ini, adalah sebenarnya mengambil sebahagian besar dari segala peruntukan iaitu dari 20 dari 29. Ini adalah melibatkan persoalan pentadbiran ya. So, kalau kita tidak dapat mengatur pentadbiran secara baik, maka barangkali kita tidak dapat menunjukkan kecemerlangan kita dari segi pentadbiran. Kita telah mengatur setakat ini dari segi pentadbiran daripada peringkat atasnya dari segi Menteri Besar membawa kepada jalur sebelah kiri yang saya sifatkan ia seperti itu melalui Pejabat Daerah, melalui penghulu, ketua kampung sehinggalah kepada rakyat jelata. Pada 1 pihak yang lain jalur sebelah kanan ialah

melalui Majlis Perbandaran ya, Majlis Perbandaran Daerah membawa kepada ahli-ahli jawatankuasa majlis itu sendiri, kemudian jawatan JKK nya, membawalah rakyat dalam mana kita sebagai wakil rakyat menjadi, apa ni, titik tengah yang mempunyai jaringan pada semua pihaknya. Sekiranya, pentadbiran yang ditadbirkan oleh pihak puncak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tidak menjalankan ataupun tidak mampu menjalankan pentadbiran secara cemerlang yang didukung oleh apa ni, EXCO-EXCONya yang melibatkan sebanyak 14 pecahan EXCO itu maka ertinya barangkali kita tidak dapat menunjukkan kecemerlangan yang terbaik. Kita telah dapat melihat ada kritik-kritik tadi tentang pentadbiran daripada peringkat atas barangkali kita boleh kita katakan ini kita dalam masa enam bulan tetapi kalau hingga peringkat ini kita tidak dapat memperlihatkan kecemerlangan tetapi yang memperlihatkan kecelaruan umpamanya kita dapat melibat betapa beberapa pembentangan kita tak sebutlah memperlihatkan kecelaruan ke tidak sempurna dari segi persediaan, persembahan yang agak kucar kacir, tidak teratur, kita tidak dapat melihat apa rangka pendekatan visi dan misi, inti kandungan yang nak disampaikan atau dijalankan dalam pemerintahan. Maka kalau peringkat pentadbiran dah bercelaru barangkali makin bawah makin bercelaru. Kita melihat umpamanya *experiment* yang saya katakan dari segi pentadbiran pada peringkat MPKJ Majlis Perbandaran saya terbawa MPKJ kat Kajang... dari segi *experiment* kita sekat umpamanya wakil rakyat daripada berada dalam jawatankuasa pada hal peringkat itu paling utama itu *nerve* itu ertinya kita punya saraf kita dari segi hubungan dengan rakyat, dengan pihak ke atas ertinya itu kita sekat, kita tidak masuk, bererti kita tidak melibatkan dia dalam majlis perbandaran itu seolah-olah kita putus dari segi maklumat pembangunan yang nak dilakukan di dalam sesuatu daerah dalam mana kita adalah wakil rakyat di tempat itu. Kita berada terkapai-kapai di antara polisi itu antara kita nak sampaikan kepada rakyat kita terputus dari segi saluran itu. Saya berbincang dengan kawan-kawan saya dan kebanyakannya bersetuju polisi yang kita ambil secara *experiment* ini adalah tidak betul, merugikan kita. Kalau kita nak sekat daripada terlibat dalam rasuah dan sebagainya bukan cara sedemikian ye ada cara yang lain yang lebih kita pentingkan dari segi pentadbiran itu sendiri yang mana kita nak libatkan dan kita nak tahu tentang perancangan-perancangan dan ini kita akan aktifkan daripada pihak pentadbiran itu sendiri membawa kepada peringkat rakyat.

Kalau kita perbaiki umpamanya pada peringkat Ketua Kampung sahaja ataupun pada pihak Ahli Majlis Perbandaran sahaja kemudian kepada JKK, tetapi kita tidak dapat sampai kepada peringkat yang paling penting ini merupakan suatu yang menjadi kekurangan kepada kita. Macam saya katakan juga daripada peringkat

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Dr. Shafie Bin Abu Bakar : Ya.

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat, dalam peringkat jawatankuasa saya minta lebih khusus pada topik... yang ini satu

Y.B. Tuan Dr. Shafie Bin Abu Bakar : Ya.

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat yang pertamanya kena lebih khusus yang keduanya isu ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat masa perbahasan dasar. Kalau mengikut peraturan satu perkara yang telah pun dibangkitkan tidak harus dibangkitkan dalam sidang yang sama. Jadi saya berharap

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya sebagai

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat kita kena tengok masa tak berguna kalau kita berulang-ulang kalau perkara itu sudah dijawab. Kalau ulang sepuluh kali pun kalau kerajaan dah buat keputusan, itulah keputusannya....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya pergi kepada

TUAN Pengerusi : Jadi dengar dulu Yang Berhormat kita kena pastikan masa yang kita terhad di sini

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya

TUAN Pengerusi : Saya belum habiskan Yang Berhormat. Apabila masa ini terhad jadi lebih baik kita mempergunakan dengan sebaik-baiknya bukan mengulang-ulang perkara yang telah pun disebut ataupun sudah dijawab. Jadi ini adalah untuk manfaat semua pihak termasuk Yang Berhormat sendiri. Ya saya minta lebih khusus sedikit ya.....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ya, saya pergi kepada kesimpulan pada tahap ketiga nanti ertinya dari segi pentadbiran terutama yang dikepalai oleh pihak yang paling atas, Yang Amat Berhormat kita harap, insya-Allahlah dia akan dapat diurus dengan baik supaya pada tahap ketiga dalam mana masyarakat kelak akan menilai dari segi kemampuan kita dan ini memberi hasil akan datang sama ada kita dianggap berjaya ataupun mungkin tidak berjaya. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Terima kasih. Pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, mengenai pemerhatian Sekinchan tentang memperluaskan ataupun menyelesaikan lagi tempat EXCO. Buat masa ini untuk tujuh (7) bulan ini kita belum ada program pembangunan. Maknanya, kita masih lagi menggunakan apa yang ada sekarang. Boleh jadi kita mohon sebab kita ada belanjawan mengenai dari apa tu daripada peruntukan untuk dari JKR, Jabatan Kerja Raya dan boleh kita lihat itu satu.

Kedua, mengenai gambar-gambar semua, boleh jadi itu cadangan yang baik kita akan *print* satu gambar yang besar untuk semua termasuk juga Tuan Speaker dan ahli-ahli daripada ... kalau tidak sebab jangan takut kita gunakan duit cukai jadi kita boleh kongsi bersama..... jangan rasa sedih nanti kalau saya suruh dia pilihkan susah juga.(ketawa).

Kedua mengenai Kampung Tunku, saya ingat satu penelitian yang kita perlu terima. Kedua untuk kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan mereka perlu mengikuti Kursus Biro Tatanegara. Jadi oleh sebab itu saya akan berbincang dengan Ketua Setiausaha Perkhidmatan Awam tentang berapa penelitian sebab kalau tidak dia tidak dapat pengesahan pangkat tapi kita akan berbincang dan cuba mengetahui semua ini dan saya difahamkan dia terbuka kepada semua bangsa jadi itu tidak terikat. Tapi yang kita perlu ambil perhatian ialah modul-modul yang diajar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Pengerusi minta penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar bercadang untuk menulis kepada Ketua Jabatan

Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan maklumat-maklumat terperinci termasuk modulnya, pensyarah dia, isi kandungan dia sebab apa yang jadi masalah sekarang ialah modul itu merupakan sesuatu yang rahsia. Pelatih-pelatih tidak boleh membawa keluar modul, isi kandungan keluar daripada kem. Jadi apa yang kita kata ini sebenarnya tiada apa-apa yang konkrit tapi kalau boleh kita ada itu, kita boleh tegur Ketua Jabatan Perkhidmatan Awam.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kampung Tunku, beberapa tahun yang lalu, begitu lama juga, saya pernah berkursus di Biro Tatanegara, jadi saya tak nak pada masa tersebut saya tidak nampak keadaan begini tetapi saya mahu usahakan supaya kita dapat dan merujuk Selat Klang yang menegnalkan modul *SPIES* beliau

TUAN Pengerusi : Yang Amat Berhormat, Taman Templer.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker saya saja nak tanya pada Yang Amat Berhormat. Tuan Pengerusi ... kali pertama. Adakah masa Yang Amat Berhormat mengikuti kursus Biro Tatanegara sebelum bertanding Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor.

TUAN Pengerusi : Itu tidak

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu tiada kaitan....saya hendak terangkan

TUAN Pengerusi : Yang Amat Berhormat, Damansara

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ... Damansara ...

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Saya nak tanya berkenaan dengan itu peluang-peluang untuk kakitangan untuk naik taraf. Saya nak tanya itu sebahagian daripada ahli kakitangan di pejabat adalah dalam peringkat kontrak. Saya kedengaran moral mereka kadangkala ada kurang sikit dan saya nak tanya macam mana cara untuk mereka memasuki daripada bahagian kontrak ke jawatan tetap. Apakah caranya dan nombor dua, kakitangan yang kontrak ini mereka dapatkah peluang ini untuk menyertai kursus-kursus itu.

TUAN Pengerusi : Yang ini juga tidak berkaitan dalam perbincangan tadi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya teruskan untuk mengambil tindak balas daripada Kampung Tunku yang mencadangkan supaya kakitangan mengetahui beberapa bahasa, satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, sekarang kita hendak mengkaji cadangan membayar RM300.00 elaun sebulan kepada mereka yang boleh menuturkan bahasa-bahasa selain Bahasa Ibunda, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kita nak mencuba perkara ini dan kita harap kalau ini berlaku perkara ini dapat mempertingkatkan lagi kecekapan...

Walaupun bagaimanapun, saya fikir yang penting untuk Kampung Tunku ialah lebih baik kita kuatkan SS *Selangor State Investment Corporation* (SSIC). SSIC yang perlu kita adakan ramai pegawai yang mempunyai keupayaan pelbagai bahasa. Kalau kita hantar mereka ataupun berjumpa mereka dapat lebih aktif. Juga daripada Bahagian Pelancongan, yang elaun ini boleh kita sampaikan kepada mereka ini.

Hulu Kelang ... berapa? Kita perlu dengan NGO, dan saya mahu ambil kira secara menyeluruh sebab kita tidak boleh ada bajet yang terperinci. Buat masa ini kita mengenal pasti. Jadi kalau kita buat bajet terperinci kita tak tahu. Sebab pengalaman saya dalam tujuh (7) bulan ini terlalu banyak permohonan daripada permintaan, dan saya tak tahu mana yang boleh dilakukan, mana yang tidak. Jadi kita perlu mengambil masa satu tahun ini untuk menilai dan suku tahun hadapan baru kita buat satu rangka bagi menentukan berapa banyak dan berapa sasaran yang kita nak lakukan. Jadi .. tetapi kita terima cadangan Klang dan untuk ISA, bajet itu sudah kita bincang dengan Batu Tiga yang menjaga tentang kebajikan. Semuanya sudah dilakukan tetapi sudah juga dimasukkan dalam bajet dan kita tidak mahu hebahkan sangat kerana nanti lagi ramai masuk ISA susah juga kita.....

Bukit Antarabangsa.. kita terima hakikat Bukit Antarabangsa untuk mengemas kini dan memperkasa Pejabat Menteri Besar dan saya minta diberi masa supaya kita dapat beritahu KPI setiap Menteri Besar dan semua Ahli EXCO. Kalau itu tahu esok barulah tetapi ini Bukit Antarabangsa kena beri masa sebab kalau masuk dalam satu-satu jabatan bahagian ada kalanya perlu membahagi masa. Selepas itu mereka barulah tahu terdapatnya banyak *complexity*nya. Maknanya, kalau menjaga saluran air sahaja bukan tahu tentang air tetapi kena tahu undang-undang. Banyaklah perkara yang mereka perlu tahu. Saya percaya Ahli-Ahli EXCO dengan saya boleh bekerja kuat dan cepat untuk menunjukkan kita boleh *perform* dalam usaha ini.

Kampung Berembang... saya dan Yang Berhormat dari Cempaka mempunyai *target* dalam satu bulan ini dan kita sudah berbincang kita hendak selesaikan perkara ini. Oleh itu, saya tak mahu cerita di sini. Apabila kita hendak selesaikan baru kita cerita. Jadi banyak perkara yang kita selesai dahulu. Kalau selesai baru Bukit Antarabangsa mengucapkan terima kasih. Kalau tidak, tidak perlu (ketawa).

Saya bersimpati terhadap soalan Morib tentang kekurangan walaupun tidak termasuk dalam bahagian ini kadang *allocation* ataupun peruntukan itu kita tidak boleh tunjukkan peruntukan yang besar sehingga kita tahu berapa. Seterusnya, untuk pengetahuan Morib peruntukan sangat besar dibuat dalam belanjawan Persekutuan. Sangat besar dan ada kalanya pengagihan itu tidak betul. Oleh itu, peruntukan yang dikhaskan untuk melatih usahawan-usahawan: bagaimana dia boleh mendapat sokongan daripada Kementerian, daripada bank. Maknanya, kita menyediakan tempat di situ. Tak perlu kita beri peruntukan. Masalah terbesar yang saya dapati mereka tidak tahu nak ke mana dan bagaimana hendak melakukannya. Bangi saya terima untuk pentadbiran mestilah ada sistem tetapi buat masa ini kita mula menilai cara sebab kita menilai perkara yang Pandamaran ingin mencuba dan saya simpati kepada dia supaya konsep *transparency accountability* itu diterjemahkan. Jadi kita baru uji, tak sampai dua bulan konsep itu tetapi kalau sampai enam bulan kita dapati terdapat tidak kecekapan kita boleh menarik satu sistem yang kita buat dua bulan, kita tarik.

Jadi kita menghadapi masalah yang tersebut. Saya simpati, dan saya simpati terhadap kekurangan. Jadi, kita buat enam bulan kita panggil semua ahli Majlis dan kita berbincang mengenai cara pelaksanaan ini boleh dihalusi lagi. Kalau tidak kita tidak boleh tetapi tujuannya dari segi konsepnya *separation* orang yang membahagi tender itu apa yang dikatakan *very manual life*. Bermakna, dia tidak boleh tak ada peluang. Untuk mereka nak berubah mesti ada buku peraturan. Gunakan buku peraturan buat semua ikut peraturan tak boleh keluar daripada peraturan. Maknanya, dalam Bahasa Inggerisnya *very robotic*. Jadi itu sebab kita tidak hendak Ahli-Ahli Majlis kita daripada

kumpulan ini berasaskan apa pula cara begitu. Itu caranya serupa macam Perbendaharaan. Di sana pun mereka buat *very robotic*. Kemudian, tujuan Ahli-ahli Majlis lain untuk menyemak ini supaya sama ada dia boleh kita guna atau tidak. Boleh jadi kita tidak boleh guna dan kita hendak menerima cadangan Bangi untuk kita kaji semula. Dan daripada segi *work system* itu saya hendak uruskan dan ada satu kajian antarabangsa yang datang ke Pejabat Menteri Besar dan di Negeri Selangor, iaitu suatu pertubuhan *accountability* International yang memberi kita khidmat dan tidak perlu kita bayar tetapi dia nak uji negeri Selangor daripada segi keupayaan dan seterusnya termasuk menguji Menteri Besar. Sama ada boleh *deliver* atau tidak. Jadi lepas itu kita beritahu kepada dewan bagaimana penyelidikan ini dilaksanakan. Tujuannya, supaya kita bergerak dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B1, iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia RM36,84778. Untuk kepada B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B2 pelbagai perkhidmatan RM20 juta.

TUAN Pengerusi : Jadual B2 iaitu wang sejumlah RM20 juta untuk kepada B2 pelbagai perkhidmatan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B3 Dewan Undangan RM12,763,567.

TUAN Pengerusi : Jadual 3. Sekinchan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM : Tuan Pengerusi Sekinchan ingin menarik perhatian dalam perbahasan dalam jadual B3 Dewan Undangan Negeri Selangor butiran Muka surat 144, butiran 505000 kod 11,000 gaji dan upahan. Tuan Pengerusi dalam kita memperuntukkan jumlah RM12,763.567 ini untuk peruntukan Dewan Undangan Negeri ini saya dapati beberapa perkara perlu dikemas kini dipertingkatkan sebagai contoh jawapan soalan dewan pertanyaan mulut dan pertanyaan bertulis daripada Ahli-ahli Yang Berhormat patut diberi diuruskan dengan lebih sistematik di mana pengendalian soalan itu dihantar maklumat daripada soalan itu mestilah lebih cepat sikit sekarang kita tunggu masa yang agak lama untuk memperoleh jawapan. Ini satu.

Yang keduanya sekarang dalam sidang dewan yang lepas penyata rasmi yang mengguna CD ROM ini satu tahniah ini satu pembaharuan tetapi kalau saya nampak boleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak minta juga pada masa yang sama ada permintaan khas buku penyata sama ada boleh disalurkan ataupun tidak. Cuma saya hendak bahas perkara ini dan seterusnya dalam bab kakitangan-kakitangan dewan ini, yang bekerja bertungkus-lumus untuk mengendalikan Dewan ini macam Bentara Dewan, kakitangan Dewan mereka masih dalam paras garis kemiskinan. RM1500 bawah daripada itu. Ya. Jadi saya minta kalau boleh kita juga perlu ambil inisiatif untuk tambah supaya mereka boleh bekerja dengan lebih baik dan menampung memperbaiki kehidupan kerana kos saraan hidup yang tinggi. Di samping itu juga mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih kepada Dewan ini. Ini sahaja yang saya hendak sampaikan. Terima kasih.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Tuan Pengerusi

TUAN Pengerusi : Ya Kampung Tunku.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh muka surat 144 B03 Dewan Undangan Negeri Selangor butiran 5000 kod 12,000 elaun tetap terutama sekali suka mengisytiharkan saya juga merupakan ADUN dan juga Ahli Jawatankuasa di dewan ini dan saya lihat dewan ini menjadi semakin aktif bila kita membahaskan banyak isu berkaitan dengan Negeri Selangor kadang-kadang kita membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Persekutuan dan seluruh Malaysia. Dan standard yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Dewan saya boleh kira kalau tidak melebihi apa yang ditunjukkan di Dewan Rakyat sekurang-kurangnya kita setanding dengan mereka. Persidangan Dewan ini saya akan jangkakan menghadiri banyak mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas, jawatankuasa-jawatankuasa SELCAT, PAC. Kadang kala Jawatankuasa ini menyebabkan lawatan dan siasatan ke tempat-tempat tertentu jadi perbelanjaannya akan bertambah. Saya sebenarnya melihat buku ini out put yang di terangkan seperti di muka surat 142, 143, sama ada betul atau pun tidak atau pun dia kekal sahaja tak ada perubahan besar saya rasa mungkin dari sini kita kena fikir sedikit kalau kita hendak kekalkan apa yang kita ada sekarang ini. Saya rasa *next year* kita akan *over budget*. Kita tak ada *supple budget* lagi. Jadi apa yang saya ingin pesankan kepada kerajaan kod 11,000 gaji dan upahan, tadi Yang Berhormat Sekinchan menyebutkan tentang jawapan-jawapan bertulis saya sentuh sedikit sahaja.

Saya ingin bertanya memandangkan sekarang ini sebenarnya soalan-soalan pertanyaan kita ini jawapan sebenarnya telah disediakan sebelum persidangan bermula. Bolehkah selepas mesyuarat kita persidangan pada kali ini jawapan itu terus diberi ataupun dikirim kepada kami dalam masa seminggu. Tidak seperti sekarang ini kita menerima jawapan ini dalam masa dua bulan. Ada kalanya jawapan itu masih belum diterima jawapan. Saya ada tiga kalau saya tidak silap. Soalan yang tidak ada jawapan lagi. Dan saya juga ingin bertanya tentang video kita sekarang ini kita ada yang mana orang luar dunia boleh melihat melalui *video streaming*. Bolehkah kita juga untuk mendapat satu naskhah video dalam bentuk CD. Saya telah meminta daripada dewan tetapi sehingga sekarang masih lagi belum dibekalkan. Hakikatnya kalau saya memerlukan video ini untuk simpanan peribadi saya sendiri saya perlu *down load* dan ianya dalam beberapa fail, saiznya cukup besar, saiznya 100 megabait nak *down load* kena pakai masa lebih daripada 1 jam. Jadi itu adalah sesuatu yang saya rasa boleh dibekalkan dalam bentuk CD kepada semua ADUN. Jadi itulah antara yang saya rasa ingin cadangkan kepada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Hulu Kelang.

Y.B TUAN HAJI SAARI BN SUNGIB : Tuan Pengerusi terima kasih. Saya merujuk kepada muka surat 44 kod 27000 dan 29000 berkaitan dengan bahan-bahan rujukan dalam perpustakaan. Saya kira bahan-bahan yang diperlukan oleh wakil-wakil rakyat kita ADUN perlu dikemas kini bahan-bahan bacaan, bahan-bahan CD, Video dan sebagainya

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat perpustakaan bukan di bawah Pengurusan Dewan. Jadi itu di bawah Menteri Besar.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bukan ya.

TUAN Pengerusi : Ya, bukan.

Y.B Tuan Haji Saari Bin Sungib : Terima kasih.

Y.B Puan Lee Ying Ha : Yang Berhormat.

TUAN Pengerusi : Bukit Antarabangsa.

Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali : Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja saya hendak ucapkan tahniah kepada pentadbiran Dewan Undangan yang membenarkan Wakil-wakil Rakyat sekarang ada *access* kepada Internet kalau sesi dulu tak dapat. Kerana saya kata ini penting.

TUAN Pengerusi : Itu Speaker yang bagi.

Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau Speaker dulu tak dapat. Saya kira ini penting kerana ianya dapat membantu kualiti perbahasan kita sementara kita dapat meneliti ucapan Menteri Besar, dan EXCO saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat dapat *access* kepada web site ataupun buat *research* supaya kualiti perbahasan itu lebih baik. Cuma saya hendak minta satu dengan peruntukan yang begitu besar saya hendak minta satu sahaja kalau boleh benarkan kita bermain dengan SMS tuan pengerusi. Sekarang dia blok waktu *lunch* sahaja dibenarkan. Saya faham alasan yang diberikan oleh EXCO kita tak fokus dok main SMS. Tetapi bukan main SMS dengan orang-orang tertentu. Ini sebagai contoh kalau kita gunakan *black berry*, ianya dapat di *access* pada banyak maklumat untuk membantu kualiti perbahasan di Dewan Undangan Negeri. Tetapi sekarang kena blok tuan pengerusi jadi kalau bolehlah. Pukul 1.00 baru dia buka sampai 2.30. lepas itu dia blok balik. Jadi bila rakyat hendak hubungi saya, saya terpaksa keluar jauh ke blok satu lagi baru dapat *access*.

TUAN Pengerusi : Macam mana Yang Berhormat nak berhubung.

Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali : Sebab sekarang ini rakyat Selangor dapat melihat perbahasan secara langsung *live* sudah tentu bila dia tengok wakil rakyat berbahas dia hendak beri input tambahan. Sebab rakyat Selangor canggih sekarang Tuan pengerusi. Jadi itulah saya hendak minta kalau boleh Tuan Pengerusi dapat bersetuju supaya benarkan kita ada *access* kepada telefon.

TUAN Pengerusi : Tapi dia dah canggih pakai SMS *e-mail*, dah benar *e-mail* pakailah *e-mail* kita dah beri elaun untuk komputer. Jadi dah bagi komputer *e-mail* boleh pakai nak pula minta naskhah cetak. Itu susahlah. Jadi kalau nak

Y.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali : Saya ada *lap top* tapi kadang-kadang rakyat tak ada *access to Internet*. Dia ada *hand phone* sahaja.

TUAN Pengerusi : Itu tak canggihlah maksudnya.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya. Di Gombak bukan semuanya canggih. Tuan Speaker.

TUAN Pengerusi : Tapi dia dah tengok Internet. Dah tengok Internet boleh pakai *e-mail*.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya Tuan pengerusi.

TUAN Pengerusi : Saya tanya sebab ada *inconsistency* dalam hujah. Tak apa. Teruskan.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya betul. Internet ada. Tapi untuk rakyat menghubungi wakil rakyat yang sedang berbahas tidak ada Internet kita ada dia tidak ada.

TUAN Pengerusi : Apa yang dia tengok, dia tengok Internet.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Dia tengok Internet betul.

TUAN Pengerusi : Pakai *email* terus. Lagi senang.

Y.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Kalau yang tengok tapi kalau ada maklumat tambahan yang boleh disalurkan melalui SMS itu juga dapat membantu. Cuma saya beri pengakuan, kita guna *silence mood*. Tak bising. Tak ganggu persidangan. Kalau dipersetujui. Kalau tak dipersetujui tak apa. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Batu Caves. Batu Caves.

Y.B TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI : Terima kasih Pengerusi. Pengerusi. Saya ingin menarik perkara muka surat 144 perkara 505000 gaji dan upahan. Tuan Pengerusi dan Ahli Dewan kita lihat dalam perbahasaan sebagaimana yang disebut pembahas sebelum ini ada wujudnya kualiti dalam persembahan dan pembentangan oleh Ahli-ahli Dewan. Pun begitu saya lihat ada juga kekurangan-kekurangan apabila masih ada wujudnya kesalahan-kesalahan fakta yang dibangkitkan Sg. Panjang menyebut syarikat-syarikat yang tidak wujud dan sebagainya. Dan kita tidak mahu hal ini terdedah kepada kesalahan-kesalahan yang boleh menghina kemuliaan dan martabat Dewan. Justeru saya ingin mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya memikirkan untuk mewujudkan satu *research unit* yang *available* atau pun boleh di akses atau pun didapati oleh semua Ahli Dewan tak kira pembangkang atau pun Kerajaan. Ini bukan hal baru dan hal ini juga telah saya rasa ada di Parlimen dan walaupun kita ada akses pada internet namun ada beberapa-beberapa perkara yang agak terperinci yang *detail* yang perlu kita dapatkan dari segi *number* dan sebagainya selain kita martabatkan keadaan Dewan menghasilkan satu perbahasaan yang berkualiti dan perbahasaan yang lebih mampu memberikan input-input yang baik kepada Kerajaan. Terima kasih Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 144 Butiran 505000 Kod 11000 Gaji dan Upahan. Saya ingin nak lanjutkan sikit perbahasaan yang cadangan yang dibentangkan oleh Sekinchan tadi dengan juga

mencadangkan supaya menggaji Elaun ADUN dan Elaun Mesyuarat dan ADUN yang ada sekarang. Memandangkan Elaun Mesyuarat ADUN hanya RM 75.00 sehari sahaja. Ianya lagi rendah daripada Ahli Majlis di setiap Perbandaran yang mana mereka mendapat RM 100.00 untuk biasanya Mesyuarat untuk setengah hari sahaja. Memandangkan kita ADUN sini bukan sahaja satu hari tapi tambahlah masa seperti contohnya sesi yang lepas pada bulan Jun kalau tak silap sesi ini disambung sampai pukul 10.00 malam.

TUAN Pengerusi : Nak minta OT.

Y.B. Puan Lee Ying Ha : Apa?

TUAN Pengerusi : Nak minta OT.

Y.B. Puan Lee Ying Ha : OT boleh ditimbang rasa harap tetapi berbanding dengan Ahli Parlimen adakah RM 500.00, RM 200.00 elaun satu hari. Saya nampaknya kualiti ADUN-ADUN kita pun tak begitu teruk tetapi sepatutnya dikaji semula dengan semua elaun yang setia ada dan juga memandangkan inflasi sekarang yang sedia ada adalah 8% ke atas. Kalau elaun tidak dikaji semula itu maksudnya telah bahasa inggeris dengan izinnya *depreciation* dulunya elaun mungkin boleh beli 10 barang sekarang elaun yang sama ada mungkin boleh beli 8 barang atau kurang jadi haraplah oleh cadangan saya boleh ditimbang rasa memandangkan begitu rajinnya kita punyai ADUN-ADUN di sini termasuk sebahagian pembangkang di sana. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi : Ya, pihak Kerajaan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tuan Pengerusi, cadangan Sekinchan untuk mengkaji semula gaji, perkara ini kita kena teliti dengan cermat kerana gaji melibatkan gaji seluruh negara. Ramai pegawai kita ada hubungannya dengan gaji yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Satu perkara negeri Selangor boleh melakukannya hanya dengan memberi elaun tambahan, tetapi tidak boleh gaji, disebabkan ada beberapa perkara yang boleh kita lakukan. Walau bagaimanapun, saya juga perlu memikirkan perkara ini sebab daripada segi jumlah kewangan kita, kita belum berapa kukuh lagi. Sebab kita mesti berjaga-jaga dalam masa tiga atau enam bulan yang mendatang. Kita harap kita dapat dielakkan krisis kewangan dunia, tetapi kalau tidak kita pasti mengalami perkara ini. Sebab itu, saya fikir perlu kita perhatikan tentang perkara ini, samalah juga daripada segi elaun saya fikir kita boleh bawa kepada EXCO untuk memberi jumlah yang hampir sama dengan semua Mesyuarat yang berlaku itu boleh kita timbangkan.

Saya setuju pandangan Batu Caves daripada segi menyediakan beberapa pegawai sebagai Pegawai Penyelidikan di dalam Dewan. Kalau dipersetujui oleh Speaker kita boleh tambahkan belanjawannya sebab apabila saya baca setengah daripada jawapan kita jadi maknanya mereka perlu membuat kajian. Saya tidak mengatakan tidak betul kadang-kadang saya sendiri terasa, saya belum cukup maklumat lagi sebab kita bandingkan dengan jawapan yang diberi dalam Parlimen. Saya beranggapan mereka lebih dengan penuh dengan maklumat. Sepatutnya, semua jawapan ini sudah dijawab. Oleh itu, sebelum Ahli Dewan balik ke kawasan-kawasannya semua jawapan itu sudah boleh diberi macam di Dewan Undangan Negeri esoknya semua soalan yang tidak dijawab pun sudah siap selia. Tetapi, tidak semestinya jawapan itu kita setuju sudah terjawab. Maknanya, Hulu Klang saya setuju kalau di Parlimen kita dibenarkan tetapi

daripada segi tatatertib kita mesti membuatnya *silent mode* kalau tidak Tuan Speaker meminta dikeluarkan daripada Dewan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja. Tetapi saya berharap masalah gaji, dan saya tidak lari daripada konsep gaji yang bersesuaian. Sebaliknya, saya harap produktiviti pun mesti setimpal. Oleh itu, tidak gaji sahaja tetapi produktiviti mesti ada. Barulah kita dapat bersama bekerjasama beberapa perkara yang kita hendak bincangkan. Sudah tentu Kota Damansara mahu protes jika saya tidak memikirkan tentang kenaikan gaji tetapi saya ingat kita berhati-hati sebab kita hendak tunjukkan kepada masyarakat kita bukan sahaja dibayar gaji tetapi kita memberi sumbangan yang setimpal dengan gaji yang kita terima. Saya tidak mengatakan pegawai-pegawai kita ini tidak bekerja kuat tetapi kalau diikuti kira ramainya dan jumlah keluarannya kita boleh meningkatkan lagi. Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Jadual B. 3 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Belas Juta, Tujuh Ratus Enam Puluh Tiga Ribu, Lima Ratus Enam Puluh Tujuh (RM12,763,567.00) untuk Kepala B.3 Dewan Undangan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 4 – Perbendaharaan Negeri, Ringgit Malaysia Sebelas Juta, Enam Ratus Enam Puluh Enam Ribu, Tiga Ratus Empat Puluh Tujuh (RM11,666,347.00).

TUAN PENERUSI : Jadual B. 4 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Sebelas Juta, Enam Ratus Enam Puluh Enam Ribu, Tiga Ratus Empat Puluh Tujuh (RM11,666,347.00) untuk Kepala B. 4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 5 –Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun, Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta (RM30,000,000.00).

TUAN PENERUSI : Jadual B. 5 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta (RM30,000,000.00) untuk Kepala B. 5 Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sepuluh Juta, Enam Ratus Ribu (RM710,600,000.00).

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Pengerusi.

TUAN PENERUSI : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, muka surat 172 B.06 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Butiran 509000 Kod 42000 Pemberian Dalam Negeri.

TUAN PENERUSI : Muka surat 172.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pertama sekali saya ingin meminta maklumat terperinci tentang peruntukan RM705,000,000 bentuk dalam jawapan bertulis. Ini adalah satu daripada ...

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat, ini akan dibahaskan masa Usul Pembangunan di situ semua ada butir-butir.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok, terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah ia begitu juga untuk Kod 42000 muka surat 173 Butiran 509200 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan okay kalau macam itu sahaja.

TUAN Pengerusi : Tak ada dalam usul lagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Lebih *detail*. Ada usul okey baik macam itu saya serah.

TUAN Pengerusi : Jadual B. 6 – iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sepuluh Juta, Enam Ratus Ribu (RM710,600,000.00) untuk Kepala B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Ringgit Malaysia Empat Ratus Empat Puluh Lima Ribu, Tujuh Ratus Lima Belas (RM445,715.00).

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ia silakan, Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya nak bercakap mengenai muka surat 179 Butiran 50500 Kod 1100 Gaji dan Upahan. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian saya nak bercakap tentang perkasakan Institusi atau *Institutional Empowerment* dengan izin kakitangan Kerajaan *Douglass North* pemenang Anugerah Noble dalam bidang ekonomi menekankan kepentingan Institusi dalam membina kemakmuran ekonomi. Misi Kerajaan Pakatan Rakyat dalam lima tahun ini seharus ke arah memperkasakan Institusi yang ada di Negeri Selangor khususnya kakitangan kerajaan untuk menjadikan matlamat memperkasakan keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan sebagai teras tadbir urus Negeri Selangor sebagai satu realiti bagi kepentingan semua *'stakeholders'* dengan izin di Negeri Selangor. Ahli politik datang dan pergi tetapi institusilah yang akan memastikan negeri diurus dengan baik bagi kepentingan rakyat yang ramai. Kalau kita lihat di bawah Kerajaan Barisan Nasional ditekankan aspek *'hardware'* dengan izin seperti pembinaan infrastruktur tetapi aspek *'software'* seperti institusi yang bebas tidak ditekankan. Jadi saya merasakan ini sebagai satu yang kurang dalam Kerajaan Negeri Selangor yang ada pada hari ini sehingga menjejaskan pembangunan negeri kita. Kalau dahulu kita tengok banyak institusi-institusi yang ada di Negeri Selangor telah perkotak katikkan demi kepentingan politik. Dengan melemahkan institusi-institusi ini kuasa telah dipusatkan kepada ahli politik sebagaimana kita maklum ahli politik mempunyai banyak kepentingan yang berbeza atau *'conflicting interest'* dengan izin.

Sekarang pun kita bernasib baik kerana walau pun misalnya UMNO menjalani pemilihan tetapi mereka tidak berkuasa di Negeri Selangor dan tidak dapat menyalahgunakan institusi yang ada untuk berkempen.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya juga merasakan apa yang telah ditekankan mengenai bagaimana Selangor ini sebelum ini dilihat sebagai lubuk emas bagi ahli politik sehingga dahulu kerusi Menteri Besar pernah dilihat

TUAN PENERUSI : Yang Berhormat, mungkin dah keluar tajuk, ini untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya akan tekankan berkaitan dengan menjaga kepentingan institusi kakitangan Kerajaan. Tuan Pengerusi saya memperkatakan tentang isu ini kerana memperkasakan institusi kakitangan kerajaan ini sesuai dengan komitmen Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk menamatkan era pena sakti dahulu yang kita perlu pertekankan di sini ialah untuk menjadikan pembahagian tugas ahli politik atau ADUN ataupun juga Ahli Majlis sebagai pembuat dasar sementara kakitangan kerajaan sebagai pelaksana dasar. Itulah peranan asal tetapi perkara ini sudah tidak ditekankan lagi dan dicemari oleh kerakusan nafsu serakah ahli politik sebelum ini. Saya yakin dengan meperkasakan kakitangan kerajaan, kita akan membekaskan kakitangan-kakitangan kerajaan untuk melaksanakan tugas mereka demi kepentingan rakyat Selangor. Kuasa tidak lagi dipusatkan di tengah tetapi diperturunkan kepada di setiap institusi kerajaan untuk dilaksanakan selari dengan dasar Kerajaan Negeri. Ini membolehkan kerajaan berfungsi dengan baik pada zaman ini. Saya juga kerana saya menekankan perkara ini institusi yang diperkasakan boleh menghadapi pertukaran kerajaan dan dapat berfungsi dengan baik seperti negeri-negeri maju yang lain jikalau pembangkang kembali mendapat kuasa pun mereka tidak boleh memporak perandakan Kerajaan Selangor sebagaimana yang mereka telah lakukan pada waktu dahulu. Kita tidak mahu kerajaan Negeri ini berfungsi semata-mata kepada personaliti ahli politik. Saya yakin rakyat Selangor mahukan sebuah sistem kakitangan kerajaan yang berfungsi *in spite of* dengan *izin the politicians* pastinya pegawai kerajaan menyambut baik reformasi ini. Jadi saya rasa perkara ini perlu ditekankan dalam kita membicarakan perkara ini. Sekian terima kasih.

TUAN PENERUSI : Pihak kerajaan ada jawapan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, kita sudah meneliti perkara ini dan saya mengurangkan atau tidak mengadakan ahli-ahli dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam wakil-wakil politik. Saya cuba mengambil mereka daripada bekas pegawai kerajaan yang terpilih dan saya juga bercadang untuk mengenalkan rakan-rakan daripada profesional, bukan rakan-rakan saya tapi rakan-rakan kita semua dalam kalangan profesional supaya kita memantapkan Suruhanjaya itu sebagai pilihan mereka yang dipilih untuk bekerja dan berkhidmat di negeri kita ini. Mereka dipilih mengikut tata cara yang tidak memberi keutamaan kepada pandangan politik dan pandangan-pandangan yang ada hubungan dengan diri sendiri.

TUAN PENERUSI : Jadual B7 iaitu wang sejumlah RM445,715.00 untuk Kepala B7 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B8 Jabatan Pertanian RM9,590,116.

TUAN Pengerusi : Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungai Burong ingin membangkitkan mengenai maksud bekalan B08 butiran 510000 mengenai pembangunan dan perkembangan, muka surat 188. Pegawai pembangunan dan pengembangan merupakan kepekaan pegawai-pegawai yang sangat penting kepada Jabatan Pertanian dalam usaha untuk menerapkan ilmu membantu, membimbing, memudah carakan petani-petani terutamanya di kawasan luar bandar dalam usaha untuk meningkatkan hasil pertanian melalui amalan pertanian baik atau pun dengan izin '*good agriculture practise*' supaya dengan cara ini dapat meningkatkan produktiviti hasil pertanian terutamanya di kawasan-kawasan pekebun kecil luar bandar seperti sawah padi, kebun kelapa dan penternak serta nelayan. Tuan Pengerusi saya ingin mengambil perhatian tentang masalah yang dihadapi oleh petani-petani ataupun pesawah-pesawah padi khususnya di Tg. Karang yang masih menghadapi masalah untuk meningkatkan produktiviti. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan daya pengeluaran padi untuk menghasilkan peningkatan pengeluaran hingga ke tahap 10 tan per hektar tetapi hingga setakat ini masih 50% daripada petani-petani yang belum dapat mencapai ke tahap tersebut dan salah satu faktor yang Sg. Burong lihat ialah kita menghadapi masalah kekurangan pegawai-pegawai pembangunan, kita ada 138 pegawai untuk berkhidmat di seluruh Negeri Selangor dan ini adalah tidak mencukupi. Perkara ini telah pun dibangkitkan dan Sungai Burong sangat mengharap supaya pegawai-pegawai petani ini ditambah kerana pegawai – pegawai pengembangan dan pembangunan ini adalah merupakan pegawai-pegawai yang berada di lapangan yang sentiasa '*hands on*' boleh dikatakan 24 jam untuk memberi nasihat siang dan malam sebab dalam usaha terutamanya meningkatkan hasil pengeluaran padi hambatan-hambatan begitu banyak. Petani-petani bukan sahaja berhadapan dengan masalah pengurusan input-input padi yang terpaksa juga disesuaikan dengan keadaan dan juga ancaman semasa, makhluk-makhluk perosak padi ini terlalu banyak tidak kurang daripada 12 jenis makhluk perosak yang sering menjejaskan hasil-hasil pengeluaran padi dan Sg. Burong berharaplah dalam bajet 2009 ini peruntukan dapat ditambahkan untuk mengadakan jawatan-jawatan yang baru bagi membantu pegawai pembangunan dan pengembangan bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi yang merupakan makanan yang sangat penting pada '*survivality*' dengan izin negeri dan juga negara ini. Sekian.

TUAN Pengerusi : Pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Pengerusi. Terima kasih ke atas keprihatinan Sungai Burong tentang petani-petani di kawasan Barat Laut bagi mengatasi kekurangan pegawai, usaha dibuat untuk ditingkatkan kecekapan pegawai-pegawai yang ada, kena pergi kursus, bengkel, lawatan dan dipertingkatkan semangatnya. Selain daripada itu Ketua-Ketua Blok yang ada hendaklah ditingkatkan kecekapannya dan diperkasakan keupayaannya. Seandainya Ketua Blok yang ada ini di agak berpihak kepada pembangkang, kemungkinan besar Ketua Blok baru akan dilantik dan mereka ini lebih rajin dan lebih bersemangat untuk berperanan. Di samping itu petani-petani sendiri hendaklah diperkasakan keupayaannya. Mudah-mudahan usaha ini berjaya. Kita yakin sasaran 10 tan per hektar itu sasaran yang rendah yang boleh dicapai menjelang 2010. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B8 iaitu wang sejumlah RM9,590,116 untuk Kepala B8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B9 Pejabat Tanah dan Galian RM15,796,322.00

TUAN Pengerusi : Jadual B9 iaitu wang sejumlah RM15,796,322.00 untuk Kepala B9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B10 jabatan Hutan RM14,043,372.00

TUAN Pengerusi : Hulu Kelang.

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib : Tuan Pengerusi, merujuk kepada muka surat 223 butiran 560000 operasi hutan kod 11000 gaji dan upahan, memandangkan hala tuju pembangunan akan menyebabkan dalam tempoh masa yang akan datang kawasan hutan makin berkurangan dan kawasan-kawasan hutan yang telah dinamakan sebagai hutan simpan, hutan rimba dan hutan taman warisan pun makin diceroboh dan daripada butiran kod 11000 walaupun ada peningkatan dari segi anggaran peruntukan 2009 berbanding 2008 tapi bilangan perjawatan masih kekal, jadi saya ingin mengesyorkan peruntukan sewajarnya diberikan untuk menambah bilangan Renjer kerana mereka di dalam hutan ini masuk seminggu dua minggu jadi maknanya memang kena tambah orang.

TUAN Pengerusi : Damansara Utama.

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin : Tuan Speaker sama juga pada muka surat yang sama 223 bab gaji dan upahan yang tadi dinyatakan. Saya pun sokong tentang perenggan tambahan bagi gaji dan upahan. Ini berkenaan dengan pengalaman saya di mana kadangkala kita minta kakitangan tolong kita untuk mengawasi kawasan mereka saya diberitahu hanya ada 5 orang dalam itu bahagian penguatkuasaan dan kerap kali mereka minta bahagian penguatkuasaan MPPJ untuk menolong mereka untuk menguatkuasa. Jadi.....

TUAN Pengerusi : Damansara Utama ada hutan?

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin : Ada, di sebelah dekat Kg. Cempaka di mana ada bekas pertahanan.

TUAN Pengerusi : Terima kasih. Pihak Kerajaan.

Y.B. Tuan Haji Yaaqob Bin Sapari : Terima kasih Hulu Kelang dan Damansara Utama. Saya rasa teknik pengurusan hutan sekarang ini perlu dipertingkatkan dengan teknologi yang ada seperti GPRS dan sebagainya. Saya lebih bersetuju kalau Yang Berhormat mencadangkan supaya Jabatan Hutan ada helikopter

sendiri. Kita boleh mengawal dari atas tetapi sukar untuk Kerajaan Negeri untuk mengawalinya. Pengalaman saya bila membuat lawatan daripada udara kita boleh melihat lebih jelas kawasan-kawasan dicerobohnya. Dan kebanyakan negeri tidak ada untuk ini. Oleh itu saya akui saya berbincang dengan Pengarah supaya tumpuan negeri-negeri....

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya, Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Wakil kerajaan menjawab perlukan sebuah helikopter untuk memantau pencerobohan tapi dalam konteks suasana perompak moden hari ini Tuan Pengerusi tak perlu helikopter. Saya beri contoh di Ampang baru-baru ini di kawasan Taman Tun Abdul Razak sebuah hutan asalnya adalah Hutan Simpan Negeri Selangor tetapi hari ini bila berlaku tanah runtuh 2 minggu yang lepas, pihak saya dan juga Ahli Parlimen bersama MPAJ meneliti semula kedudukan tanah tersebut untuk menyelesaikan masalah tanah runtuh. Semua pihak termasuk MPAJ terkejut, tanah tersebut telah bertukar milik kepada syarikat swasta. Jadi sekarang masalahnya bukan helikopter, masalahnya pemantauan. Saya tidak salahkan kerajaan yang baru, bagaimana kerajaan yang lama boleh menyerah hak milik tanah simpan, hutan simpan ini kepada sebuah syarikat swasta dan tidak ada rekod yang sempurna di Pejabat Tanah, di MPAJ. Setelah berminggu kajian dibuat baru kita dapat beberapa hari lepas bahawa tanah ini sudah berpindah milik 2 kali kepada syarikat swasta. Ini tak perlu helikopter Tuan Pengerusi.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Bukit Antarabangsa. Kerajaan negeri memutuskan tidak ada pemberian lagi tanah-tanah sama ada tanah kerajaan negeri atau tanah rizab hutan simpan kepada pihak individu atau swasta. Inilah kerakusan yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu sampai tanah hutan pun bagi kat orang. Untuk memastikan penjagaan hutan, Jabatan Hutan memastikan supaya jumlah renjer yang cukup untuk memastikan bahawa pengawalan hutan-hutan ini dapat diberi dan memang tumpuan negeri Selangor ialah pada "*forest conservation*" untuk memastikan hutan-hutan ini tidak di ceroboh. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B10. iaitu wang sejumlah RM 14,430,372 untuk kepala B10 Jabatan Hutan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B11 Pejabat Mufti RM 1,684,866.

TUAN Pengerusi : Jadual B11. iaitu wang sejumlah RM 1,684,866 untuk kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-Ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Pindaan Jadual B12 iaitu wang sejumlah RM 115,300,152 untuk kepala B12 Jabatan Kerja Raya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya memohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu

yang diedarkan dahulu. Pindaan kepada Kepala B12 Jabatan Kerja Raya dengan menggantikan perkataan RM115,300,152 dengan perkataan RM 116,300,152.

TUAN PENGRUSI : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang dibentangkan sekarang dibuka untuk dibahaskan. Ya, dipersilakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Pengerusi, Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Jadual B12 yang dipinda tadi Jabatan Kerja Raya Selangor muka surat 256 butiran 50500 kod 11000 Gaji dan Upahan. Memandangkan peruntukan sebanyak RM 116,300,152.

TUAN PENGERUSI : Yang Berhormat ini adalah pindaan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh, pindaan..

TUAN PENGERUSI : Ya, pindaan, ada penjelasan nak beri, tak de...baik, kalau tak de, Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, sila kata tidak. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B12 Jabatan Kerja Raya seperti yang dipinda

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Pengerusi, sekarang boleh masuk ya.

TUAN PENGERUSI : Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tadi tak boleh masuk tu. Tersasul sikit tadi, memandangkan

TUAN PENGERUSI : Muka surat mana.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kena cakap pula ya, muka surat 256 butiran 505000 Kod 11000 Gaji dan Upahan. Memandangkan sejumlah RM 116,300,152 diperuntukkan untuk Jabatan Kerja Raya ini dan saya harap sejumlah itu tempiasnya dapat dinikmati oleh rakyat di DUN Sekinchan. Misal di kawasan Sekinchan ini saya mutakhir ini menghadapi beberapa perkara yang penting, saya rasa perlu saya bangkitkan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Antaranya Jalan Raya Persekutuan Lima yang sudah dinaiktarafkan, kebelakangan ini sering berlaku berbagai-bagai kemalangan yang ngeri, yang meragut nyawa dan antara puncanya dikenal pasti adalah lampu jalan tidak mencukupi dan "road divider" tidak dibina. Dan perkara ini telah beberapa kali saya panjangkan kepada pihak JKR dan dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah Kerajaan Pusat tetapi memandangkan peruntukan sebanyak ini dan Kerajaan Pusat sekarang ini ada sedikit masalah dengan mereka dari segi komunikasi. Jadi saya meminta bahagian daripada Y.A.B. agar dapat kerajaan negeri memainkan peranan sedikit dalam bab ini, kurang-kurang, tambah-tambahlah sedikit peruntukan untuk menambah lampu-lampu supaya kegelisahan rakyat di DUN Sekinchan ni tentang waktu malam, jalan tu tak panjang. Peringkat yang saya minta ni daripada Kilang BERNAS Sekinchan hingga ke Balai Bomba Sekinchan, lebih kurang tak sampai 1km tetapi kekurangan lampu jalan kerana kawasan itu merupakan kawasan lalu lalang antara

taman-taman untuk ke pekan. Jadi cukup membahayakan. Ini satu masalah, jadi mintalah perhatian yang sepenuhnya daripada Y.A.B. Tan Sri.

Yang keduanya daripada jalan Tali air 5 menuju ke *Site A*, maklumlah kawasan Sekinchan ini, kawasan jelapang, daripada Tali air 5 menuju ke *Site A* jalan yang sepanjang 4.3km meter telah saya server, 4.3km permukaan muka jalan 15 kaki lebih kurang 3 meter adalah tidak mencukupi terlalu sempit untuk kereta lalu lalang dan berjumpa dengan satu kereta lagi tak de tempat, terpaksa berhenti dan sebagainya. Jadi saya minta kalau boleh pihak JKR memperuntukkan untuk menaik taraf jalan ini kepada 6 meter dan 7 meter dilebarkan. Ya, supaya masalah yang dihadapi oleh penduduk di *Site A* yang jauh dekat hutan Sg. Karang itu yang paling dekat jalan, cepat maut dan cepat kaya yang pernah saya timbulkan dalam Dewan Yang Mulia ini jalan yang RM118 juta, dekat situ, jalan itu maknanya jalan daripada Tali air 5, Pekan Sekinchan ini ke *Site A* ini harus diperbesarkan. Ini permintaan daripada penduduk di situ. Saya minta perkara ini dapat dimaklumkan oleh JKR dan Y.A.B dapat memastikan perkara ini dapat ditingkatkan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi : Kajang.

Y.B. Tuan Lee Kim Sin : Terima kasih Tuan Pengerusi. Muka surat 256 dan Butiran 505000 perkara 28000 berkaitan dengan penyelenggaraan. Dan di Kajang, memang kerap sangat berlakunya banjir. Salah satu sebab daripadanya ialah jambatan-jambatan dan juga kaveat-kaveat bawah jalan bawah JKR yang tidak menepati spesifikasi pembinaan. Di Sungai Jelok sahaja terdapat 4 batang jambatan yang melintasi Sungai Jelok yang tidak menepati spesifikasi yang merupakan satu rintangan terhadap pengaliran air yang sentiasa yang boleh dikatakan dalam bulan ini sahaja sudah berlaku 4 hingga 5 kali banjir. Dan kesemua jambatan ini perlu dinaiktarafkan untuk mengelakkan banjir yang seterusnya. Jadi peruntukan untuk beberapa jambatan ini amatlah cemas dan perlu diberi peruntukan secepat mungkin dan melintasi Sungai Langat pula dari Kajang ke Sungai Chua, satu jambatan di bawah JKR yang memang begitu sibuk lalu lintasnya tetapi ia sudah tidak boleh menampung lalu lintas yang begitu sebuk dan tidak ada pejalan kaki langsung. Untuk ini jalan diperuntukkan untuk berjalan kaki dan juga berbasikal. Maka ia merupakan satu jambatan yang amat-amat tinggi risikonya. Jadi ini salah satu yang kita nampak amat bahaya kepada pengguna jambatan itu dan juga bagi mereka yang memang tidak begitu tinggi pendapatannya untuk mereka menggunakan basikal. Jadi terdapat juga jambatan-jambatan dan juga jalan-jalan JKR yang masuk kampung yang memang bawah JKR seperti di Sungai Kantan. ya ianya bukan jambatan, kaveat bawah jalan dan juga di sekolah di Jalan Law Tee Kok di antara Sekolah Menengah Hee Hwa dan Sekolah Rendah Hee Hwa di mana setiap kali hujan lebat memang banjir. Dan kesemua tempat-tempat ini perlu dinaiktarafkan supaya masalah banjir akan diatasi. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi : Hulu Kelang.

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib : Tuan Pengerusi, merujuk muka surat 257 dan 258 Butiran 505200 JKR Gombak kemudian ke muka surat 258 kod 28000. Ini berkenaan dengan kontroversi antara sama ada Jabatan Hutan ataupun MPAJ berkaitan dengan jalan dalam hutan yang melibatkan Kampung Kemensah dan beberapa lokasi pelancongan di Kampung Kemensah. Jadi oleh sebab pertikaian ini

tidak dapat diselesaikan, saya berharap kalau ada peruntukan ini dilakukan di bawah JKR Gombak, untuk memperbaiki jalan-jalan dalam hutan di Kampung Kemensah khususnya ke lokasi lokasi pelancongan.

TUAN Pengerusi : Pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya hendak menjawab bagi pihak EXCO kerajaan, dan beliau berkirim salam sebab kematian keluarga. Saya mahu terangkan dua perkara. Pertama pengurusan jalan ataupun penjagaan jalan di Selangor ini terbahagi dua. Satu yang diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan, dan satu lagi jalan-jalan yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Mengikut Perlembagaan, jumlah dana mestilah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut beberapa kiraan supaya dibahagi kepada kerajaan negeri untuk membaik pulih hanya jalan-jalan kerajaan negeri. Itu hak mereka.

Walau bagaimanapun, saya berasa gembira kerana Sekinchan dan Kajang, Ahli-Ahli Dewan Undangan Pakatan Rakyat memang tahu tempat seliaan masing-masing. Itu saya ucapkan terima kasih. Maknanya, dia jaga tempatnya dan kalau itu berlaku, saya nak ingatkan Gombak Setia supaya dia mendengar cadangan ini. Yang baiknya pegawai yang menjaga di negeri juga ada hubungannya dengan pegawai yang menjaga di Persekutuan. Maksudnya, pegawai-pegawai JKR Persekutuan dan JKR Selangor pegawainya tidak daripada kumpulan yang lain, tetapi daripada kumpulan yang sama. Oleh sebab itu kita boleh usahakan salurannya. Saya harap dapat memberitahu Gombak Setia supaya dia mendengar. Kita mahu panggil Ahli-Ahli Dewan untuk menceritakan tentang keperluan membaik pulih jalan raya ataupun perparitan yang perlu dibaiki walaupun pada dasarnya daripada segi bajet bukan suatu perkara yang boleh kita selesaikan semuanya. Tetapi kita adakan "prioriti". Oleh itu, belanjawan RM115 juta ini merupakan antara belanjawan yang terbesar, yang dibuat oleh negeri, tetapi kosnya juga besar. Jadi oleh sebab itu, kita hendak mengambil pandangan Sekinchan, Kajang dan Hulu Kelang.

Mengenai hutan saya fikir tidak berapa lama lagi kita perlu selesaikan perkara ini sebab ia menyebabkan saya, EXCO hendak membuat keputusan tentang apa yang patut kita lakukan dan siapa yang mempunyai hak kerana pencerobohan itu sentiasa berlaku. Satu daripada keputusan yang kita buat melibatkan Pegawai Hutan, tidak lagi ada kuasa memberi TOL atau apa-apa kuasa untuk membuat dasar hutan melainkan setelah dipersetujui oleh EXCO. Oleh itu, kita hendak kawal dengan sepenuhnya. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B 12 Jabatan Kerja Raya seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Pindaan jadual B 13 iaitu wang sejumlah ringgit Malaysia empat puluh sembilan juta empat ratus lapan puluh ribu sembilan ratus enam puluh tiga untuk kepada B 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, saya memohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang diedarkan terlebih dahulu. Pindaan kepada B 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran dengan menggantikan perkataan ringgit Malaysia empat puluh sembilan juta empat ratus lapan puluh ribu sembilan ratus enam puluh tiga ringgit,

dengan perkataan ringgit Malaysia lima puluh dua juta empat ratus lapan puluh ribu sembilan ratus enam puluh tiga ringgit.

TUAN Pengerusi : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Tidak ada jawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

AHLI-AHLI DEWAN : Setuju.

TUAN Pengerusi : Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran seperti yang dipinda.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekinchan ingin berbahas dalam Jadual B 13 muka surat 286 butiran 500 kod 11000 Gaji dan Upahan. Memandangkan kawasan Sekinchan ini terletak di luar bandar memang keadaan infrastruktur, ya agak kekurangan sedikit. Dan sebelum saya perincikan juga nak utarakan satu masalah yang dihadapi oleh yang berada di kawasan Sungai Panjang. Kawasan Sungai Panjang yang dipanjangkan masalahnya kepada saya sebab tidak tahu Sungai Panjang tidak menjalankan tugas, memang dia tidak menjalankan tugas sebab apa dewan ini sepatutnya bersidang, dia kena datang tetapi dia tidak datang. Rakyat nak cari dia pun tidak dapat. Jadi panjangkan masalah kepada saya, jadi saya sebagai jiran tetangga yang setia kawan, saya tolong maklumkan kepada Kerajaan. Tak apa walau pun saya marah dengan cara dia, saya tolong juga. Inilah keprihatinan Pakatan Rakyat. Itu dia. Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya Sekinchan, tolong Sungai Panjang ke atau tolong pengundi di Sungai Panjang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tolong pengundi di Sungai Panjang. Saya tolong pengundi, itu kena fokus, tolong betulkan, tolong pengundi sebab rakyat ini, semua rakyat Selangor, rakyat kita tidak kira siapa-siapa. Ya masalah di Parit 12 Gambut di DUN Sungai Panjang kebelakangan ini seminggu dua menghadapi masalah petani-petani menghadapi masalah banjir di sekitar bendang-bendang mereka. Kerana longkang-longkang di sebelah parit gambut 12 ini penuh dengan rumput-rumput yang tidak. Ya EXCO kebetulan EXCO dia sampai, baru saya perlahankan sedikit dengan masa yang menepati. Longkangnya penuh dengan sampah, rumput rumpai tidak dibersihkan dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran Daerah. Jadi perkara ini telah menyebabkan masalah ini telah menyebabkan petani di sana merungut di mana benih padi ditanam baru sebulan banyak yang mati disebabkan oleh banjir itu. Jadi saya mintalah pihak Kerajaan khususnya Jabatan Pengaliran dan Saliran Daerah ambil tindakan yang se pantas mungkin untuk membersihkan longkang tersebut agar tidak

ditimbulkan masalah ini agar menyebabkan kerugian kepada petani di DUN Sungai Panjang. Itu satu.

Yang keduanya terdapat satu longkang di Parit 6 Sekinchan yang bersebelahan dengan Taman Sri Sekinchan sepanjang lebih kurang 400 meter longkang untuk menuju ke kunci air Bagan Sekinchan. Longkang yang sepanjang 400 meter di mana tebing-tebingnya sering menghadapi hakisan yang teruk dan tanah yang sering runtuh. Akhirnya telah menyebabkan taman di sebelahnya Taman Sri Sekinchan keadaan struktur rumah teres di situ retak dan permukaan jalan ranap. Ramai penduduk di situ telah mengutarakan aduan tersebut kepada saya kerana rumah mereka strukturnya retak satu, yang kedua jalan sering ranap mereka kluatir entah bila-bila waktu dalam tidur kemungkinan berlaku satu kejadian yang tidak diingini menyebabkan apa-apa kematian, ini mereka takut. Jadi perkara ini sewaktu saya menjadi pembangkang penggal yang lepas saya pernah utarakan tentang perkara ini tetapi tidak ada respons. Untuk membuat *U shape* apa-apa di situ longkang *U shape*. Dan sekarang kita sebagai Kerajaan dan saya memintalah jasa baik supaya perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya agar dapat diproses.

Dan seterusnya satu lagi perkara di Bagan Sekinchan di mana penduduk Bagan Sekinchan yang menuju ke pantai Bagan Sekinchan. Sekinchan ada satu pantai yang nampak berpotensi juga dijadikan satu tempat tarikan pelancongan. Tetapi pantai tidak begitu luas. Jalan yang menuju pantai tersebut hanya Jalan Pantai Sekinchan sepanjang satu kilometer sahaja tetapi tidak dinaiktarafkan hanya jalan pasir sahaja. Sering permukaan berlekuk-lekuk, berlubang-lubang dan apabila tiba air pasang besar, air akan melepasi paras jalan tersebut. Jadi saya meminta pihak Kerajaan akan supaya dapat memperuntukkan sejumlah wang untuk menaik, meninggikan paras jalan tersebut dan menurap jalan tersebut supaya dia lebih sempurna dan ramai penduduk di Sekinchan dapat pergi beriadah di pantai Sekinchan ini, dapat menggunakan jalan lebih selesa. Dan ditambah pula pada waktu petang, ramai nelayan-nelayan menghantar hasil ikan dengan menggunakan lori melalui jalan tersebut. Jadi ini menyulitkan sekiranya perkara ini tidak diambil berat, tidak diselesaikan. Jadi saya sekali lagi meminta jabatan yang berkenaan JPS dan sebagainya ambil perhatian untuk menyelesaikan masalah rakyat Sekinchan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih perkara 50500 kod 28000 penyelenggaraan. Disebabkan ada satu projek pembesaran.

TUAN Pengerusi : Kod mana, muka surat mana.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Muka surat 286 kod 28000 Penyelenggaraan. Ada satu projek pembesaran Sungai Rajah dan Sungai berdekatan dalam kawasan Rawang untuk mengatasi masalah banjir. Tetapi saya nampak peruntukannya diberikan adalah tidak mencukupi, memandangkan ada bahagian yang mana tanah telah runtuh dan tidak diperbaiki. Selain itu saya nampak juga sungai yang telah dibesarkan tidak dinaikkan pagar. Dan ini menimbulkan satu pertikaian antara kawasan penduduk dengan kawasan rizab sungai, mana yang patut diambil sebab banyak pertikaian timbul dan masalah setingan timbul membuatkan mereka tidak ketahui tentang sempadan itu. Jadi saya

berharap perkara ini akan diambil perhatian oleh Jabatan (JPS) dan kalau boleh rizab sungai itu diwartakan dengan secepat mungkin supaya tiada pertikaian yang akan ujud di masa akan datang.

TUAN Pengerusi : Kota Damansara.

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim : Terima kasih, Tuan Pengerusi terima kasih. Saya ingin membahaskan B 13 muka surat dua lapan enam butiran lima kosong lima kosong, kosong kod 11000. Ini berkaitan di Kota Damansara khususnya masalah banjir, di Kampung Baru Sungai Buluh, termasuk juga Kampung Melayu Subang. Kampung Baru Sungai Buluh masalah banjir inilah telah bertahun-tahun, berpuluh tahun walau pun ada yang datang menjenguk tetapi prosesnya masih lagi tidak memuaskan. Apabila banjir air akan naik dan kalau kita pergi di sana dia ada bumbung, maaf dinding depan rumah naik cuba tahan air masuk rumah dan kita nampak kesan-kesan telah berpuluh-puluh tahun. Itu juga kita dapat lihat ada longkang yang besar tetapi di situ juga kita dapat kilang haram yang kerap kali dah masuk, dia dah kembang dan besar dan bermasalah apabila sampah, bila banjir tersumbat dan bermasalah di situ. So dari segi masalahnya jangka pendeknya akan panjang. Jangka pendek masalahnya hujan lebat mesti banjir. Ada yang pernah kami pergi katakan pokok-pokok atau pun rumput-rumput yang tepi itu dikemaskan tak dijalankan dengan cepat dan ini menjadi masalah juga. Satu lagi masalah adalah dari segi *coordination* oleh di situ ada JKR terlibat, JPS terlibat, Majlis Bandaran terlibat dari segi jalan, longkang yang besar, yang kecil dan jalan besar dah diturap naik tinggi sangat menimbulkan banjir. Maka itu juga saya merasakan bahawa bila kita dengar rintihan mereka sekiranya kita dapat menyelesaikan masalah banjir khususnya di Kampung Baru Sungai Buluh. Saya percaya mereka akan sanjung Kerajaan ini kerana sudah lama bermasalah. Begitu juga dengan masalah di Kampung Melayu Subang bertahun-tahun juga dah kami ambil gambar tetapi kerjanya tidak cepat kerana peruntukan tak cukup tidak besar dan ini adalah masalah kami merasakan penting tiap-tiap kali dah hujan ada panggilan dan seterusnya. Kami berharap pihak-pihak yang berkenaan cuba menyelaraskan agar masalah ini diselesaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat saya tangguhkan Sidang Jawatankuasa buat sementara waktu dan dewan sidang sekarang.

BENTARA : Dewan sidang semula.

TUAN Pengerusi : Ahli-ahli yang terhormat sekalian oleh sebab urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung sehingga jam lima tiga puluh. Bagi meneruskan urusan dewan, saya mempersilakan Y.A.B Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: "bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan sebelas dalam peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan daripada hari ini sehingga jam lima setengah petang".

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN Pengerusi : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

AHLI-AHLI DEWAN : Setuju.

TUAN Pengerusi : Dipersetujui. Baik Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

TUAN Pengerusi : Hulu Kelang, sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi, merujuk muka surat 286, butiran 505000 kod 28000 tentang penyelenggaraan. Sungai Kelang yang hebat ini bermula dari Hulu Kelang, sungai di Hulu Kelang jernih sejernih-jernihnya tapi cuma jernih untuk beberapa kilometer mungkin 2 atau 3 kilo meter, saya tak ukur macam Sekinchan ukur sebab dalam hutan dan ia melalui Selangor, Wilayah Persekutuan kemudian Selangor. Apa yang nak saya timbulkan adalah tentang pencemaran yang hebat dan kesan banjir. Jadi saya ingin mengesyorkan peruntukan yang sewajarnya diberikan untuk menjaga Sungai Kelang dari segi mendalamkan Sungai Kelang dan sekiranya ada peruntukkan dibenarkan maka saya ingin mencadangkan diwujudkan (dengan izin) *smart partnership* antara JPS dalam pendalaman sungai dengan syarikat yang diberikan lesen untuk melombong pasir. Dalam konteks (dengan izin) *flood mitigations system* jadi integrasi antara business dan mendalamkan sungai untuk rakyat.

TUAN Pengerusi : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Pengerusi, merujuk kepada muka surat 286 butiran 505000 kod 28000 berkaitan dengan penyelenggaraan Kajang ingin mengemukakan masalah yang dihadapi di Kajang berkaitan dengan beberapa batang sungai di kawasan Kajang yang sentiasa menghadapi masalah pelimpahan air yang bermaksud sungai itu tidak dapat menampung lagi air yang dari ulu. Naik taraf, kerja naik taraf perlu dijalankan dengan segera di Sungai Jelok walaupun peruntukan sudah di peruntukan dalam penggal yang lepas tapi kerja naik taraf ini tergendala hingga banjir menjadi lebih kerap dan sebatang lagi sungai, iaitu Sungai Jernih di Kampung Sg. Kantan, dahulunya JPS pernah naik taraf iaitu membuat... ha... ni... apa.. tebing, naik taraf tebing menggunakan konkrit, bentuk OU *shape* untuk menjaga menambatkan tebingnya tetapi kerja naik taraf ini hanya berjalan separuh. Separuh daripada sungai yang lebih tinggi tidak dinaikkan tarafkan maka peruntukan diperlukan untuk naik melengkapkan projek naik taraf di Sg. Jernih, Kampung Sg. Kantan. Walaupun sungai ini nama Sungai Jernih tapi airnya keroh sangat dan di Sungai Langat memang merupakan satu sungai yang bermasalah. Ini hanya di ulu yang sepatutnya kalau ikut JPS tidak harus ada perkara berlakunya banjir tapi kerap, paling kerap berlaku di ulu dan di hilir kurang kerap daripada ulu. Ini masalahnya kita nampak, selain daripada naik taraf dan juga cuci gali pasir untuk mendalamkan sungai-sungai ini, tebing-tebing juga perlu ditambatkan untuk mengelakkan limpahan air yang berlebihan dan seperti yang kita tahu masalah pelimpahan air ini bukan masalah sungai tapi masalah perancangan dan pembangunan dan penyelarasan atau koordinasi antara PBT dan pihak negeri dan juga dengan JPS dan dalam pembangunan sebegini kita nampak memang kekurangan penyelarasan dengan JPS khususnya. Pihak PBT sentiasa meluluskan pembersihan baik hutan ataupun tapak-tapak atau kawasan digunakan untuk pembangunan untuk perumahan dan sebagainya. Jadi pembersihan yang tidak ada rundingan dengan pihak JPS menyebabkan air yang melimpah turun ke sungai dan membanjiri kawasan-

kawasan menjadi lebih kerap dan lebih teruk dengan tidak ada pembinaan seperti *slope trap* (dengan izin) dengan *retention pool* kesemua ini tidak ada menepati spesifikasi yang dikehendaki. Jadi masalah ini timbul dan kita memang menyeru pihak PBT, pihak di negeri sebelum menjalankan, meluluskan kesemua projek-projek sebegini ataupun tukar syarat mestilah ada rundingan dengan JPS dan juga termasuk ADUN tempatan. Selain daripada itu Kg. Baru Sg. Chua yang merupakan kawasan yang memang menghasilkan bijih timah dengan begitu banyak pada abad-abad yang lepas dan memang terdapat badan air, *waters bodies* (dengan izin) iaitu di kawasan di Sg. Chua dan kawasan badan air ini, kolam atau bekas-bekas lombong merupakan tempat yang memang begitu baik untuk tambatan masalah banjir iaitu ia merupakan satu takungan di mana air akan masuk dan perlahan-lahan air itu mengalir ke tempat lain dan kolam takungan bekas lombong ini memang kita cadangkan diwartakan di bawah penyelenggaraan JPS supaya ia di naik taraf dan menjadi kolam takungan yang elakkan banjir yang memang setiap kali banjir kawasan jalan utama di Sg. Chua dari Kajang ke *Highway* di tol di Kajang jalan utama itu memang banjir, banjir sedalam dua kaki. Jadi ini memang kerap sangat dan dengan ada-adanya kolam takungan sebegini kalau diselenggarakan oleh JPS dengan peruntukan yang cukup memang ia akan mengatasi masalah yang begitu kerap berlaku di kawasan Sg. Chua, sekian terima kasih.

TUAN Pengerusi : Sijangkang.

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi : Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya daripada Sijangkang, Sijangkang melihat masalah saluran parit

TUAN Pengerusi : Kod mana ni?

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi : Banjir.

TUAN Pengerusi : Kod mana? Muka surat mana?

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi : Muka surat 286, 505000 kod 28000 penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Seperti mana yang kita sedia maklum baru-baru ini berlaku banjir dan saya melihat bahawa perparitan ataupun saluran adalah salah satu faktor yang menyebabkan banjir walaupun sebelum ini berlaku kerap saban tahun banjir berlaku di kawasan Batu 9 Kebun Baru dan apa yang saya lihat kali ini banjir yang begitu agak serius mengakibatkan lebih kurang lebih daripada 800 penempatan dan melibatkan 190 keluarga yang mana saya tidak mahulah berlaku apabila berlaku banjir seperti ini pihak PBT menyatakan bahawa ini adalah di bawah kuasa JPS dan JPS mengatakan tidak ada peruntukan, tidak ada kontraktor dan sebagainya. Tapi apa yang lebih penting di sini saya lihat sebab melibatkan beberapa kilang. Lebih kurang 8 kilang kalau tidak silap saya terpaksa ditutup dan ini akan memberi kesan kepada ekonomi negeri Selangor dan apa yang saya harapkan supaya satu tindakan yang lebih konkrit walaupun sebelum ini rasanya tidak ada tindakan yang konkrit yang telah diambil sudah tiba masanya lah untuk kita membuat sesuatu bagi pihak kerajaan negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Ya, Pihak kerajaan.

TUAN Pengerusi : Oh! Ada lagi.... ada lagi. Damansara Utama.

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Tuan Pengerusi, Tuan Speaker, terima kasih atas peluang ini sama muka surat 286 di kod 28000 pembaikan kecil yang diberi. Tuan Speaker, nampaknya...

TUAN PENERUS : Pengerusi.

Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN : Tuan Pengerusi, pembaikan kecil yang tercatat di sini nampaknya pembaikan besar yang patut dibuat atas beberapa kawasan misalnya di kawasan Damansara Utama, longkang-longkang dan parit-parit kecil yang dulu cukup untuk menampung air-air tapi oleh kerana pembangunan-pembangunan yang telah ada jadi parit-parit sekarang pun tak cukup tampung jadi oleh kerana itu salah satu punca banjir-banjir di beberapa kawasan. Saya syorkan bahawa mungkin JPS dengan ADUN-ADUN boleh tetapkan mana-mana parit yang patut diperbesarkan supaya banjir-banjir di beberapa kawasan boleh dielakkan dalam musim hujan.

Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Pengerusi.

TUAN PENERUSI : Seri Setia.

Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya ingin masuk dalam muka surat 286 butiran 505000 perkara 28000 yang mana saya ingin mengutarakan tentang masalah di kawasan Seri Setia khususnya di kawasan SS 7 yang mana banjir juga kerap berlaku dan antara punca utama ialah pembangunan pesat di kawasan tersebut. Kalau dahulu kawasan tersebut merupakan kawasan taman dan kawasan rumah teres kini ia dipenuhi dengan kawasan bangunan-bangunan tinggi di samping itu juga Sg. Kayu Ara dan Sg. Pencala yang berhampiran tidak di selenggara dengan baik dan buat tahun ini ketika kita minta tindakan segera dikatakan bahawa bajet sudah habis jadi saya merasakan amat penting untuk kita menyediakan peruntukan yang cukup bagi bajet 2009 bagi memastikan perkara ini dapat diatasi di tahun depan. Sekian, terima kasih.

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Pengerusi.

TUAN PENERUSI : Pihak Kerajaan.

Y.B TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Saya memuji.....

TUAN PENERUSI : Hah! Kota Anggerik....ada lagi

Y.B TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Ada lagi...

TUAN PENERUSI : Hah! Taman Medan.

Y.B PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Pengerusi kerana memberi saya peluang, Taman Medan ingin bercakap berkaitan perkara 505000 kod 28000 penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang diberi. Taman Medan ingin memberitahu bahawa Sg. Kelang juga melalui kawasan Taman Medan dan saya mendapati banyak aduan daripada penduduk yang duduk berhampiran dengan sungai tersebut bahawa berlakunya pencemaran dari segi pembuangan sampah yang tidak terkawal di rizab sungai, Sg. Kelang dan bukan itu sahaja berlakunya ada penternakan lembu yang dilakukan di rizab sungai jadi saya khuatir dengan aktiviti-aktiviti yang

dilakukan di rizab sungai maka pencemaran Sg. Kelang akan menjadi bertambah serius dan bukan itu sahaja berlaku aktiviti pencurian pasir di salah satu tapak di tebing Sg. Kelang. Jadi saya mohon daripada pihak JPS supaya menghantar pegawai-pegawainya untuk membuat penguatkuasaan ataupun pemeriksaan supaya tiada lagi berlaku pencemaran yang akan menjejaskan kualiti sungai yang pada tahap ini saya kira sudah agak serius tetapi sekiranya dibiarkan berlaku pencemaran tersebut akan menjadi bertambah teruk. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi : Ya Kota Anggerik. Kota Anggerik teruskan

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Pengerusi, saya menghormati keprihatinan Sekinchan kepada masalah pengundi di Sungai Panjang. Bagi menyelesaikan masalah pengundi di Sungai Panjang kita akan usahakan bahawa supaya pengundi Sungai Panjang bersama dengan Pakatan Rakyat. Isu sungai-sungai atau pun pengaliran tersumbat. Untuk maklumat Sekinchan pengurusan sungai-sungai, atau pengaliran di kawasan sawah padi diberikan kepada JKKK dan usaha ini telah dibuat oleh JKKK selama ini. Oleh kerana JKKK yang baru akan kita sahkan pada hujung bulan ini dan JKKK baru akan mengambil tugas untuk menguruskan pengairan yang baru supaya pengaliran-pengaliran ini bulan depan. Saya rasa selepas JKKK dilantik dan tugas-tugas pengendalian ini diserahkan kepada JKKK, *Insyallah* sebahagian besar masalah sungai-sungai pengaliran tersumbat dapat diatasi ini. Berhubung dengan cadangan daripada Hulu Kelang supaya pengorekan pasir di sungai-sungai dijalankan dengan baik.

Y.B. TUAN NG. SUEE LIM : Minta Penjelasan. Yang Berhormat tentang Yang Berhormat tidak menjawab soalan tentang jalan di bahagian Sekinchan dan parit, longkang yang rosak.

Y.B. TUAN HJ YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat Sekinchan dalam bab pengairan dan saliran ini dibahagi dua. Pengairan di bawah pertanian, saliran di bawah infra, sungai di bawah infra tetapi apabila pasir di naik atas dia di bawah sumber alam.

TUAN Pengerusi : Tak perlu diperinci sangat, dia minta buat sahaja, jadi kita serah kepada Jabatan yang berkenaanlah. Dan saya rasa ada yang tak payah jawab dan Sekinchan sabar juga, nak minta dia buat, tak perlu nak perinci-perinci siapa buat, buat yang rakyat hendak diselesaikan masalah. Jadi kita walau pun saya bagi peluang untuk menjawab tanya sabarlah ya.

Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Berkaitan dengan cadangan Hulu Kelang soal pengorekan pasir di sungai-sungai, kita akan tindakan serius dan Kumpulan Semesta akan terlibat dalam mengendalikan urusan pasir-pasir di sungai. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Jadual B 13 Jabatan Pengaliran, Ya silakan.

Y.B. DATO' DR. HASSAN B. MOHD ALI : Ini sampingan sahaja, Yang pertama sekali terima kasih kepada Y.B. Sekinchan, saya jawab serentak, sekali fasal masalahnya lebih kurang sama. Y.B. Sekinchan, Y.B. Rawang, Y.B. Kota Damansara kemudian itu Y.B. Kajang dan Y.B. Damansara Utama, Y.B. Seri Setia, Y.B. Sijangkang dan akhirnya Y.B. Taman Medan. Pertama sekali banjir di akhir-akhir ini sebagaimana yang saya sebutkan dalam ulasan mengenai banjir kelmarin ialah akibat yang pertama

daripada hujan yang turun dalam kadar kuantiti yang agaknya jarang berlaku dalam sejarah. Itu satu yang utama. Yang kedua ialah penyeliaan, sial penyeliaan sungai, longkang, perparitan dan sebagainya, yang penyeliaannya boleh dikatakan agak lemah. Bila penyeliaan lemah maka air yang sentiasa mengalir tidak dapat mengalir. Air mengalir dua puluh empat jam dan banjir tidak pernah beritahu kita bila banjir akan datang. Bila banjir, bila air akan naik. Yang ketiga sebab tidak lain dan tidak bukan ialah penyelarasan kita dengar tadi daripada teman-teman mengenai jabatan-jabatan yang terlibat JPSnya, PBTnya dan LUASnya juga dan semuanya kita ada garis panduan dari segi menjalankan tugas, semuanya ada *date line*, semuanya ada bahagian masing-masing tetapi kadang-kadang oleh kerana klien kita yang kita hormati rakyat jelata mereka kadang-kadang tidak dapat mengerti di mana mula LUAS, di mana mula JPS, di mana mula PBT. Kitalah pegawai-pegawai Kerajaan termasuk ahli-ahli politik, ADUN-ADUN dan sebagainya dapat menerangkan kepada mereka waktu kita mengambil tindakan di mana letaknya sempadan di antara jabatan dengan jabatan. Sebagaimana yang saya sebutkan semalam, kelmarin bahawa persoalan masalah penyelarasan ini saya rasa tidak, tidak timbul begitu besar, sebenarnya dan saya hormati pegawai-pegawai kerajaan yang sama-sama dengan kita dalam hal ini. Dan dengan bimbingan daripada teman-teman yang menjadi ketua masing-masing dan sebagainya rasanya permasalahan ini dapat dihuraikan. Yang keempat, yang akhirnya tentang masalah banjir ini ialah masalah teknikal, kadang-kadang apa yang hendak dibuat tidak mengikut *SPEKS*, kadang-kadang di bawah *SPEKS* yang ditetapkan, kadang-kadang *over specks* pun ada. Benda-benda ini berlaku jadi bila teknikal *problem* berlaku dalam hal mengenai aliran sungai, hujan dan sebagainya maka timbullah permasalahan-permasalahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Apa tindakan yang akan diambil, pertama minggu depan saya akan panggil Mesyuarat Khas yang melibatkan JPS, yang melibatkan LUAS, yang melibatkan PBT-PBT hampir seluruh PBT-PBT di dua belas PBT rasanya menghadapi masalah tentang banjir yang pada tahun ini merupakan banjir yang luar biasa. Shah Alam banjir. *Everyday*, tempat saya Gombak Setia terutamanya Gombak Utara, Kampung Kerdas dan sebagainya banjir boleh dikatakan bila tengah hari menjelang petang banjir, bila tengah hari menjelang petang banjir, tidak masuklah banjir waktu malam. Jadi apa yang saya nak sebutkan tuan-tuan, teman-teman kita ialah yang kedua saya akan memanggil mesyuarat tersebut untuk merangka program segera yang mesti dilakukan. Dan program yang dilakukan segera dan kita akan senaraikan satu persatu kawasan Sijangkang begini, kawasan Sekinchan begini, kawasan Kampung Medan begini. Tiap-tiap satu nanti ada rancangan daerah masing-masing, ada rancangan penempatan yang terlibat masing-masing. *Small plaining area* dan ini kita akan lakukan. Yang ketiga yang kita akan lakukan ialah peruntukan, saya akan menghadap EXCO, saya akan sediakan kertas EXCO khusus tentang ini dan saya nak minta Pegawai Kewangan Negeri nampak ke gaya-gaya tak berapa nak senyum begitu. Jadi kita harap EXCO nanti dapat bermurah hati untuk memberikan kelulusan khas, tambahan khas yang diperlukan bagi kita menghadapi sebab kalau kita tidak tangani ini Pakatan Rakyat akan tercemar, pimpinan yang baru Kerajaan ini pun akan tercemar. Rakyat tidak tahu sebenarnya mereka hendaklah besok masalah mereka diselesaikan. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Itu yang kita hendak penyelesaiannya. Jadual B 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

AHLI-AHLI DEWAN : Setuju

TUAN Pengerusi : Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B 14 Jabatan Agama Islam ringgit Malaysia Satu Ratus tiga puluh enam juta tiga puluh satu ribu lapan ratus lima puluh tujuh.

TUAN Pengerusi : Sijangkang.

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus B. Hairi : Terima kasih Tuan Pengerusi, muka surat 307 butiran 51500 kod 11000. Walau pun kita telah mendengar perkara ini telah disentuh dalam perbahasan di penggal yang lepas dan juga di penggal yang ini. Hasrat kita untuk mengeluarkan guru-guru terutamanya di Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Agama Rakyat supaya mereka akan diberi gaji yang berpatutan. Keluar daripada garis paras kemiskinan. Apa yang saya mahu tekankan di sini kalau kita lihat peruntukan tahun 2008 dan anggaran pada tahun 2009 saya rasa tidak banyak perbezaan di situ. Dan apa yang lebih penting kalau kita lihat di guru-guru di Sekolah Rendah Agama ini kebanyakannya adalah guru adalah guru-guru wanita dan sebahagian daripada sekolah-sekolah ini menghadapi masalah tidak cukup guru. Dan sebahagian sekolah pula mengambil Guru Rakyat untuk dijadikan guru-guru bagi menampung pelajar yang begitu ramai. Dan akhirnya mengakibatkan guru-guru ini terpaksa ditampung daripada gajinya oleh PIBG dan ini melibatkan kewangan yang cukup besar juga kalau saya lihat secara keseluruhannya. Begitu juga masalah-masalah di sekolah-sekolah agama ini yang mana kalau kita lihat dari segi perjawatannya adalah sama tetapi apa yang saya ingin tumpukan di sini keperluan dari segi kakitangan-kakitangan yang lain termasuk Tukang Kebun atau pun Pegawai Keselamatan, Kerani yang mana tidak ada perjawatan sebahagian besar daripada Sekolah-Sekolah Rendah Agama atau pun Sekolah Agama Rakyat ini. Saya rasa ada keperluannya di situ dan ini berlaku termasuk kecurian di sekolah-sekolah agama ini dan kadang-kadang melibatkan pagar pun dicuri dan ini adalah harta kerajaan yang mana saya rasa kalau kita tidak dapat tangani dengan baiknya ia akan merugikan kita. Jadi saya harapkanlah supaya ada satu tindakan yang lebih drastik, yang lebih baik, lengkap untuk Sekolah-Sekolah Agama Rakyat ini. Dan juga kita telah sentuh di dalam perbahasan baru-baru ini pemerksaan sekolah agama ini dan juga termasuk MITIB, Maktab Integrasi Tahfiz di Bandar Jugra yang mana perancangan untuk memperkasakan menambah guru, menambah pelajar yang akhirnya akan menyebabkan juga penambahan guru-guru ini yang mana saya rasa perlu ada peruntukan tambahan daripada segi keperluan di bawah kod 11000 ini.

TUAN Pengerusi : Bangi

Y.B. Tuan Dr. Shafie B. Abu Bakar : Tuan Pengerusi merujuk kepada B 14 muka surat 307 butiran 50500 kod 11000 barang kali saya juga menambah daripada Sijangkang tadi. Kalau kita lihat peruntukan bagi Jabatan Agama yang kedua tertinggi, ini tidak masuk peruntukan Mahkamah Syariah dan Pejabat Mufti, kalau campur itu lebih tinggi lagi. Dari peruntukan ini barang kali harapan kita dia menjadi semacam menunjukkan prestasi yang cemerlang tetapi kalau kita teliti ada masalah-masalah, harapan-harapan dan juga barang kali kita memerlukan ketulusan-ketulusan untuk umpamanya permasalahan yang berhubung dengan zakat umpamanya. Itu kita memerlukan ketulusan, Masalah pelajar-pelajar bantuan daripada Jabatan Agama di luar negeri seperti di Mesir, dan Jordan kita mendengar banyak masalah-masalah dan rasa tidak puas hati. Kemudian masalah penyerahan Sekolah Menengah Agama

kepada Kerajaan Persekutuan oleh kerana kita tidak mampu nak ambil balik kerana peruntukan kita ingin menubuhkan satu jenis Sekolah Menengah yang semalam disebut Sekolah Tahfiz Teknologi. Kita juga nak tahu perancangan ini bagaimana rangkanya. Bangi juga mahu sebuah sekolah sedemikian, kalau berjalan kita nak tuntutan supaya sekolah ini satu daripadanya berada di Bangi. Begitu juga berkenaan barangkali kita tidak boleh lepas juga mengenai sekolah-sekolah agama swasta di Negeri Selangor. Kalau kita biarkan mungkin dia membawa arah tersendiri, barangkali kita perlu satukan daripada matlamat dia. Masalah bangunan Pejabat Agama yang begitu teruk, begitu juga pejabat-pejabat Kadi, KAFA tadi sudah disebutkan begitu juga gaji, pengajaran-pengajaran di Surau dan di Masjid yang selama ini agak terbantut. Jadi kita mengharapkan pembaikan-pembaikan, begitu juga bantuan-bantuan kepada anak-anak kita melalui zakat umpamanya anak-anak nak cemerlang, anak-anak miskin dan sebagainya, perlu kepada penyelarasan dan sebagainya. So kita harap dapat diselaraskan, dipertingkatkan agar dia menjadi Selangor sebagaimana yang kita sebutkan semalam sebagai negeri yang tinggi dari safkofahmilah atau pun budaya negeri yang berbudaya Islam yang tinggi. Sekian, terima kasih.

TUAN Pengerusi : Taman Templer.

Y.B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL : Tuan Pengerusi terima kasih memberi peluang ruang bagi saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini sebelum. Saya ingin menyentuh pada muka surat 309, 310 dan 323. Tetapi sebelum itu biar saya mengambil kesempatan ini mengucapkan.

TUAN Pengerusi : Kod mana ini, tidak boleh semua ini,

Y.B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL : Minta maaf butiran 517001, butiran 518000 dan butiran.

TUAN Pengerusi : Satu demi satu tak boleh semua ini, satu demi satu. Mana satu.

Y.B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL : Ya, ok. Jadi menyentuh dulu butiran 518000. Tuan Pengerusi terlebih dahulu biar saya

TUAN Pengerusi : Ya di bawah mana. Ada subnya lagi.

Y.B. DATO' SUBAHAN B. KAMAL : 29000 minta maaf 29000 perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat Gombak Setia kerana dikhabarkan jadi ada salah seorang keluarganya meninggal. Saya nak mengambil bahagian dalam butiran ini kerana dinampakkan bahawa peruntukan yang diperuntukkan cukup besar. Tetapi Tuan Pengerusi, saya melihatkan di sini banyak Surau-Surau dan Masjid yang ada di Negeri Selangor khususnya di kawasan saya di Taman Templer pula. Satu kekurangan yang paling ketara adalah Van Jenazah, sampaikan ada salah satu tempat di kawasan saya terpaksa menggunakan lori untuk membawa jenazah apabila ada kematian. Tetapi alhamdulillah wakil rakyat DUN Templer prihatin dan berwibawa maka saya telah dapat menyelesaikan masalah itu khususnya di Kampung Batu 16, Batu 16, Rawang. Tapi walaupun begitu, saya berharap peruntukan yang diperuntukkan yang cukup besar ini perlulah diberi pengkhususan untuk pembelian van-van jenazah untuk diguna pakai oleh orang-orang

Islam yang akan menghadapi kematian di kawasan masing-masing. Saya juga ingin menyentuh butiran 02000, Pejabat Agama Islam, kod 02003, Tanah Perkuburan Daerah-Daerah. Tuan Pengerusi, saya melihatkan bahawa....

TUAN PENERUSI : Itu muka surat mana?

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Muka surat 323, 323.

TUAN PENERUSI : Itu dah masuk pembangunan, belum sampai lagi. Minggu depan.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ok, tak apa, minta maaf. Penggal pertama, keliru sedikit. Saya, kalau begitu saya menyentuh butiran 517001, Bahagian Dakwah Dasar Baru.

TUAN PENERUSI : Muka surat?

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Muka surat 309. Tuan Pengerusi, saya memang kagum dengan Bahagian Dakwah Dasar-Dasar Baru yang ada dengan Kerajaan Pakatan Rakyat. Di Negara *United Kingdom* (UK), telah berjaya melahirkan satu kumpulan bernama *Spice Girls* tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat, syabas dapat melahirkan *Spice Woman*. Saya juga ingin bertanyakan peruntukan RM500,000.00 yang diperuntukkan ini adakah peruntukan ini juga untuk membawa satu dakwah baru yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dengan mengadakan satu konsert dalam 100 hari memerintah dalam negara ini dengan menjemput satu kumpulan *underground* dengan mengadakan satu lagu bertema jirat. Adakah ini pun termasuk dalam bahagian dakwah dasar baru ini? Itu saya nak minta? Oh, ya Sekinchan, sila?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan dalam jadual B 14, Jabatan Agama Islam Selangor, muka surat 306, butiran 505000, kod 11000 gaji dan upahan. Saya juga menghadapi, DUN Sekinchan juga menghadapi masalah dengan Taman Templer di mana ada juga permintaan daripada komuniti umat Islam di DUN Sekinchan, daripada Parit 7, Parit 8, Parit 9 nya dengan paritnya sekali semua, Parit 4 nya. Minta satu (1) van jenazah diperuntukkan daripada JAIS kepada umat Islam di DUN Sekinchan supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dengan baik. Mutakhir ini memang berlaku banyak masalahlah. Itu satu, yang keduanya, sejak 51 tahun Merdeka, hingga sekarang, DUN Sekinchan ini kekurangan satu (1), Sekolah Menengah Agama di DUN Sekinchan ini. Ramai ibu bapa terpaksa menghantar anak mereka, umat Islam pergi ke Pasir Panjang yang jauh, 15 kilometer. Kena bangun pagi dan sebagainya. Kalau boleh dalam beberapa tahun ini, Pakatan Rakyat ini boleh dirikan satu (1) Sekolah Menengah Agama di DUN Sekinchan ini, saya rasa ini satu yang terbaiklah dari Pakatan Rakyat untuk rakyat di DUN Sekinchan ya.

TUAN PENERUSI : Ini patut di bawa semasa usul Pembangunan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha, itu satu. Yang kedua, saya nak ucapkanlah terima kasih kepada JAIS, Jabatan Agama Islam kerana pilih DUN Sekinchan untuk dijadikan program Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan Kepada Anak Yatim bersama DYMM Tuanku pada 21 hari bulan ni. Terima kasih, harap tahun depan pilih lagi Sekinchan kerana asnaf di sana...

TUAN PENGERUS : Lain kali hantar kadlah, jangan bawa ke Dewan, hantar kad ucap terima kasih, cukup. Baik, pihak Kerajaan.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama sekali terima kasih kepada Y.B. Sijangkang, Y.B. Bangi, Y.B. Taman Templer dan Y.B. Sekinchan. Pertama sekali tentang guru-guru SRA, guru-guru SRAI dan bagaimana memartabatkan guru-guru ini. Pertama sekali berbeza dengan guru-guru lain. Guru-guru kita ini bilangannya walaupun tidak begitu besar tapi bilangannya agak besar apalagi bila dicantumkan dengan guru-guru KAFA , bilangannya melebihi daripada 7000 orang. Jadi, sebab itu bila kita nak mengambil tindakan-tindakan pembaikan, tak boleh tengok satu (1) kumpulan, kena juga tengok juga kumpulan yang lain dan saya sedang merangka satu rangka yang komprehensif bersama dengan JAKIM dan sebagainya. Sebagaimana yang saya beritahu kelmarin, bahawa kemungkinan besar JAKIM sudah memberitahu saya ada ura-ura dan ura-ura itu akan dikonkritkan untuk memberikan imbuhan, kenaikan imbuhan kepada guru-guru KAFA dan kesan kepada kenaikan ini, saya rasa juga kemungkinannya akan mengalir kepada guru-guru di SRA, guru-guru di SRA bagi Negeri Selangor ini. Tapi saya merasakan ini hanya pemikiran awal sahaja dan tidak ada pihak-pihak menyatakan ini perjanjian kita seterusnya, besok, lusa untuk menaikkan imbuhan-imbuhan tersebut.

Nombor dua (2) ialah soal *profesionalisme*. Saya rasa sudah sampai masanya Tuan Pengerusi, kita menaikkan taraf profesionalisme guru-guru yang mengajar di kampung-kampung. Ini di kampung, SRA banyak di separuh kota, di separuh desa dan sebahagiannya di kampung-kampung yang juga kita perlu memberikan perhatian. Terima kasih, kami sebenarnya kepada guru-guru SRA, guru-guru SRAI, walaupun dalam keadaan mereka yang agak sedikit tertinggal dari segi imbuhan dan sebagainya tetapi komitmen mereka tidak pernah kita persoalkan. Dan mereka telah memberikan komitmen, sebagaimana yang saya sebut kelmarin, walaupun ada tawaran-tawaran dengan imbuhan yang lebih tinggi tetapi mereka masih bersama dengan SRA, masih bersama dengan SRAI, masih bersama dengan JAIS. Semata-mata kerana mereka menyumbang untuk agama, untuk Negeri dan sebagainya. Jadi, saya akan menentukan sebagaimana yang saya sebutkan kelmarin, bersama-sama dengan JAIS, bersama dengan MAIS, bersama-sama dengan Lembaga Zakat dan bersama dengan pihak-pihak swasta yang ingin menyumbang. Kita akan merangkakan satu program, satu *blue print*, bagaimana caranya kita menaikkan tahap *profesionalisme*. Pada masa yang sama ialah kita memperkasakan guru-guru SRA, guru-guru SRAI. Kemudian tu ialah soal mitib disebutkan tadi oleh.....oleh Sijangkang. Sebagaimana yang saya sebutkan DYMM Tuanku telah pun perkenan untuk memberikan kepada kita menggunakan Istana Jugra untuk dijadikan sebahagian daripada mitib dan pembesaran mitib akan dilakukan bukan sahaja nanti, tetapi *Insyah-Allahlah* akan ada mitib Hulu Langat, akan ada mitib Kuala Langat, akan ada mitib Sabak Bernam dan saya berharap dalam jangka masa dua (2), tiga (3) tahun, dengan kelulusan daripada Kerajaan, daripada EXCO, daripada PWN, daripada JAKIM, JAIS dan MAIS, daripada Lembaga Zakat. Kita akan syorkan nanti perkembangan mitib untuk menjadi betul-betul bukan sahaja sebuah Maahad Tahfiz yang cemerlang, yang gemilang, berprestasi tinggi tetapi Maahad Tahfiz yang bercorak teknologi. *More technology buyers, more technical buyers*. Mereka menguasai fizik, tetapi dalam dirinya ada 24 juzuk Al-Quran.

Kemudian, saya ingin juga menyebut Templer tadi, tentang, tentang....Saya nak sebut yang disebutkan tentang, Kajang tadi. Tentang Sekolah-Sekolah Rakyat ni, Sekolah-Sekolah Agama Rakyat. Di bawah UMNO dan Barisan Nasional, Sekolah Agama

Rakyat ni di anak tirikan langsung. Sebab, Sekolah Agama Rakyat ini dikatakan sebagai kubu-kubu PAS. Ini masalahnya, saya adalah di antara yang mula-mula rasanya memanggil semua pimpinan-pimpinan Sekolah Agama Rakyat ini. Dua (2) kali saya berjumpa dengan mereka, mereka berjumpa ada teman-teman tak nak berjumpa dengan mereka. Ada pihak-pihak yang tak nak berjumpa dengan mereka kerana mereka pakai kopiah putih, kerana mereka pakai serban, kerana mereka pakai jubah. Mereka diketepikan oleh kerana mereka pakai jubah, pakai serban putih dan sebagainya. Inilah saya rasa mentaliti yang ada pada UMNO dan Barisan Nasional. Sungai Panjang tak ada juga, saya pun semalam menggulung dia tak ada. Puchong tak ada, Sungai Air Tawar tak ada. Ini lagi satu yang jahat ni, Sementa tak ada. Ha, jadi saya rasa kecewalah. Sebenarnya saya nak tanya mereka, nak minta mereka berikan ulasan tentang apa yang mereka dah lakukan selama 50 tahun. Apa yang dah mereka lakukan pada Sekolah Agama Rakyat ini dan kemudian Sekolah Tahfiz. Termasuklah Sekolah Tahfiz ini. Kemudian Taman Templer, tentang van-van jenazah. Saya dah terfikir begini, sebenarnya banyak *philanthropist*, yang kita tidak dekati mereka. *There is a lot of philanthropist, those billionaires, don't millionaires*. Yang kalau kita dekati mereka, kita bayangkan kita bagi satu taklimat. Saya bercadang Dato' Ijok ya. Dato' Seri Ijok. Saya bercadang kalau dapat saya panggil satu masa nanti, bagi-bagi minum-minum sikit, kita nak terangkan apa keperluan kita, masyarakat Islam, antaranya ialah van jenazah. Kalau jenazah dibawa dengan lori, saya rasa di antara benda yang Islam anggap suci, kubur itu suci. Jenazah lebih suci daripada kubur. Tetapi kalau jenazah dibawa dengan lori, saya rasa kita memartabatkan, tidak langsung memartabatkan, ertinya kita buta langsung tentang erti jenazah dalam hidup kita. Saya sama sekali tidak bersetuju dan saya tak sanggup tengok jenazah, jenazah saya pun saya beritahu anak saya, jangan naik lori. Ha, jadi sebab itu saya akan tentukan dengan kerjasama daripada teman-teman nanti, teman-teman *philanthropist* ini, saya berharap. Selain itu, saya bukan hanya menyatakan *philanthropist* saya nak minta *philanthropist* itu sahaja. Tapi saya akan juga mendekati Badan-Badan yang lain, termasuklah Badan-Badan dalam Lembaga Zakat dan sebagainya, supaya dapat bergabung tenaga. Saya nak tengok keperluan satu Selangor ni, berapa van jenazah yang kita perlukan. Sehingga ini, satu (1) inventori belum dibuat lagi. *I need to see the inventory. Really seriously because this has been popping out you know from time and time*. Minta, minta izin Tuan Pengerusi ya. Dan saya perlu menyelesaikan masalah ini. Dan kemudian akhirnya ialah tadi Sekinchan ya, minta van jenazah pun serupa juga, saya dah jawab....

TUAN Pengerusi : Y.B, Y.B, Kota Damansara ada minta laluan.

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim : Maaf. Pohon mencelah.

Y.B. Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali : Sila, sila.

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim : Ni nak tanya sahaja, sama ada JAIS ada Jawatankuasa khusus untuk mengambil kira kesejahteraan dan kebajikan mualaf. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Ini dah soalan baru ni.

Y.B. Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali : Tak apalah, minta pendapat. Tak apalah, tak apa, tak apa. Semalam dia ada bagi kita kursus tentang sosialisme. Jadi, tentang mualaf ni, kita ada satu Jawatankuasa Khas tentang mualaf. Saya pun dah bertemu dengan mualaf ni dah dua (2) kali bertemu dengan mualaf. Saya nak bagi tahu

kasih kita pada muallaf ini dan saya menunjukkan kasih sayang dan kecintaan kita kepada muallaf ini. Sebab itu kita akan membantu mereka. Kalau misalnya ada muallaf yang tersadai, yang tidak dapat dibantu kehidupannya kerana dia masuk Islam menyebabkan mereka terpinggir. Jumpa saya, berikan nama mereka, berikan nombor telefon mereka dan alamat mereka. Kemungkinan saya akan menziarah mereka. Jadi itulah yang kita mesti lakukan dalam konteks kasih kita kepada teman-teman yang telah dibukakan hatinya oleh Allah S.W.T. untuk bersama-sama dengan kita *in the full of Islam*. Kemudian, yang disebut Taman Templer tadi tentang Bahagian Dakwah. Ialah kita ni *Spice Woman* kita ni *SPIES*, yang di England tu *SPICE*. Dia orang tak tahu tu. Dia orang tak tahu. Jadi apa yang saya nak sebutkan tentang Bahagian Dakwah ini. Saya mesti mengucapkan Bahagian Dakwah ini. Kalau saya boleh sebut namakan Ustaz Zaki telah memainkan peranan dengan teman-teman yang lain. Dengan Pengarah JAIS dan sebagainya. Program Dakwah ini yang saya terlibat boleh dikatakan setiap dua (2) minggu. Berjumpa dengan ahli-ahli korporat, dakwah dengan ahli korporat. Berjumpa dengan muallaf, dakwah dengan muallaf. Berjumpa dengan organisasi NGO-NGO, berjumpa dengan NGO-NGO, rasa saya dalam JAIS ini yang paling aktif sekali adalah tentang pendakwaan. Jadi, kalau misalnya Templer ingat kalau perlu kita mengadakan satu program, tapi Templer kena hadir sama dalam program itu. Ha, kena hadir sama dalam program itu dan tadi saya pun berada dengan Batu...Rawang, Batu 16 tadi yang disebutkan untuk bersama-sama dengan teman dalam fardhu Jumaat tadi. Jadi kalau misalnya ini kalau hendak dianjurkan, saya harap selepas ini, selepas ini, orang-orang Pembangkang ini, saya nak persilakan dalam program kita. *Serious, very serious* dan saya akan menentukan inilah yang akan dijalinan di antara kita demi untuk rakyat, demi untuk agama, demi untuk kesejahteraan manusia sejagat, apalah salahnya dalam satu ketika dan masa kita duduk bersama. Jadi, inilah yang saya fikir jambatan yang perlu dilahirkan. Dan saya harap tapi Sungai Panjang ta ada. Sebagai Ketua tak ada. Saya nak bercakap dengan kerusi Ketua Pembangkang ini. Ha, dia dapat 28 undi sahaja. Saya ingat dia tak terpilih. Kemudian tu, yang akhirnya dah tak ada dah. Saya rasa cukup setakat itu, Tuan Pengerusi. Saya mengharapkan jawapan ini....

TUAN PENERUSI : Ya, Gombak Setia. Sijangkang ada soalan? Berkaitan ya...

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Y.B. Gombak Setia, kalau dapat minta diulas juga berkaitan dengan perjawatan yang saya sebutkan tadi termasuklah Tukang Kebun dan Kerani yang rasanya ada keperluan di situ dan juga Pegawai Keselamatan.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, terima kasih. Sijangkang ini teliti orangnya. Dia doktor. Ha, dia doktor ni, dia teliti, dia tak macam Sekinchan kurang teliti. Jadi, ha, Sijangkang, bila saya menyebutkan tentang pemerkasaan Sekolah Rakyat, SRA, SRAI ini. Sudah tentulah saya tidak akan meminggirkan Tukang Kebun, meminggirkan Kerani sekolah dan sebagainya. Bahkan *Insyaa-Allahlah*, yang kita, saya seronok lihat sekarang. Saya pergi mana-mana SRA, SRAI, saya tengok ada *Security Man* dekat situ. Ini pun satu fenomena baru sebenarnya yang berlaku di sekolah-sekolah kita. Terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat . Terima kasih.

TUAN PENERUSI : Jadual B 14, iaitu wang sejumlah RM136,031,857 untuk Kepala B14 Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada jadual . Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju silakan kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B15, Jabatan Kebajikan Masyarakat, RM 10,928,517.

TUAN Pengerusi : Jadual B15 iaitu wang sejumlah RM 10,928,517 untuk kepala B15, Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B16, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, RM 4,843,997.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker.

TUAN Pengerusi : Ya, Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Merujuk ke muka surat 338, butiran 50, 5000 kod 21000. Tuan Speaker, sekarang merupakan....Tuan Pengerusi. Oops, Tuan Pengerusi, maaf, sekarang merupakan musim hujan, hujan yang hebat dan lebat dan berterusan sering mengakibatkan banjir kilat. Di sini saya nak menentukan sedikit perancang Bandar yang lebih menyeluruh untuk mengelakkan banjir. Pembangunan di seluruh negeri Selangor begitu pesat..

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat, kita sekarang di Jabatan Kebajikan, ya dah terlepas.

Y.B. PUAN LEE YING HA : *Sorry.*

TUAN Pengerusi : Ya, Perancang Bandar, kita masih di Kebajikan, Perancang Bandar, baik silakan. Minta maaf.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Bukan salah saya, saya pun keliru.

TUAN Pengerusi : Ya. Silakan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Pembangunan di Negeri Selangor sangat pesat tetapi tidak begitu memuaskan dari aspek infrastruktur. Umpamanya sistem perparitan dan jalan raya dibina berasaskan bilangan penduduk. Kini jumlah penduduk semakin bertambah dengan penghijrahan dari luar Bandar ke Bandar. Dalam konteks ini bilangan infrastruktur mesti ditambah dan dikaji semula dalam jangka masa tertentu. Contohnya sistem perparitan seperti longkang hendaklah ditambah atau dikorek dengan lebih dalam lagi untuk menangani masalah banjir kilat. Kerja-kerja penaiktarafan itu merupakan tanggungjawab pemaju dan seharusnya diwajibkan ketika mereka mengemukakan permohonan projek pembinaan. Ini merupakan amanah dan tanggungjawab sosial syarikat pembangunan melakukan perancangan Bandar yang menyeluruh bukan sahaja di kawasan mereka tetapi kawasan sekeliling kawasan perumahan mereka. Tambahan pula kawasan-kawasan takungan air seperti di lereng atau di gunung telah digunakan untuk membuat berbagai pembangunan yang mewah-mewahan. Ini telah menunjukkan perancangan Bandar dan pembangunan yang tidak sempurna dan cekap. Ia mengakibatkan kesan negatif kepada alam sekitar iaitu ke

tidak seimbangan *system* ekologi. Isu-isu pengeksploitan tanah sering berlaku. Ia bukan sahaja menyebabkan kehilangan tempat kediaman haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang bernilai, kehidupan penduduk setempat juga terjejas. Kalau kita membandingkan suhu 20 tahun dan suhu sekarang, suhu sekarang semakin tinggi dan panas iaitu punca kekurangan tumbuh-tumbuhan seperti pokok.

TUAN Pengerusi : Yang Berhormat mana tahu, Yang Berhormat 20 tahun dulu baru 8 tahun.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Saya sudah lahir lah pada masa itu

TUAN Pengerusi : Ya la, baru 8 tahun. Mana boleh beza suhu.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Sebab saya boleh rasa. Ah. Sejuk sebab saya penduduk di Kuala Lumpur dan sekarang masih penduduk di Kuala Lumpur, jadi boleh buat perbandingan la. Jadi saya teruskan, bermula dari minggu lepas, banyak kawasan mengalami banjir iaitu yang sudah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Jesteru itu, saya ingin menyeru pihak Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Perancangan Bandar di setiap PBT dan menjemput pakar-pakar membuat penyelidikan secara teliti untuk memastikan pembangunan yang berterusan boleh dicapai. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Pihak Kerajaan. Rawang. Sila.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian perkara butiran mukas urat 355, butiran 50500, 28 ribu kod, saya ingin menarik perhatian terhadap dua kampung, yang mana majoriti penduduknya adalah penduduk India iaitu Kampung Sungai Bakau dan Sungai Dua Tambahan di mana kampung-kampung ini saya berasa simpati sebab dalam saya menyemak semarai JKKK, kedua-dua kampung ini tiada dalam senarai tetapi saya dalam proses meminta supaya dimasukkan kalau boleh dan kedua infra yang disediakan di kampung-kampung ini memang tidak mencukupi. Jalan yang disediakan tiada dan lampu tidak cukup dan mereka yang paling sedih lagi mereka tiada *system* alamat, sehingga posmen pun tak masuk. Jadi kalau nak hantar surat pun, hantar kepada satu rumah aje, jadi semua orang pergi rumah itu dan ambil. Jadi saya harapkan....

TUAN Pengerusi : Itu perancang ke, itu perancang ke? Itu bukan perancangan ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Dia kena ada sistem perancangan sebab dia satu kampung penempatan semula, so saya harapkan mungkin perancangan Bandar dan desa , sebab ada desa boleh sekali ambil perhatian terhadap *system* masa kita nak buat satu kampung ataupun taman.

TUAN Pengerusi : Ini kena semak, ini bukan bawah perancangan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Ok. So yang kedua berkenaan dengan perancangan Bandar, selain infra yang perlu dilengkapi seperti jalan dan semua ini saya juga menyeru kalau boleh ada satu *system* pengangkutan yang lebih menyeluruh ke dalam taman-taman dalam sesuatu kawasan itu sebab ada permintaan yang meningkat dan sekarang dengan kos minyak yang semakin meningkat penduduk sebenarnya lebih bergantung

kepada pengangkutan awam. Jadi saya berharap dalam pelan perancangan itu boleh ambil kira aspek ini juga. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Kota Damansara

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir Bin Hashim : Terima kasih. Tuan Pengerusi, muka surat 355, B16 butiran 50500

TUAN Pengerusi : Muka surat berapa?

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir Bin Hashim : Muka surat 355, B16, butiran 50500 kod 10100. Memandangkan Tuan Pengerusi, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa sebagai nadi kerana kalau kita lihat katakan semua sekali dari segi pembangunan, saya juga mahu tahu bagaimana penjelasan yang dilakukan. Saya faham memang kompleks sedikit, juga kerana pembangunan ini melibatkan projek perumahan dan perindustrian dan seterusnya, isu yang kerap timbul adalah bahawa penyelarasan ataupun perancangan di mana isu yang kerap timbul adalah penyelarasan atau perancangan di mana kalau dua projek perumahan yang berdekatan akhirnya jalan tak bertembung kerana dia buat kerja dia, dia buat kerja dia dan ini juga satu masalah di mana kita dapat melihat bahawa perancangan secara menyeluruh tak dapat kerana saya percaya pada masa yang lepas kalau ada duit banyak, tunjuk tempat boleh buat apa-apa sahaja. So ini telah menimbulkan berbagai masalah di kawasan kami dan kami nak tahu kalau nak belajar juga lah dari segi perancangan yang melibatkan Local Agenda LA21 Selangor , LA21 Perbandaran kerana saya juga terlibat dalam *newspaper* nak faham bagaimana penyelarasan dilakukan dengan sebaik boleh kerana saya merasakan orang yang berkaitan dengan ini amat penting kerana secara menyeluruh dan secara berharmoni bukan sahaja melibatkan secara *structure* tetapi dari segi masalah sosial, hubungan di antara satu dengan lain. Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Pihak Kerajaan

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Tuan Pengerusi, sebahagian besar daripada perbelanjaan ini digunakan untuk membuat kajian. Kita bukan hanya mengharapkan jabatan itu, tetapi jabatan itu perlu membuat kajian perancangan bandar dan desa ini. Sebelum kita merancang kita juga kena membuat jangkaan, itu masalah yang terbesar apabila jangkaan kita itu terkurang daripada apa yang kita rancangkan, ataupun apa yang kita rancangkan kita tidak buat, itu pun antara sebab-sebabnya. Oleh sebab itu saya berharap kita menerima beberapa rintihan dan cadangan, namun kita hendak lakukan secara bertahap sekurang-kurangnya setiap tiga bulan, iaitu ada Jawatankuasa Perancangan yang kita ambil kira. Namun, saya berasa ini bukan suatu perkara yang boleh dibuat dalam masa satu minggu, sebaliknya mengambil masa yang agak lama. Kita boleh terangkan apa yang kita lakukan dalam tiga bulan lagi dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri.

TUAN Pengerusi : Jadual B16 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Empat Juta Lapan Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Tujuh untuk kepala B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakana Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B17 Jabatan Haiwan. Ringgit Malaysia Lapan Juta Empat Ratus Empat Puluh Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Lima.

TUAN Pengerusi : Jadual B17 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Lapan Juta Empat Ratus Empat Puluh Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Lima untuk kepala B17 Jabatan Haiwan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Pindaan jadual B18 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Lima Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus Lima Puluh Dua untuk kepala B18 Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang diedarkan terlebih dahulu. Pindaan kepada kepala B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dengan menggantikan perkataan Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Lima Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus Lima Puluh Dua Ringgit, dengan perkataan Ringgit Malaysia Sembilan Juta Lima Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus Lima Puluh Dua Ringgit.

TUAN Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Nak bahas?

Y.B. TUAN LAUN WENG SAN : Saya ingin bertanya sedikit. Saya telah perhatikan bahawa telah ada pindaan sebanyak 3 juta daripada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling dan peningkatan sebanyak 3 juta ke dalam Jabatan Pengairan dan Saliran. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada pembinaan ini ada berkaitan dengan pengairan dan saluran. Itu sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ini penurunan bukan kenaikan.

Y.B. TUAN LAUN WENG SAN : Diturunkan kemudian Jabatan Pengairan dan Saliran tadi, kita ada tambah. Dan saya juga tanya sama ada ia digunakan untuk pengairan dan saluran di daerah Petaling atau Hulu Selangor. Kemudian digantikan dengan tempat lain. Keseluruhan. Apabila kita tarik ini maknanya dia hendak pergi ke dalam akaun keseluruhan.

TUAN Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan dicadangkan di dalam kertas pindaan hendak disetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Pindaan dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B18, Pejabat Daerah dan Petaling seperti yang dipinda.

TUAN Pengerusi : Jadual B18, Pejabat Daerah dan Petaling seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B19, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Ringgit Malaysia Sembilan Juta Lapan Puluh Empat Ribu Enam Ratus Lima Puluh Empat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi

TUAN Pengerusi : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Merujuk kepada muka surat 408, butiran 524000 dan kod 29000 Pembangunan Masyarakat. Walaupun hal ehwal orang asli ada jabatan khasnya saya ingin membuat permohonan agar pembangunan masyarakat ini juga mengambil kira kebajikan dan bantuan khas kepada orang asli khususnya di Kampung Kemensah Hulu Kelang. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Pengerusi.

TUAN Pengerusi : Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Muka surat 407, butiran 50500 sebelas ribu, gaji dan upahan. Saya sebab dalam projek MAS Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun yang akan datang, pasir merupakan salah satu pendapatan untuk negeri kita. Jadi saya difahamkan bahawa bilangan penguatkuasaan di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak sebenarnya tidak mencukupi untuk menangani masalah yang luas ini dan saya berharap pegawai akan ditambahkan lagi supaya mereka boleh melaksanakan tugas dengan lebih berkesan sebab semalam beberapa hari yang lepas semasa kita sidang DUN juga dalam kawasan Rawang sudah berlaku pencurian pasir, masa *by election* dengan izin Permatang Pauh juga dia orang berlaku pencurian pasir. Jadi saya nampak memang kurang Pegawai Penguatkuasaan jadi diharap akan diberi perhatian untuk tambahkan bilangan pegawai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli mesyuarat sekalian saya tangguhkan mesyuarat dan jawatankuasa. Dewan bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah 5.30 petang, maka saya tangguhkan dewan ini sehingga 28 Oktober 2008 hari Selasa. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)